05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN CERPEN DAN NOVEL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

NUR IFFAH ATIRA BINTI ISMAIL

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN CERPEN DAN NOVEL

NUR IFFAH ATIRA BINTI ISMAIL

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيورسيتي فندidikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan ✓
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 10/5/2021

Student'Declaration:

Saya, NUR IFFAH ATIRA BINTI ISMAIL, M20161000865 FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN CERPEN DAN NOVEL adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya..

Tandatangan pelajar

Supervisor's Declaration:

Saya Prof Madya Dr Azhar Wahid dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN CERPEN DAN NOVEL dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian syarat untuk memperoleh IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN KESUSASTERAAN MELAYU.

31-11-2022
Tarikh

Tandatangan Penyelia
Profesor Dr. Azhar Hj. Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
اونيۏرسيتي ڤندidikan سلطان ادريس
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY
INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title:* MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN CERPEN DAN NOVEL

No. Matrik / *Matric's No.:* M20161000865

Saya / *I:* NUR IFFAH ATIRA BINTI ISMAIL
(Nama pelajar / Student's Name)

Mengaku membenarkan Tesis/Desertasi/Laporan Kertas Projek (Doktor Falsafah/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
Acknowledge that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan sahaja.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of research only.
3. Perpustakan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Perpustakaan tidak dibenarkan membuat penjualan sainan Tesis/Disertasi ini bagi kategori **TIDAK TERHAD.**
   The library are not allowed to make any profit for 'Open Access' Thesis/Dissestation.
5. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL*** — Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED*** — Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/ badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☑ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***

(Tandatangan Pelajar / Signature)

Tarikh: 21-11-2022

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Profesor Dr. Azhar Hj. Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertesi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT dan TERHAD.**
Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentially or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DEDIKASI



Ibu bapa tercinta…

Penguat semangat dikala jatuh Sumber inspirasi dikala ketandusan Penyeri dikala hati berduka

Adik-beradik yang kusayangi… *Pemberi semangat terus berjuang Peneman dikala masalah melanda Peneman berbual pabila sepi*

Pensyarah… *Membimbing saat diriku kekeliruan Membentuk anak suluh budiman ini*

Melaksanakan tanggungjawab terhadap negara dan bangsa

Rakan seperjuangan…

Nur Atiq Shahirah dan Nur Wahida Berjuang demi sebuah impian Mengeratkan silaturrahim antara kita.

TERIMA KASIH BUAT SEMUA.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya, penulisan ilmiah ini dapat saya sempurnakan dengan jayanya. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih buat pensyarah yang banyak membimbing saya dalam menyiap tesis ini iaitu Prof Madya Dr. Azhar bin Wahid yang telah banyak membantu memberikan panduan dalam penulisan hasil kajian ini dan juga telah meluangkan masa, memberi bimbingan dan motivasi sepanjang proses menyiapkan kajian ini.

Selain itu, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih buat rakan-rakan seperjuangan dari ISP Kesusasteraan Melayu (KM), Nur Atiq Shahirah yang telah banyak membantu berkongsi maklumat, memberi tunjuk ajar serta memberi sokongan dalam proses menyiapkan kajian ini. Segala tunjuk ajar dan pertolongan dari anda berdua sangat saya hargai dan saya mendoakan agar kita semua memperoleh kejayaan dengan apa yang telah kita usahakan ini.

Tidak lupa juga buat kedua orang tua saya, Ismail bin Abd Ghani dan Fatimah binti Hassan serta adik-beradik yang banyak memberi bantuan dari pelbagai sudut juga dari segi kewangan dan memberi sokongan dan dorongan sepanjang proses menyiapkan kajian ini. Tanpa insan tersayang ini, tidak mungkin saya mampu untuk mengecapi apa yang saya perolehi hari ini. Terima kasih!

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti pengajaran cerpen dan novel dalam matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian ini juga bertujuan mengenalpasti kaedah pengajaran cerpen dan novel dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Objektif kajian ini, pertama pengkaji menganalisis model pembelajaran sedia ada dan disesuaikan supaya lebih fleksibel dalam pengajaran cerpen dan novel. Kedua kajian ini akan menggabungkan elemen supaya menjadi satu model pembelajaran yang fleksibel untuk pengajaran cerpen dan novel. Ketiga, akan dapat dilihat kebolehsanaan model Integratif dalam pengajaran cerpen dan novel. Kemudian, pengkaji akan merumuskan model integratif bagi pengajaran cerpen dan novel dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian akan dibataskan kepada 10 orang guru Kesusasteraan Melayu untuk mendapatkan kriteria-kriteria yang diperlukan dalam pembinaan sebuah model pembelajaran yang berfokuskan kepada matapelajaran Kesusasateraan Melayu. Kriteria ini akan diperolehi melalui soal selidik yang akan dijalankan kepada 10 orang guru Kesusasteraan Melayu di negeri Kedah. Selain itu, pemerhatian pengajaran menggunakan model Integratif akan dilakukan terhadap dua buah kelas Kesusasteraan Melayu juga di negeri Kedah. Hasil daripada kajian ini akan mewujudkan satu model pembelajaran untuk matapelajaran Kesusasteraan Melayu khusus untuk cerpen dan novel. Model Integratif akan membantu meningkatkan kualiti pengajaran dengan penggunaan pendekatan yang sedia ada. Akhir sekali, perubahan terhadap proses pengajaran juga akan membantu memudahkan sesi pengajaran guru di dalam kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

INTEGRATIVE MODEL OF TEACHING SHORT STORIES AND NOVELS

ABSTRACT

This study was implemented to improve the quality of teaching short stories and novels in the subject of Malay Literature. This study also aims to identify methods of teaching short stories and novels in the subject of Malay Literature. Objective in this study, researchers analyze existing learning models and adapted to be more flexible in teaching short stories and novels. Second objective this study will combine elements so as to become a flexible learning model for the teaching of short stories and novels. Third objective, it will be possible to see the feasibility of the Integrative model in the teaching of short stories and novels. Then, the researcher will formulate an integrative model for the teaching of short stories and novels in the subject of Malay Literature. The study will be limited to 10 Malay Literature teachers to obtain the criteria needed in the construction of a learning model that focuses on the subject of Malay Literature. These criteria will be obtained through a questionnaire that will be conducted to 10 teachers of Malay Literature in the state of Kedah. In addition, the observation of teaching using the Integrative model will be done on two Malay Literature classes also in the state of Kedah. The results of this study will create a learning model for Malay Literature subjects specifically for short stories and novels. The Integrative Model will help improve the quality of teaching with the use of existing approaches. Finally, changes to the teaching process will also help facilitate teacher teaching sessions in the classroom.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN ii

PENGESAHAN PENYERAHAN LAPORAN KERTAS PROJEK iii

DEDIKASI iv

PENGHARGAAN v

ABSTRAK vi

ABSTRACT vii

KANDUNGAN viii

SENARAI JADUAL xii

SENARAI RAJAH xiii

SENARAI SINGKATAN xv

SENARAI LAMPIRAN xvi

BAB 1 PENGENALAN 1

1.1 Pendahuluan 1

1.2 Latar Belakang Kajian 3

1.3 Pernyataan Masalah 7

1.4 Objektif Kajian 11

1.5 Soalan kajian 11

1.6 Teori Pembelajaran 12

1.7 Kerangka Model Integratif 15

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Konseptual Kajian 17

1.9 Kepentingan Kajian 19

1.10 Batasan Kajian 23

1.11 Definisi Operational 24

1.11.1 Pembangunan Model 24

1.11.2 Integratif 25

1.11.3 Pengajaran 25

1.11.4 Cerpen 26

1.11.5 Novel 26

1.11.6 Kesusasteraan 27

1.11.7 Teori 27

1.11.8 Ekspositori 28

1.11.9 Metakognitif 28

1.11.10 Mediatif 29

1.11.11 Sosialisasi 29

1.11.12 Kolaboratif 29

1.11.13 Improvisasi 30

BAB 2 SOROTAN LITERATUR 31

2.1 Pendahuluan 31

2.2 Penggunaan Model-Model dalam Sastera 32

2.3 2.4 Kesimpulan 52

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3	**METADOLOGI**	53
	3.1 Pendahuluan	53
	3.2 Reka Bentuk Kajian	54
	3.3 Model Integratif	57
	3.3.1 Teori Pembelajaran	58
	3.3.2 Pembangunan Model Integratif	66
	3.4 Sampel dan Lokasi kajian	75
	3.5 Instrumen Kajian	77
	3.6 Prosedur Pengumpulan data	83
	3.7 Penganalisisan data	85
	3.8 Kesimpulan	86
BAB 4	**MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN CERPEN DAN NOVEL**	87
	4.1 Pengenalan	87
	4.2 Latar Belakang Responden	89
	4.3 Aspek Pendedahan Guru Mengenai Model Pengajaran	106
	4.3.1 Model Ekspositori	109
	4.4 Aspek Pengalaman Guru Menggunakan Model Pengajaran dalam Proses Pengajaran Cerpen/ Novel	119
	4.5 Strategi Metakognisi	122
	4.6 Aspek Kesediaan Guru Melaksanakan Model Pengajaran dalam Pengajaran Cerpen/ Novel	148
	4.7 Kesimpulan	166

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5	**KESIMPULAN DAN CADANGAN**	168
	5.1 Pengenalan	168
	5.2 Kesimpulan Kajian	170
	5.3 Cadangan	171
	5.3.1 Pembinaan Model Pembelajaran Mengikut Mata pelajaran	172
	5.3.2 Menyertakan aktiviti PAK21 dalam Model pembelajaran	174
	5.4 Penutup	174
RUJUKAN		176
LAMPIRAN		179

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Langkah-langkah pengajaran selaras dengan fasa pembelajaran Gagne.	63
3.2	Jadual Pengumpulan Data	85
3.3	Analisis Data	86
4.1	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi di sekolah	90
4.2	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	94
4.3	Taburan bilangan umur dan peratusan responden	96
4.4	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar KM dan BM (KOMSAS)	97
4.5	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek major semasa belajar di IPT/ IPG	100
4.6	Taburan dan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek minor semasa belajar di IPT/IPG	102
4.7	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut opsyen mengajar di sekolah	104

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Campuran dua teori	12
1.2	Teori Pembelajaran Kognitif	13
1.3	Teori Pembelajaran Sosial	14
1.4	Kerangka Model Integratif	15
1.5	Kerangka Konseptual Kajian	17
3.1	Trigulasi	55
3.2	Asas teori membentuk model Integratif	58
3.3	Teori Pembelajaran Kognitif	59
3.4	Teori Pengamatan Gestalt	60
3.5	Teori Pembelajaran Sosial	63
3.6	Pengaruh Tiga Unsur dalam Pembelajaran Sosial	64
3.7	Pembangunan Model Integratif	66
4.1	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi di sekolah	91
4.2	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina	94
4.3	Taburan bilangan umur dan peratusan responden	96
4.4	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar KM dan BM (KOMSAS)	98
4.5	Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek major semasa belajar di IPT/ IPG	100

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6	Taburan dan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek minor semasa belajar di IPT/IPG	102
4.7	Taburan dan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek minor semasa belajar di IPT/IPG	104

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

BM	Bahasa Melayu
KM	Kesusasteraan Melayu
KOMSAS	Komponen Sastera

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

A Borang Soal Selidik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Setiap murid mempunyai perkembangan pembelajaran yang berbeza mengikut kepada tahap kemampuan diri sendiri. Hal ini berlaku disebabkan situasi persekitaran yang dialami adalah berlainan. Selain itu juga terdapat pelbagai faktor lain yang menyumbang kepada perkembangan alam pembelajaran murid terutama di sekolah. Tidak dapat dinafikan bahawa alam belajar iaitu dari sudut keadaan mahupun situasi mempengaruhi dan meransang minat murid untuk mengikuti sesuatu pembelajaran. Pastinya akan berlaku perubahan sekiranya matlamat sesuatu pembelajaran itu telah berjaya dicapai dengan jayanya. Bagi mencapai matlamat tersebut pelbagai langkah perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Terdapat 3 pembahagian dalam alam belajar iaitu dari segi fizikal, psikososial dan juga komuniti pembelajaran. Fizikal bukan bermakna ianya melihat kepada fizikal murid tetapi fizikal keadaan sekeliling, adakah ianya menyenangkan dan mendamaikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buat murid untuk mengalami sesuatu pembelajaran secara kondusif. Hal ini melibatkan pelbagai perkara yang mana mungkin dianggap remeh. Contohnya teknik penyusunan meja, kebersihan, tingkap yang mana memberi udara yang segar dan sebagainya lagi. Psikososial pula sangat membantu guru dalam menguruskan sesi pengajaran secara berkesan. Ianya boleh dilihat menerusi nada suara, tingkah laku, juga respon daripada murid. Akhir sekali ialah komuniti pembelajaran yang melihat kepada kelompok murid yang mengalami sesi pembelajaran secara bersama. Perkara ini sangat bagus bagi membentuk perkembangan pembelajaran murid dan membolehkan mereka lebih faham apa yang dipelajari.

Sesi pengajaran yang dijalankan oleh setiap guru pastinya mempunyai cara yang tersendiri. Cara tersebut dapat dilihat dari segi penyampaian guru itu sendiri. Selain itu juga segala teknik, strategi dan model yang digunapakai oleh guru turut membantu memudahkan sesi pengajaran. Sebagai seorang guru, wajar untuk mengetahui kepelbagaian teknik mahupun model yang mana bersesuaian dengan apa yang akan diajarkan kepada murid semasa sesi pengajaran. Umumnya konsep bagi sesuatu pengajaran adalah proses di mana ilmu disampaikan dan disebarkan kepada murid, memudahkan pembinaan ilmu, menggalakkan kepelbagaian aktiviti yang akan membantu seseorang murid belajar dan mencapai matlamat yang sepatutnya.

Walaubagaimanapun terdapat situasi di mana kesilapan berlaku tatkala guru gagal mengaplikasikan sesuatu pengajaran dengan sebaiknya. Hal ini memberi impak atau kesan yang negatif terhadap murid dari segi pembelajaran mereka. Kefahaman murid dalam sesuatu perkara atau topik yang diajarkan sangat penting. Hal ini kerana dengan kefahaman itu akan membuatkan pemikiran mereka berkembang dan seterusnya mampu untuk berfikir melangkaui jangkaan yang seharusnya. Tetapi apabila murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengalami masalah untuk faham akan sesuatu topik, ini yang akan membuatkan mereka berhenti dan berada di antara persimpangan yang akhirnya membuatkan mereka bosan dan hilang minat untuk belajar.

Kajian ini akan lebih berfokuskan kepada kriteria yang seharusnya ada dalam pengajaran cerpen dan novel. Hal ini kerana, seperti yang sedia maklum genre ini seringkali disogokkan kepada murid yang agak lemah dari segi pembelajaran. Oleh itu menjadi pilihan pengkaji bagi melihat bagaimana dapat diwujudkan penyelesaian dalam permasalahan yang sering dihadapi oleh guru terutamanya. Aspek-aspek tertentu menjadi pilihan pengkaji dan daripada itu kajian akan dilaksanakan yang mana hanya akan berfokus kepada pengajaran cerpen dan novel. Kajian ini juga penting agar dapat membantu guru dalam melaksanakan sesi pengajaran dengan baik. Sungguhpun mata pelajaran yang difokuskan oleh pengkaji cerpen dan novel dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, namun penyelesaian kepada masalah yang dikaji juga turut boleh digunapakai dalam mata pelajaran lain mengikut kepada kesesuaiannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.2 Latar Belakang Kajian

Ilmu pengetahuan menerusi pengajaran adalah salah satu cara dalam proses penyediaan murid dengan pengetahuan dan juga kemahiran. Segala proses ini akan turut diikuti oleh pengalaman yang dialami setiap murid dan ini akan menghasilkan sesuatu pembelajaran yang lebih bermakna kerana pengalaman adalah sesuatu yang berharga dapat dilalui oleh murid itu sendiri. Bagi menghasilkan sesi pengajaran yang baik memerlukan persiapan yang rapi agar segala matlamat dapat dicapai. Guru perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpandukan kepada sesuatu yang kukuh dan telah diteliti sebaik mungkin agar perancangan yang dihasilkan memberi pencapaian yang baik kepada murid juga guru itu sendiri.

Di setiap sekolah mahupun kelas pastinya mempunyai pendekatan aspek yang berbeza ketika guru menjalankan sesi pengajaran khususnya genre cerpen dan novel. Guru mempunyai peranan yang sangat besar dalam menangani kepelbagaian masalah yang wujud ketika sesi pengajaran. Berbekalkan kepada ilmu yang telah dipelajari, insan-insan bernama guru ini akan berusaha sehabis baik untuk mendidik murid mereka sehingga berjaya dalam kehidupan masing- masing. Objektif pengajaran menjadi taruhan kepada guru sama ada berjaya dicapai atau tidak. Objektif ini juga adalah sebagai matlamat seorang guru dalam melaksanakan sesuatu pengajaran dalam kelas. Untuk menghasilkan suatu pengajaran yang berkesan bukan mudah, banyak faktor dan elemen yang perlu diambil kira dari sekecil-kecilnya hinggalah ke besar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Setiap guru berupaya menghasilkan pengajaran cerpen dan novel yang berkualiti seandainya bertepatan dengan cara yang tepat. Penting untuk guru mengenalpasti keupayaan murid dalam kelas sebelum melaksanakan apa-apa teknik pengajaran. Hal ini kerana tahap perkembangan atau proses penerimaan murid terhadap sesuatu pengajaran adalah berbeza. Proses pembelajaran ini boleh dibahagikan kepada dua cara. Pertama penggunaan cara tradisional yang mana pengajaran berfokuskan kepada guru. Manakala cara yang kedua pengajaran secara moden yang berfokuskan kepada murid. Selain itu juga guru perlu tahu membezakan antara aspek strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan juga model. Di antara elemen-elemen yang digunakan guru semasa proses penyediaan pengajaran. Semasa pelaksanaan sesi pengajaran guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan mengaplikasikan kesemua yang telah dirancang dan hasilnya akan dilihat setelah pengukuhan atau penilaian dibuat.

Pengkaji telah memfokuskan kajian ini kepada genre cerpen dan novel dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana mata pelajaran Kesusasteraan Melayu terutamanya kian terpinggir dan wajar untuk pengkaji mengkaji apakah permasalahan yang dialami sehinggakan mata pelajaran ini sudah tidak lagi ditawarkan dikebanyakan sekolah terutama di kawasan bandar-bandar besar. Setiap mata pelajaran mempunyai kepentingan yang tersendiri, begitu juga untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Mata pelajaran ini mampu untuk mendidik murid dengan nilai-nilai murni, berkeperibadian yang tinggi serta mempunyai nilai jati diri yang unggul. Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu, sukatan pelajaran yang diberikan melibatkan kepada karya-karya yang dihasilkan oleh sasterawan negara dan juga penulis-penulis yang tersohor dalam dunia Kesusasteraan Melayu. Melihatkan dari segi bahan yang menjadi teks pengajaran secara tidak langsung mempunyai nilai yang sangat tinggi. Apa yang menjadi kekangan ialah teks ini tidak diberi penekanan dan ada juga yang mengatakan bahawa mata pelajaran ini sudah tidak lagi relevan dengan pembangunan negara.

Terdapat beberapa elemen yang sebenarnya penting dalam menyampaikan ilmu. Antaranya ialah strategi, pendekatan, kaedah, teknik dan teori. Sebagai guru keupayaan membezakan kesemua elemen ini sangatlah penting. Untuk strategi boleh dibahagikan kepada tiga iaitu berpusatkan guru, berpusatkan pelajar dan berpusatkan bahan. Manakala untuk pendekatan adalah cara mendekati sesuatu pelajaran dan juga bagaimana suatu mata pelajaran itu diajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Antara pendekatan yang sering digunakan ialah pendekatan deduktif, induktif, elektik dan juga tematik. Bagi kaedah pula ialah tindakan oleh guru secara sistematik dengan tujuan mencapai objektif pengajaran dalam jangka masa tertentu. Kaedah dan teknik juga penting kerana ia merangkumi teknik sumbang saran, bercerita, demostrasi, perbincangan dan penyelesaian masalah yang mana menjadi pilihan guru-guru untuk diterapkan dalam proses pengajaran. Teknik merupakan kemahiran guru dalam melaksanakan kaedah semasa pengajaran. Teori ialah suatu prinsip yang digunakan yang berlandaskan kepada situasi atau fenomena tertentu.

Teori merupakan antara aspek yang telah dibuktikan keupayaannya dan lebih kukuh berdasarkan kepada kajian-kajian yang telah dilaksanakan sebaik mungkin. Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), teori juga adalah hasil daripada kajian saintifik yang telah sah diterima sebagai suatu prinsip asas yang boleh dijadikan panduan pelaksanaan. Kajian-kajian tokoh psikologi pendidikan menghasilkan teori pembelajaran yang diterima pakai untuk menjelaskan pelbagai cara manusia dan haiwan belajar. Teori telah menjadi dasar kepada aspek pendidikan iaitu dalam proses pengajaran di sekolah. Sebagai seorang guru tidak boleh hanya semborono mengajar tanpa berbekalkan kepada panduan-panduan asas ini. Teori yang telah dikaji ini adalah sebagai pemudah cara kepada guru dan pihak sekolah bagi meningkatkan kefahaman murid dalam pembelajaran.

Tidak hanya berpaksikan kepada teori semata-mata, para pengkaji juga turut memperkembangkan segala teori ini dan menghasilkan seuatu yang menjurus kepada penghasilan model, pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran. Model merupakan antara asas yang dijadikan sandaran kepada guru dalam meneliti topik yang bakal diajarkan kepada murid. Guru perlu memahami setiap model agar penggunaannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah tepat dan menghasilkan kesan yang positif. Hal ini kerana tidak semua model yang sesuai dengan sesuatu topik tersebut, kadang kala pengolahan serta penambahan juga perlu dilaksanakan oleh guru. Oleh itu, boleh dikatakan peranan guru sangat besar untuk menyediakan sesuatu pengajaran yang rapi.

1.3 Pernyataan Masalah

Mata pelajaran Kesusasteraan Melayu kini masih kurang mendapat sambutan daripada murid juga pihak sekolah. Fakta utama yang menyebabkan mata pelajaran ini kian dipinggirkan kerana kebanyakan pihak berpendapat bahawa Komponen Sastera Bahasa Melayu (KOMSAS) sudah cukup untuk menerapkan segala nilai juga budaya Melayu kepada murid. Perkara ini juga ada benarnya, namun dengan adanya mata pelajaran Kesusasteraan Melayu pasti dapat dikukuhkan keperibadian murid. Isu yang perlu diketengahkan ialah cara untuk meningkatkan prestasi murid tidak kira apa juga mata pelajaran. Segala masalah yang dihadapi oleh murid perlu ditangani agar tidak berlarutan sekali gus menyekat perkembangan murid dalam pelajaran.

Masalah yang menyebabkan kajian ini perlu dilaksanakan ialah kerana tiada ciri pengajaran cerpen dan novel yang dinyatakan dengan jelas untuk membantu melancarkan pengajaran cerpen dan novel secara berkesan. Buktinya, berdasarkan kepada praktikal yang dilihat kebanyakan murid masih mengalami pengeliruan cerita dan juga watak semasa pengajaran cerpen dan novel. Menurut Ahmad Othman (1993/94), terdapat dua dimensi yang perlu dirancangkan oleh guru sastera, pertama aspek-aspek mengenai (domain kognitif, afektif, tingkahlaku, sikap dan kemahiran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pelajar), dan kedua hal-hal yang berkaitan dengan isi kandungan dalam karya yang menjadi disiplin kesusasteraan. Di sinilah terletak pertimbangan dan kebijaksanaan guru meneliti, mengkaji, memilih, merancang, menyusun dan menyampaikan pelajaran kepada para pelajarnya. Jika perancangan pelajaran kemas, mengikut prinsip pembelajaran-pengajaran maka akan mudahlah terlaksana matlamat pendidikan kesusasteraan ke arah pembinaan insan yangseimbang tadi. Oleh itu guru sastra perlu menentukan objektif-objektif dan matlamat jangka panjang dan pendek yang akan dicapai dengan strategi dan pendekatan yang relevan. Ternyata ciri atau kriteria pengajaran cerpen dan novel perlu dilihat agar pengajaran berjalan dengan lancar dan berkesan kepada murid.

Seperti yang sedia maklum genre cerpen mempunyai pelbagai cerita yang mana kemungkinan sesetengah daripada cerita tersebut mempunyai watak atau jalan penceritaan hampir sama. Hal ini yang menyebabkan murid keliru dan sering bertukar cerita. Untuk genre novel pula masalahnya juga adalah sama. Pembahagian antara bab masih menjadi masalah untuk murid memahami jalan cerita dengan tepat. Jalan cerita yang panjang itu pastinya membuatkan murid cepat bosan untuk membaca. Kebanyakan guru berpendapat murid kurang membaca menjadi faktor mereka sukar untuk memahami cerita.

Masalah atau punca pengajaran cerpen dan novel tidak diteliti dengan jelas dan inilah kelemahan yang perlu diperbaiki. Apabila ciri atau kriteria tidak dijelaskan sebaik mungkin masalah tidak akan dapat diatasi secara serius. Jika tidak tiada penyelesaian yang dapat dilaksanakan dengan berkesan. Hasil kajian ini nanti, ciri atau kriteria yang dapat membantu pengajaran cerpen dan novel akan diperolehi untuk membantu guru dalam pengajaran cerpen dan novel. Kemudian, ciri atau kriteria akan menjadi rujukan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buat pengkaji dalam usaha membantu pengajaran cerpen dan novel berjalan dengan lebih berkesan.

Masalah yang keduanya ialah setakat hari ini masih tiada model pembelajaran khusus bagi pengajaran cerpen dan novel untuk mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Seperti yang sedia maklum dalam Kesusasteraan Melayu hanyak digunakan 3 pendekatan atau kaedah untuk pengajaran iaitu berfokus, berstruktur dan mengalami dan menghayati. Ketiga-tiga pendekatan inidigunakan untuk semua genre mengikut kepada kesesuaian elemen yang diajarkan kepada murid. Menurut Kamaruddin Husin (1988), menyebut beberapa pendekatan mengajar kesusasteraan : analisis-struktural, berfokus, mengalami-menghayati, global dan beberapa pendekatan kritik sastera seperti pendekatan moral, pendekatan sosiologikal, pendekatan psikologi dan pendekatan linguistik dan lain-lain lagi. Berdasarkan pemerhatian dapat dilihat pendekatan ini tidak dapat dilaksanakan secara menyeluruh. Sebagai contoh untuk pengajaran elemen seperti plot memerlukan penggunaan pendekatan berstruktur. Manakala untuk pengajaran elemen watak perwatakan pula perlu menggunakan pendekatan mengalami dan menghayati. Oleh itu pengajaran elemen plot dan watak perwatakan tidak akan dapat diajarkan dalam satu sesi pengajaran yang sama.

Konsep"pendekatan" membawa maksud yang luas dan kita sering menggunakan dalam pengkajian dan pengajian sastera. Kadang-kadang kita terkeliru dengan konsep kaedah. Bagi perbincanqan ini kita maksudkan pendekatan sebagai satu pegangan yang mengandungi strategi- strategi untuk mencapai matlamat jangka panjang dalam pengajaran kesusasteraan. Setiap satu pendekatan yang diaplikasikan ini mencerminkan satu pegangan atau falsafah tentang hakikat pengajaran dan teori kesusasteraan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya 3 pendekatan yang sinonim dengan pengajaran Kesusasteraan Melayu tidak dapat memenuhi keperluan sesuatu pengajaran secara menyeluruh. Melihatkan kepada penjelasan di atas, pendekatan ini terhad dan tidak dapat berkembang. Seharusnya pendekatan boleh dipelbagaikan untuk memenuhi keperluan pengajaran masa kini. Menurut Ahmad Othman (1993/94), Untuk mencapai objektif-objektif pendidikan amat bergantung kepada guru yang gigih dan berusaha menterjemahkan pernyataan di dalam kurikulum tersebut kepada praktik, khususnya mengenai pemilihan, perancangan, pendekatan dan perkaedahan mengajar.

Dalam satu kajian yang umum mengenai kemahiran mengajar, didapati bahawa guru-guru yang berkesan"dapat memberi penerangannya dengan jelas", "menyediakan pelajarannya dengan kemas bersesuaian dengan kemampuan pelajar,alat bantu mengajar, dan objektif", "menggunakan contoh-contoh yang menarik","idea-idea dan pendekatan yang merangsang pelajar-pelajar belajar"dan"melibatkan pelajar-pelajar berinteraksi dengan aktif" sebagai syarat-syarat. Kita cuba mengaplikasikan syarat-syarat yang sama kepada guru-guru kesusasteraan.

Apa yang disebutkan di atas ini perlu diterapkan dalam sebuah model pembelajaran. Diharap hasil daripada kajian ini akan menghasilkan pembangunan model pembelajaran yang membantu perkembangan pengajaran cerpen dan novel. Pengajaran akan berlangsung dengan lebih sistematik dan teratur. Model pembelajaran yang diwujudkan akan menjadi permulaan untuk digunakan dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu juga mata pelajaran lain yang mana bersesuaian. Kewujudan model pembelajaran dapat membantu guru melaksanakan pengajaran lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kedua-dua masalah yang dinyatakan dilihat membawa kepada kajian terhadap pembangunan model integratif pengajaran cerpen dan novel. Kekurangan ciri atau kriteria jelas untuk membantu pengajaran cerpen dan novel dan ketiadaan model pembelajaran khusus bagi pengajaran cerpen dan novel mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang menjadi masalah akan dapat diselesaikan melalui kajian ini.

1.4 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini dilaksanakan untuk menghasilkan suatu model yang diperbaharui berdasarkan kepada kesesuaian bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Objektif khusus di dalam kajian ini ialah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.1.1 Mengenalpasti kaedah pengajaran cerpen dan novel dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

1.1.2 Menganalisis model pembelajaran sedia ada dan disesuaikan supaya lebih fleksibel dalam pengajaran cerpen dan novel.

1.1.3 Merumuskan model integratif bagi pengajaran cerpen dan novel dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

1.5 Soalan kajian

Beberapa soalan kajian telah dikenalpasti bagi mencapai objektif kajian yang yang telah ditetapkan pada bahagian 1.4. Antara soalan kajian adalah seperti :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


1.1.4 Apakah kaedah yang sesuai untuk pengajaran cerpen dan novel dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

1.1.5 Bagaimana model pembelajaran sedia ada dapat disesuaikan supaya lebih fleksibel dalam pengajaran cerpen dan novel.

1.1.6 Adakah model integratif ini bersesuaian dengan pengajaran cerpen dan novel dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

1.6 Teori Pembelajaran

Menurut Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), apakah yang dimaksudkan dengan teori? Menurut Kerlinger (1986), teori ialah satu set prinsip dan definisi yang saling berkait serta menerangkan sesuatu fenomena secara sistematis. Jary dan Jary (1995) pula melihat teori sebagai satu set hipotesis atau prinsip yang berkait secara logic atau berdasarkan penerangan matematik yang menerangkan hakikat empirical sesuatu fenomena.




Rajah 1.1. Campuran dua teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk pembangunan model integratif yang dihasilkan ini dilihat barasakan kepada campuran dua teori iaitu teori pembelajaran kognitif dan teori pembelajaran sosial. Kedua-dua teori ini mempunyai kekuatan yang tersendiri dan hasil gabungan daripada dua teori ini mewujudkan elemen yang menjadi tunjang dalam pembangunan model integratif. Elemen utama yang dilihat pada teori pembelajaran kognitif ini ialah melibatkan mental. Mental merupakan salah satu anggota badanyang mengawal secara keseluruhan. Keupayaan murid untuk menyelesaikan masalah atau menerima sesuatu pengajaran daripada guru juga memerlukan kekuatan mental yang utuh. Dilihat juga teori kognitif ini terbahagi kepada 4, iaitu :



Rajah 1.2. Teori Pembelajaran Kognitif


Teori kognitif merupakan teori yang melihat pembelajaran sebagai suatu perubahan proses mental yang berlaku secara aktif. Menurut pandangan psikologi kognitif, pembelajaran difahami sebagai perubahan dalam struktur mental yang membolehkan tingkah laku dipaparkan. Perubahan terhadap tingkah laku boleh berlaku pada bila-bila masa. Terdapat prinsip asas yang digunapakai dalam teori kognitif, iaitu otak manusia aktif berfikir untuk memahami persekitarannya., pembelajaran dan perkembangan bergantung pada pengalaman individu, pelajar membina pengetahuan, bukannya merekod. Pengetahuan melibatkan aktiviti memberikan makna kepada pengalaman, pengetahuan yang dibina bergantung pada pengetahuan sedia ada pelajar,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran meningkat dalam persekitaran sosial yang sesuai dan pembeajaran memerlukan latihan dan maklum balas.

Manakala untuk teori pembelajaran sosial pula elemen yang diterapkan dalam pembangunan model integratif ialah sosialisasi itu sendiri. Sistem pembelajaran sekarang ini memerlukan murid untuk berkembang dari segi sosial mereka. Bukan sahaja untuk pendidikan mereka tetapi juga membina keyakinan diri dan membentuk mereka menjadi insan yang berkualiti dari pelbagai sudut. Pengajaran di zaman ini perlu bersifat jangka masa panjang dan bermula di kelas dan sekolah, murid akan mempelajari ilmu pendidikan serta ilmu kehidupan yang pastinya diperlukan di masa akan datang.



Rajah 1.3. Teori Pembelajaran Sosial

Teori pembelajaran Sosial turut dikenali sebagai teori pembelajaran peniruan dan juga sebagai pembelajaran pemerhatian juga modeling yang menekankan faktor sosial iaitu manusia berfikir dan bertingkah laku melalui pemerhatian dan meniru tingkah laku yang menghasilkan ganjaran. Manusia akan belajar melalui proses peniruan atau pemerhatian dengan cara melihat orang lain melaksanakan sesuatu seterusnya mendapatkan ganjaran atau hukuman daripada perlakuan tersebut.

Teori pembelajaran sosial ini diasaskan oleh Albert Bandura. Beliau ialah ahli psikologi di Kanada dan telah berkhidmat di Universiti Standford bermula tahun 1953

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sehinggalah sekarang. Menurut Albert Bandura, pembelajaran sosial melibatkan hubungan pemgaruh daripada 3 unsur, persekitaran, individu (kognitif) dan tingkah laku. Selain itu, Albert Bandura telah memperkenalkan model determinisme timbal balik yang mempunyai tiga faktor iaitu perlakuan, individu (kognisi) dan persekitaran. Kesemua faktor ini berhubungan dan mempengaruhi pembelajaran.

1.7 Kerangka Model Integratif

Berdasarkan penelitian terhadap pendekatan teori pembelajaran, kajian ini merumuskan serta menggabungkan pandangan berkenaan bagi membentuk sebuah model seperti di bawah :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 1.4. Kerangka Model Integratif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Integratif merupakan suatu model pembelajaran yang diperkenalkan khusus bagi pengajaran genre cerpen dan juga novel. Model Integratif ini diwujudkan bagi memudahkan perancangan pengajaran dilakukan serta dilaksanakan oleh guru dalam kelas. Model Integratif ini merangkumi sesi pengajaran yang berlaku iaitu di bahagian set induksi, perkembangan dan juga pengukuhan. Melalui penggunaan model Integratif ini membolehkan pengajaran berlaku dengan lebih bersistematik dan memudahkan murid untuk menerima sesuatu pembelajaran yang baru.

Integratif yang juga membawa maksud menghubungkait atau menyatukan sesuatu supaya lebih kukuh telah menjadi dasar kepada pembinaan model Integratif. Berpandukan kepada teori dan juga model pembelajaran sedia ada, pengkaji telah meneliti dan mengubahsuaikannya kepada sesuatu yang bersesuaian bagi pengajaran cerpen dan juga novel. Walaupun fokus utama model integratif untuk pengajaran cerpen dan novel, namun ianya masih boleh digunakan untuk bahan pengajaran yang lain mengikut kepada kesesuaiannya.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Integratif ini telah dibahagikan kepada 3 dimensi, iaitu ekspositori, strategi REACT dan sosialisasi. Seperti yang telah dipaparkan di rajah 4, 3 dimensi ini pula akan dibahagikan kepada fokus yang tertentu. Untuk dimensi ekspositori dibahagikan kepada dua iaitu metakognitif yang menghubungkaitkan maklumat baru dan lama. Dimensi yang kedua iaitu strategi REACT pula dibahagikan kepada *relate, experience, apply, cooperate dan transfer*. Bagi dimensi yang terakhir iaitu sosialisasi juga dibahagikan kepada dua iaitu kolaboratif iaitu pembelajaran secara berkumpulan dan inovasi yang akan membawa murid kepada penghasilan sesuatu yang baru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Konseptual Kajian



Rajah 1.5. Kerangka Konseptual Kajian

Konseptual kajian akan memaparkan berkenaan perjalanan kajian dilaksanakan dan bagaimana konsep bagi kajian ini. Untuk pembinaan model pembelajaran iaitu model Integratif ini, pengkaji menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif dan juga kualitatif. Kajian berbentuk campuran ini memudahkan pengkaji dalam mendapatkan data serta menganalisis data-data yang diperlukan.walau bagaimanapun kajian ini lebih diberatkan kepada kajian kualitatif. Pembinaan sesebuah model memerlukan panduan agar ia dapat dilaksanakan dengan baik. Pengkaji telah menjalankan kajian secara kuantitatif iaitu dengan menjalankan kaedah tinjauan (soal-selidik) kepada 10 orang guru Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu untuk mendapatkan maklum balas berkenaan dengan model pembelajaran. Perkara yang merangkumi kepada soal selidik ini seperti prinsip asas bagi model pembelajaran dan bagaimana menjalankan pembelajaran cerpen dan juga novel. Hasil dapatan data tersebut akan dilihat kepada penilaian skor min yang diperoleh. Setelah itu, pengkaji akan menganalisis data dan kemudian ke peringkat yang seterusnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji kemudiannya akan beralih kepada kajian berbentuk kualitatif. Pelbagai dokumen dan teks akan dianalisis oleh pengkaji mengenai model-model pembelajaran, teori-teori dan sebagainya lagi. Di peringkat ini, pengkaji akan menghasilkan model integratif. Sebelum itu, pengkaji akan meneliti teori pembelajaran yang bersesuaian sebagai asas kepada pembentukan model. Dua teori dipilih iaitu teori pembelajaran kognitif dan teori pembelajaran sosial, kemudian digabungkan kedua-duanya agar dapat mewujudkan satu model pembelajaran baru iaitu model pembelajaran Integratif.

Pemilihan teori adalah berasakan kepada pengajaran cerpen dan novel. Jika dilihat pengajaran cerpen dan novel adalah suatu yang menarik tetapi kegagalan murid dalam memahami apa yang diajarkan itu membuatkan pencapaian terhadap genre ini agak kurang. Teori yang mempunyai prinsip dan definisi terhadap sesuatu fenomena akan membantu pengkaji untuk mewujudkan model pembelajaran yang baru. Penggunaan teori juga adalah sebagai cadangan atau cara dalam menangani atau menyelesaikan masalah. Pembinaan model Integratif ini telah dibahagikan kepada 3 dimensi, iaitu ekspositori, strategi REACT dan sosialisasi. Ketiga-tiga dimensi ini saling berhubungan untuk menghasilkan pembelajaran cerpen dan novel secara berkesan.

Seterusnya pengkaji akan kembali menggunakan kajian berbentuk kuantitatif. Pada peringkat ini model Integratif sudah dibina dan pengkaji perlu menguji model ini di sekolah. Model pembelajaran adalah sebagai strategi preskriptif yang telah direka untuk mencapai matlamat pengajaran. Pengujian terhadap model akan dilaksanakan menerusi penggunaan model Integratif oleh guru semasa menjalankan pengajaran cerpen dan novel. Dua buah kelas agar perbandingannya dapat dilihat. Kemudian, kaedah tinjauan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

turut digunakan iaitu dengan menjalankan soal selidik kepada murid. Soal selidik ini akan merangkumi kefahaman murid terhadap sesi pembelajaran yang dijalankan oleh guru. Pengkaji kemudian akan melihat hubungan di antara keberkesanan pengajaran dengan model pembelajaran yang digunapakai oleh guru tersebut.

Selain itu, pengujian juga dilihat kepada bagaimana guru mengaplikasikan model Integratif. Sungguhpun penggunaan asas teori bukan menyelesaikan keseluruhan masalah tetapi teori membawa pengkaji kepada pilihan-pilihan dalam menyelesaikan sesuatu masalah tersebut. Di akhir kajian ini, pengkaji akan merumuskan berdasarkan kajian yang dilaksanakan adakah ianya mencapai objektif dan kesesuaian dimensi tersebut di dalam model Integratif yang dihasilkan. Selain itu, pengkaji akan melihat kembali keseluruhan kajian sama ada merangkumi kepada pengajaran genre cerpen dan novel di dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan juga Bahasa Melayu (KOMSAS). Melalui pembinaan model Integratif ini, adakah mampu menyelesaikan masalah bagi pengajaran cerpen dan novel khususnya.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji mempunyai kepentingan yang tersendiri. Melihatkan daripada segi organisasi, kajian ini dapat memajukan sistem pendidikan di negara kita. Kebanyakan kajian yang dilaksanakan melibatkan kepada pendidikan mampu membantu mempertingkat mutu dan kualiti pendidikan di negara kita. Melalui peningkatan dari sudut pendidikan ini akan melahirkan generasi yang berwibawa menjurus kepada pelbagai aspek dan secara tidak langsung juga bakal mentadbir negara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

secara adil dan saksama. Selain itu juga, kajian ini akan turut membantu meningkatkan taraf mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah. Seperti yang telah dinyatakan di dalam pernyataan masalah, mata pelajaran ini kurang mendapat liputan dan seringkali disisihkan kerana pelbagai faktor. Oleh itu, melalui kajian yang dijalankan oleh pengkaji akan dapat membuka mata pihak-pihak yang terlibat dalam usaha meningkatkan kualiti pembelajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Melihatkan daripada segi masyarakat pula, kajian ini akan dapat mewujudkan sebuah komuniti masyarakat yang mempunyai sahsiah tinggi. Hal ini kerana sastera sudah dianggap tiada nilai ekonominya. Kecenderungan aliran sains sebanyak 60% dan sastera hanya 40% telah memberi kesan terhadap negara. Tambahan pula dengan situasi sekarang ini, dapat dilihat generasi muda lebih berkecenderungan untuk mengikuti dan mengagungkan budaya barat. Pada mereka, ia kelihatan lebih *trendy* dan mengikuti perkembangan semasa. Dek kerana itu, budaya kemelayuan yang wujud di negara sendiri ini semakin dilupakan. Buktinya boleh dilihat sahaja remaja-remaja yang berkelakuan tidak sopan, tidak berbudi bahasa apatah lagi untuk bersikap kurang ajar di dalam masyarakat kita ini. Setelah kajian dilaksanakan ia akan dapat membentuk keperibadian insan selaras dengan pembangunan kemanusiaan. Kajian ini melibatkan kepada mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di mana seperti yang diketahui mata pelajaran ini mempunyai karya-karya yang dihasilkan dengan memenuhi segala ciri-ciri yang dapat membentuk peribadi seseorang. Menerusi nilai pengajaran serta moral yang terdapat dalam karya akan dapat mempengaruhi diri murid itu sendiri. Jelasnya pengaruh yang positif itu akan menampakkan kesan yang juga positif.

Untuk negara pula, kajian ini membawa kepentingan yang mana mampu mengekalkan atau melestarikan peradaban bangsa. Bahkan, akan turut meningkatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

jati diri generasi muda kini. Pelbagai cabaran dan rintangan yang wujud dalam mendidik anak-anak bangsa ini. Kemajuan dari segi gadjet membawa pengaruh yang besar sekali. Sama ada memberi impak yang positif atau negatif, penggunaan gadjet sudah semakin berleluasa sehinggakan kebanyakan dari mereka tidak gemar untuk bersosial dengan masyarakat luar. Malah, masalah kian bertambah apabila ianya disalahgunakan dengan memanipulasi pelbagai perkara hingga mendatangkan kesusahan kepada orang lain. Menerusi aplikasi yang pelbagai, segala perkara di dalam mahupun di luar negara sudah mudah untuk diakses. Perkara ini harus segera dibendung agar tidak berleluasa. Generasi muda perlu dididik dengan sebaik mungkin kerana mereka inilah bakal pewaris negara kelak.

Kajian ini turut mempengaruhi kepada perkembangan ilmu. Pengajaran yang berkesan memerlukan guru untuk bertindak dengan lebih bersistematik. Pendekatan pembelajaran yang tepat akan membantu guru dalam menghasilkan sesuatu pembelajaran yang efektif. Apabila guru berjaya menghidupkan suasana di dalam sebuah kelas, pasti pembelajaran tersebut telah menjadi sesuatu yang menarik. Harus diingati juga kebolehan setiap murid adalah berlainan dan itu bukanlah perkara yang mudah untuk seorang guru yang harus mengajar sekurang-kurangnya 30 orang murid dalam satu masa. Tiada perkara yang mustahil untuk dilakukan sekiranya seorang guru itu mempunyai ilmu serta pengalaman yang dapat membantu melahirkan murid yang cemerlang.

Kajian ini juga dilaksanakan untuk melihat sejauhmana model-model pembelajaran membantu guru dalam menghasilkan perancangan yang baik untuk sesi pengajaran mereka. Hasil kajian pengkaji yang lain telah membawa kepada penemuan empat jenis model iaitu model pemprosesan maklumat, model behavioral, model sosial

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan model personal. Kesemua model ini telah dijadikan rujukan dan digunapakai oleh guru-guru di sekolah. Hal ini kerana model pembelajaran adalah dasar yang digunakan untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih efektif. Model-model ini pula akan diikuti dengan teknik. Kaedah, strategi mahupun pendekatan yang sesuai agar pengajaran berjalan dengan lancar. Setiap model mempunyai elemen yang tersendiri yang menekankan kepada sesuatu perkara. Oleh itu, pemilihan model sebagai dasar pengajaran ini perlu benar-benar dilihat dan difahami terlebih dahulu.

Melalui kajian ini secara tidak langsung akan dapat mewujudkan dan mempelbagaikan model pengajaran yang sedia ada. Mewujudkan satu model baharu yang dikemaskini berdasarkan model-model sedia ada. Model ini harus lebih menjurus di dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Walaubagaimanapun model baharu juga boleh disesuaikan dengan mata pelajaran lain mengikut kepada keperluan dan kesesuaian. Penambahan model pembelajaran adalah satu cara yang baik dalam usaha memperkembangan lagi bidang penyelidikan di Malaysia. Selain itu, pengkajian yang dibuat sedikit sebanyak akan dapat dijadikan sebagai rujukan kepada pengkaji-pengkaji sastera dalam mendalami fungsinya model pembelajaran di dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Semoga dengan pengaplikasian model pembelajaran yang baru akan dapat meningkatkan pencapaian di dalam mata pelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana Kesusasteraan Melayu mempunyai unsur-unsur mendidik nilai kemanusiaan yang tinggi. Selain itu, kajian ini juga untuk membuka mata pelbagai pihak bagi menyatakan bahawa model pembelajaran mempunyai kepentingan dalam melahirkan generasi yang cemerlang dan berkualiti tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Batasan Kajian

Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada permasalahan dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu khususnya genre cerpen dan novel. Ciri-ciri yang perlu ada dalam sesebuah model pembelajaran akan dapat dikenalpasti menerusi soal selidik. Sampel kajian untuk soal selidik ini akan meliputi kepada guru yang mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah. Bilangan guru yang terlibat pula ialah seramai 10 orang guru. Kemudian guru-guru ini akan dibahagikan kepada dua iaitu seramai 5 orang guru yang telah lama dan berpengalaman dalam mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dan selebihnya seramai 5 orang guru lagi ialah guru yang baru ditempatkan di sekolah dan mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu.

Soal selidik yang dijalankan ini akan dibahagikan kepada empat bahagian. Setiap bahagian akan difokuskan kepada aspek yang tertentu di dalam pengajaran Kesusasteraan Melayu. Soal selidik ini akan dijalankan di sekolah-sekolah yang terpilih. 10 orang responden yang terlibat akan menerima kunjungan pengkaji yang akan memberikan soal selidik untuk dijawab dan menghantar semula hasilnya kepada pengkaji. Hasil dapatan tersebut seterusnya akan dianalisis pengkaji dengan menggunakan Statistic Package for Sosial Science (SPSS) bagi menilai skor min untuk data tersebut.

Selain itu, kaedah pemerhatian juga akan dibuat di sebuah sekolah yang mana melibatkan guru mengajar dengan menggunakan model integratif. Semasa mereka menjalankan sesi pengajaran mata pelajaran Kesusasteraan Melayu cerpen dan novel, pengkaji akan melihat secara keseluruhan pengaplikasian guru dan juga responnya terhadap murid. Pemerhatian bertujuan untuk meyakinkan dan menguatkan model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran integratif yang dihasilkan untuk pengajaran cerpen dan novel. Selain itu, pengkaji boleh melihat bagaimana guru mengaplikasikan model pembelajaran di dalam pengajaran atau tidak langsung menggunakan model pembelajaran.

Tempat yang akan terlibat di dalam soal selidik adalah di negeri Kedah, Perak dan Selangor mengikut kepada kesesuaian dan pengkhususan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu yang ditawarkan di sekolah. Manakala untuk pemerhatian pula akan dibuat di negeri Kedah. Hal ini kerana akan memudahkan dan menjimatkan masa pengkaji kerana kawasan tersebut sudah dikenali oleh pengkaji. Skop kajian pula ialah berdasarkan kepada maklumat soal selidik serta pemerhatian yang dibuat akan membantu pengkaji bagi menghasilkan suatu model pembelajaran baru dan dilihat keberkesanannya yang disesuaikan dengan pengajaran cerpen dan novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11 Definisi Operational

Berdasarkan kepada kajian ini beberapa konsep telah didefinisikan dalam kajian ini iaitu pembangunan, model, integratif, pengajaran, cerpen, novel, kesusasteraan, teori, ekspositori, metakognitif, mediatif, strategi, sosialisasi, kolaboratif dan improvisasi.

1.11.1 Pembangunan Model

Zulkarimen Nasution (2007), pengertian Pembangunan menurut Rogers adalah suatu proses perubahan sosial dengan partisipatori yang luas dalam suatu masyarakat yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimaksudkan untuk kemajuan sosial dan material (termasuk bertambah besarnya kebebasan, keadilan dan kualitas lainnya yang dihargai) untuk mayoritas rakyat melalui kontrol yang lebih besar yang mereka peroleh terhadap lingkungan mereka.

Model

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), model membawa maksud ragam (pakaian dll), cara, fesyen, jenis dan reka bentuk tertentu sesuatu barang yang dikeluarkan. Menurut Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), model ialah kerangka yang merangkumi keadaan kandungan, strategi serta iklim sosial bilik darjah yang dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.2 Integratif

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), integratif membawa maksud penggabungan atau pergabungan dua atau beberapa kaum (unsur, bahagian menjadi satu kesatuan, penyatuan).

1.11.3 Pengajaran

Menurut Jones A. Majid, (2005:16), pengajaran adalah suatu cara bagaimana mempersiapkan pengalaman belajar bagi peserta didik. Dengan kata lain pengajaran adalah suatu proses yang dilakukan oleh para guru dalam membimbing, membantu, dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengarahkan peserta didik untuk memiliki pengalaman belajar. Pengajaran adalah suatu proses yang melibatkan pembuatan keputusan pada saat pra-pengajaran, pengajaran, dan pasca-pengajaran. Keputusan disaat pra-pengajaran adalah keputusan pada saat perencanaan kurikulum dan dalam satu unit pengajaran; keputusan pada saat pengajaran adalah keputusan yang dilakukan saat proses belajar mengajar berlangsung; dan pasca- pengajaran adalah segala keputusan yang dilakukan sebagai hasil evaluasi hasil proses pengajaran. Pada bagian ini hanya akan dijelaskan prosedur perencanaan dalam proses pengajaran. Pengajaran yaitu upaya pemanfaatan atau penggunaan ilmu yang didapat untuk meningkatkan keterampilan, bakat dan potensi yang dimiliki seseorang untuk menghadapi kemjauan Zaman dan sebagai bekal seseorang bersaing di dalam kehidupan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.4 Cerpen

Menurut Aang Imam (2015), cerpen atau yang kepanjangannya cerita pendek adalah suatu bentuk prosa naratif fiktif, yaitu karya tulis cerita pendek yang cenderung padat dan langsung pada tujuannya dibandingkan karya-karya fiksi lain yang lebih panjang.

1.11.5 Novel

Menurut Aang Imam (2015), novel adalah karya fiksi prosa yang ditulis secara naratif, biasanya berbentuk cerita. Penulis atau pengarang novel disebut sebagai novelis. Kata novel berasal dari bahasa Italia novella yang berarti "sebuah kisah atau sepotong

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berita". Cerita novel lebih panjang dan kompleks jika dibandingkan dengan cerpen. Umumnya sebuah novel bercerita tentang tokoh-tokoh dan kelakuan mereka dalam kehidupansehari- hari.

1.11.6 Kesusasteraan

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), kesusasteraan bermaksud hasil seni (karya tulisan) dalam bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tertentu.

1.11.7 Teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Abdul Halim Ali (2011), teori bolehlah difahami sebagai tekaan, tanggapan atau spekulasi terhadap sesuatu. Di antara satu teori dengan teori yang lain tidak sama, kerana fenomena yang ditanggapinya berbeza. Namun, tiap-tiap teori itu saling berkaitan di antara satu sama lain. Abdul Halim Ali (2011), kesusasteraan dalam bahasa Inggeris disebut literature berasal dari perkataan Latin littera (letter) yang bermaksud kata-kata yang tertulis dan

tercetak. Abdul Halim Ali (2011), teori berasal daripada perkataan Yunani iaitu therio yang membawa maksud pemandangan. Definisi ini membayangkan bahawa, teori berasaskan kepada konsepsi seseorang yang kemudiannya mengemukakan dalam bentuk suatu pandangan (view). Definisi ini juga memahamkan kepada kita sifat teori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang relatif kepada pelbagai pendapat. Mana Sikana (1997), teori sastera ialah satu bidang yang berkaitan dengan pemahaman tentang definisi, hakikat, prinsip konsep, genrelogi, hipogram dan sebagainya.

1.11.8 Ekspositori

Menurut Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), ekspositori adalah suatu pengajaran yang merujuk kepada cara pelajar memperoleh pengetahuan melalui resepsi/penerimaan dan bukan penemuan.

1.11.9 Metakognitif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), metakognitif merupakan pengajaran tentang proses pemikiran terhadap pemikiran, “apa yang kita tahu” dan “apa yang kita tak tahu”.

Mohd Fuad, Marina Majid, Afrah Salwani Jusoh dan Mohd Zain Kosnon (2013), menjelaskan metakognitif melibatkan pemantauan aktif dan pengawalan proses-proses kognitif. Pengajaran metakognitif meransang kesedaran murid tentang perkara yang diketahui oleh mereka dan yang tidak diketahui mereka untuk menyelesaikan masalah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.10Mediatif

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), media ialah alat atau perantara komunikasi (perhubungan), seperti radio, televisyen dan akhbar. Menurut Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), guru merupakan pengantara dalam pengajaran mediatif yang mengemukakan soalan-soalan dan dilemma untuk meransang naluri ingin tahu pelajar.

1.11.11Sosialisasi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), sosialisasi adalah perihal atau perbuatan bergaul dan bermesra antara satu sama lain (pergaulan).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.12Kolaboratif

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), kolaboratif ialah erat dari segi kerjasama antara dua pihak atau pun lebih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.11.13Improvisasi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), improvisasi ialah perihal (perbuatan) melaksanakan atau membuat sesuatu tanpa persediaan awal, secara spontan atau dengan menggunakan bahan yang sedia ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan

Sorotan literatur adalah kajian-kajian lepas yang juga berkaitan serba sedikit dengan tajuk yang bakal dikaji oleh pengkaji. Pengkaji akan merujuk kepada kajian-kajian yang lepas sebagai rujukan dan juga panduan sepanjang menjalankan kajian ini selengkapnya. Sistem pendidikan di negara ini akan sentiasa bergerak maju ke hadapan. Perubahan-perubahan yang dilakukan dalam kurikulum pendidikan adalah untuk memenuhi kehendak negara dalam merealisasikan sebuah negara maju pada masa hadapan. Setiap perubahan dalam kurikulum pendidikan yang diperkenalkan menjadi satu bentuk cabaran dalam profesion keguruan. Tidak mudah untuk mengubah sesuatu keadaan dengan drastik. Pihak Kementerian Pendidikan telah berupaya menjadikan sukatan pelajaran adalah yang terbaik. Ternyata itu bukan suatu perkara yang mudah kerana setiap perubahan melibatkan kepada pelbagai pihak. Guru utamanya akan terganggu dengan perubahan yang dilakukan, akan berlaku rungutan dengan perubahan-perubahan tersebut. Hal ini kerana setiap perubahan yang berlaku, sebagai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru mereka harus cepat bertindak dan memastikan diri mereka mahir dengan situasi baru yang diberi oleh pihak Kementerian Pendidikan.

Untuk menghasilkan satu kurikulum yang berkualiti ternyata apa yang dikatakan adalah tepat iaitu guru, pelajar, isi pelajaran dan kaedah pengajaran dan pembelajaran saling berkaitan dan bergantungan di antara satu sama lain. Hal ini kerana, sekiranya salah satudaripada keempat-empat item ini tercicir pastinya objektif terhadap kurikulum itu tidak dapat disempurnakan dengan baik. Bermula dengan isi pelajaran yang telah diteliti dan disediakan oleh pihak Kementerian Pendidikan ia pastinya adalah karya-karya yang terbaik yang mana mampu untuk mendidik pelajar melalui pengajarannya. Kemudian ianya akan disusuli dengan bergantung pula kepada guru serta pelajar. Konsepnya bagaimana mereka menggunakan karya tersebut iaitu sukatan pelajaran dengan sebaik mungkin. Dari segi kaedah dan teknik pengajaran pula adalah berkaitan rapat dengan cara pengajaran guru itu pastinya. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa kesemua item ini berkaitan dan mempunyai kepentingannya yang tersendiri.

2.2 Penggunaan Model-Model dalam Sastera

Sistem pendidikan sebenarnya secara tidak langsung menentukan corak dalam menjana mutu kehidupan seorang insan. Merujuk kepada Falsafah Pendidikan Negara, setiap elemen yang dinyatakan di dalamnya mempunyai kepentingan yang tersendiri. Setiap individu terutama murid mempunyai setiap aspek yang dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Negara tersebut, namun ia perlu digilap sebaiknya agar bersinar dan tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

hanya terkubur begitu sahaja. Pontensi pada setiap inidividu ini perlu dipastikan sentiasa berkembang dan mampu memberi impak yang besar kepada negara. Walaubagaimanapun, ianya masih perlu diperbaiki kerana masih banyak kelompangan dalam proses mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Negara ini.

Suffiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd Aziz Abd Shukor dll (2012), hakikat bahawa pendidikan merupakan kunci utama kepada pelbagai kejayaan yang dicapai oleh orang dewasa memang tidak boleh dinafikan. Semakin tinggi tahap pendidikan seseorang, semakin cerah peluangnya untuk mendapatkan pekerjaan yang bagus dan semakin mantap kedudukan ekonominya. Seiring dengan hal ini, semakin lama seseorang remaja menjalani kehidupan sebagai penuntut di sekolah serta semakin akrab hubungannya dengan sekolah dan semakin tinggi darjah penglibatan pelajar dan ibu bapa dengan sekolah, maka semakin rendahlah kecenderungan remaja untuk terlibat dengan gejala salah laku atau menghadapi kegagalan dalam pelajaran. Secara umumnya, remaja berminat untuk belajar sekiranya mereka berpeluang untuk terlibat secara aktif dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran, minat dengan bahan pengajaran mempunyai kaitan dengan persoalan yang sedang difikirkan oleh mereka.

Kini tugas sebagai seorang guru semakin mencabar dari hari ke hari. Pelbagai karenah murid yang perlu dilalui. Malah perkembangan sistem pendidikan yang pesat juga membuatkan guru perlu sentiasa cepat dalam mengakses maklumat yang terkini kerana guru juga dianggap perpustakaan bergerak kepada murid-murid. Apa sahaja soalan yang diajukan diharapkan guru boleh menjawabnya. Guru juga perlu peka dengan apa yang sedang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, untuk memudahkan urusan para guru perlu sentiasa berkomunikasi dengan guru lain, berbincang dan juga berkongsi idea dalam menimba ilmu dan juga mencurahkan segala ilmu kepada para

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid. Dengan keadaan negara sekarang yang pesat membangun pelbagai langkah awal perlu diambil oleh guru dan perubahan perlu dilakukan. Guru tidak perlu lagi menunggu segala maklumat atau isi pelajaran daripada Kementerian Pendidikan kerana mereka cuma akan memberi asasnya sahaja. Selebihnya terpulang kepada guru tersebut bagaimana mahu menyelesaikan dengan cara masing-masing bagi meningkatkan kualiti pengajaran mereka seiring dengan zaman yang sentiasa berubah ini.

Naffi Mat (2012), anjakan paradigm bermaksud ubah kaedah atau ubah cara lama. ‘Ubah’ ini termasuklah tukar, buang, tinggalkan, perbaiki dan sebagainya. ‘Cara’ pula merujuk kepada ruang lingkup, gaya pemikiran, kaedah, pentadbiran, teknik, dan pendekatan. Anjakan paradigm boleh dikaitkan juga dengan sedia beranjak supaya tidak ketinggalan. Anjakan paradigm sesuai digunakan untuk menerangkan peri pentingnya perubahan dalam kehidupan untuk mencapai sesuatu kecemerlangan secara kolektif. Paradigm yang sedia ada selalu dikategorikan sebagai paradigm zon selesa. Justeru, amat berat bagi sesiapa sahaja untuk meninggalkan paradigm zon selesa. Lebih-lebih lagi jika tidak mengganggu gugat status-quo yang dikecapi. Oleh itu, untuk melakukan anjakan paradigma, sudah pasti memerlukan satu kesedaran dan kekuatan dalaman untuk mengubah kebiasaan itu, melainkan mereka mendapat zon selesa itu tidak lagi sesuai dengan gaya hidup mereka, lalu inginkan perubahan yang total, maka satu anjakan paradigm lebih mudah dilakukan. Selain itu, paradigm akan senantiasa berubah selaras dengan perubahan dunia semasa. Apa sahaja yang menjadi perkara baru pada hari ini akan segera menjadi basi pada keesokkan harinya.

Seperti apa yang diperkatakan oleh Naffi Mat merupakan satu kenyataan yang sering berlaku kini. Suatu ajakan paradigma perlu dilakukan dalam sistem pendidikan di negara kita. Hal ini supaya sistem pendidikan kita seiring dengan negara luar dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tidak ketinggalan begitu jauh. Pihak Kementerian Pendidikan sendiri sentiasa mengambil langkah-langkah bagi memastikan sistem pendidikan di negara kita mampu menghasilkan produk yang berkualiti. Segala aspek perlu diteliti dan dikemaskini bukan hanya sekali tetapi haruslah dari semasa ke semasa untuk melihat perkembangan yang berlaku adakah memberi impak yang positif atau negatif terhadap perubahan tersebut. Hal ini amat penting sekali kerana di sinilah akan memaparkan kecemerlangan sistem pendidikan kita. Apa yang sering menjadi masalah ialah suatu perubahan atau penambahbaikan yang dilaksanakan tidak mendapat perhatian dari semasa ke semasa. Bahkan, semakin lama ianya semakin dibiarkan tanpa penelitian yang kukuh. Hal ini yang seringkali menyebabkan sesuatu perubahan gagal dilakukan atau kurang mendapat sambutan daripada kebanyakan pihak lain yang turut terlibat.

Sehubungan dengan itu, setiap pihak harus mengambil berat akan isu ini kerana ianya adalah jaminan masa hadapan kelak. Pelbagai cetusan idea yang dilontarkan dan dilaksanakan memerlukan perkembangan agar tidak berhenti di pertengahan jalan sahaja. Langkah-langkah untuk memajukan sistem pendidikan di negara ini sudah lama dilaksanakan, ada yang dilihat benar-benar mencapai matlamat dan ada juga yang ‘hangat-hangat tahi ayam’, malah ada yang menemui kegagalan. Namun, itu bukan alasan sistem pendidikan kita tidak bagus tetapi memerlukan masa dan perubah secara total. Perubahan total inilah yang agak sukar kerana ianya melibatkan pelbagai pihak termasuk murid-murid di alam persekolahan. Mereka inilah yang sering menjadi uji kaji di dalam sesuatu perubahan.

Azhar Wahid (2012), persoalan tentang kepentingan pendidikan dan sektor pendidikan sebagai teras pemacu dan penjana pembangunan serta pemangkin kecemerlangan dan kegemilangan modal insan telah lama diungkapkan oleh sekian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ramai sarjana termasuk sarjana tempatan dan barat walaupun mungkin istilah yang digunakan berbeza, antaranya termasuklah, Al-Attas (1980,2001), Wan Mohd Nor Wan Daud (1989,1991, Januari-Mac, 1996), Schumacher (1973), Kennedy (1993) dan Drucker (1994) dan Stewart (1997). Namun pendekatan dan gagasan pembangunan modal insan yang paling komprehensif terutamanya daripada perspektif Islam telah dikemukakan oleh Al-Attas dengan menggunakan konsep pembentukan dan pembangunan insan yang menyeluruh dan bersepadu yang disebut sebagai manusia baik (good man).

Sektor pendidikan antara sektor yang menyumbang kepada kejayaan negara. Hal ini kerana di sinilah lahirnya bakal-bakal pemimpin negara pada suatu masa nanti. Oleh itu, pendidikan sangat memainkan peranan dan masalah murid keciciran daripada persekolahan seharusnya ditangani dengan segera. Tahun 2016 bukan lagi tahun untuk meneliti masalah sebegitu, tetapi lebih menjurus kepada masa hadapan murid-murid ini yang mana pastinya akan mempengaruhi pembangunan negara. Modal insan sangat penting diwujudkan di dalam diri murid- murid di sekolah. Melahirkan generasi yang mempunyai modal insan diri yang tinggi pasti akan memberi kejayaan secara menyeluruh di dalam setiap aspek.

Mook Soon Sang (2013), menyatakan mengenai konsep pendidikan mengikut pandangan umum, ialah aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan pembentukan dan perkembangan ilmu, kemahiran, kerohanian dan jasmani manusia. Secara khususnya, pendidikan boleh diertikan sebagai aktiviti persekolahan. Ini menjadikan pendidikan merupakan aktiviti-aktiviti yang mempunyai objektif, rancangan dan organisasi untuk mendidik murid-murid supaya menjadi insan yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia dan menguasai kemahiran tertentu, demi membolehkan mereka berupaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyesuaikan diri dalam masyarakatnya pada masa depan. Usaha utama pendidikan adalah untuk menyediakan seseorang individu memainkan peranan yang positif dan berkesan dalam masyarakat. Di dalam usaha ini juga, pendidikan menjadi suatu agen untuk menyebar dan mengekalkan kebudayaan yang sesuai dengan kemajuan dan pembangunan semasa. Dalam masyarakat moden ini, pendidikan adalah penting juga dalam menyediakan ahli-ahli masyarakat untuk menghadapi cabaran hidup dan pembaharuan serta membuat pengubahsuaian demi memberikan sumbangan untuk pembangunan masyarakat mereka.

Tidak dapat dinafikan bahawa sistem pendidikan antara penyumbang kepada kemajuan negara. Sungggуhpun belum mencapai tahap seperti negara luar yang lain namun ianya boleh dianggap memadai dengan situasi kini. Pendidikan luar bandar juga mampu melahirkan murid yang cemerlang. Hal ini membuktikan bahawa sistem pendidikan negara mencapai tahap yang baik dari semasa ke semasa. Pendidikan merupakan satu aspek yang menyeluruh di dalam kehidupan kini. Kejayaan juga dinilai menerusi pendidikan seseorang. Di sini ternyata guru memainkan peranan penting selepas pendidikan di rumah. Kesungguhan guru dalam memberikan ilmu pelajaran tidak dapat dinafikan lagi. Buktinya berapa ramai sudah yang mengecap kejayaan mereka dengan bantuan oleh guru-guru di sekolah.

Oleh itu, pendidikan membantu memenuhi spesifikasi dalam melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, emosi, rohani dan jasmani. Subjek-subjek yang ditawarkan di sekolah yang mana mencakupi kepada pelbagai bidang telah memberi peluang kepada murid dalam mencari identiti atau pun mengenali kemampuan mereka. Didikan bukan harus berlaku di dalam kelasa sahaja tetapi juga di luar kelas.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kepelbagaian yang wujud sekarang ini memperkembangkan lagi pendidikan negara kita setaraf dengan negara luar.

Azhar Wahid (2012), justeru salah satu medan dan ruang yang paling strategik dan berkesan dalam usaha menyaring dan memperkasa budaya tradisi ini ialah di semua institusi pendidikan kita. Usaha gigih, yang diusahakan secara sedar dan terancang, dan dimulakan pada peringkat yang paling awal tentunya selari dengan tuntutan tradisi masyarakat yang berpegang kepada falsafah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Kita berhak berasa gusar dan dilamun bimbang kerana anak-anak yang lahir hari ini dan pada masa-masa mendatang telah disuapkan dengan pelbagai bentuk kemodenan hidup dan kehidupan serba moden, kecanggihan teknologi dan kewujudan ruang peribadi atau kesendirian (privacy) sehingga menyuburnya gaya hidup individualistik atas nama hak asasi manusia. Oleh yang demikian, acuan yang kita miliki sebenarnya amat kaya dan bertimbun tambah serentak berbaur denga kekayaan tradisi yang dibawa oleh tamadun-tamadun besar dunia yang berhimpun dan bermesra di rantau ini seperti yang telah dihuraikan dengan cukup ilmiah oleh Al-Attas dalam bukunya yang bertajuk Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu.

Kekangan yang dihadapi pada masa kini ialah terdapat segelintir murid-murid di sekolah yang terlalu manja sehingga agak sukar untuk dibentuk dan diajar oleh guru-guru. Kebanyakan murid begini lebih gemar membuat hal mereka sendiri tanpa mempedulikan apa yang berlaku di sekeliling mereka. Oleh itu, telah dikatakan tadi modal insan sangat penting untuk diwujudkan dalam diri murid sejak di bangku sekolah lagi. Salah satu subjek yang menyumbang kepada pembentukan modal insan ini ialah subjek Kesusasteraan Melayu. Walaubagaimanapun subjek lain juga turut mampu untuk menerapan modal insan. Kesusasteraan Melayu seperti yang diketahui umum

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah satu subjek yang mana teks dan segala bahan adalah berasaskan kepada nilai-nilai murni, memartabatkan peradaban bangsa dan mampu mempengaruhi pembentukan jati diri murid-murid. Tetapi, kini tidak semua sekolah menawarkan subjek Kesusasteraan Melayu dan subjek ini juga hanya ditawarkan kepada murid-murid yang agak lemah di dalam pembelajaran mereka. Bahan-bahan sastera yang dihasilkan oleh para sasterawan juga penulis-penulis tersohor yang lain kebanyakan darinya mengandungi segala nilai murni dan boleh dijadikan sebagai tauladan kepada murid-murid. Murid-murid bukan sekadar mempelajari tetapi mampu menyelami karya tersebut.

Menurut Naffi Mat (2012), penggunaan bahan sastera dalam pengajaran bahasa di Malaysia, telah diberi penekanan di sekolah menengah sejak tahun 1984 lagi sebagai unsur sastera. Namun begitu, penyerapan yang dianggap tidak formal ini tidak dimanfaatkan oleh guru-guru Bahasa Melayu sebaik mungkin. Peruntukan satu waktu (40 minit) dalam pengajaran bahasa telah diambil peluang oleh guru untuk melaksanakan kerja-kerja pentadbiran, manakala pelajar pula dibiarkan membaca teks sastera tanpa bimbingan dan tanpa silibus. Menyedari hakikat ini, Pusat Perkembangan Kurikulum pada tahun 1995 dan 1998 telah menjalan kajian. Hasil daripada kajiannya, maka pada mulai Mac 2000, Menteri Pendidikan telah mengisytiharkan penggunaan karya sastera adalah wajib dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

> *"Meminta dibuat persediaan untuk memasukkan pengajaran Kesusasteraan Melayu sebagai satu komponen wajib dalam pengajaran Bahasa Melayu. Pelajar-pelajar akan diuji di peringkat PMR dan SPM".*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Membiarkan murid membaca teks sastera tanpa bimbingan antara faktor yang menyebabkan mengapa murid tidak memahami sesuatu cerita atau karya dan secara tidak langsung menghilangkan minat murid terhadap subjek tersebut. Tidak semua murid mempunyai minat membaca. Sebagai guru, mereka perlu memikirkan pelbagai alternatif bagi menimbulkan minat membaca atau paling tidak mengadakan aktiviti yang membolehkan murid memahami seseuatu jalan cerita. Sisipan pengajaran Kesusasteraan Melayu di dalam Bahasa Melayu atau dikenali sebagai KOMSAS iaitu komponen Sastera antara langkah yang diambil oleh pihak yang Kementerian Pendidikan agar komponen sastera ini tidak terus lupus begitu sahaja. Walaubagaimanapun subjek Kesusasteraan Melayu masih dikekalkan di beberapa buah sekolah. terdapat di antara sekolah-sekolah ini yang melahirkan murid cemerlang daripada kelas Kesusasteraan Melayu ini. Perancangan yang utuh dan sistematik daripada pihak sekolah sangat penting dalam membentuk kejayaan murid-murid di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Naffi Mat (2012), “jika anda gagal merancang bermakna anda merancang untuk kegagalan”. Pernyataan tersebut mempunyai kebenaran. Ini disebabkan kegagalan dalam merancang akan mengakibatkan guru tersebut sukar untuk mengajar. Perbincangan berikut menghuraikan fungsi perancangan pengajaran secara umum :

i) Perancangan untuk memberi gambaran keseluruhan pengajaran

Kebijaksanaan merancang akan memberi gambaran bahawa guru mempunyai komitmen secara menyeluruh mengenai pelajaran untuk hari tersebut yang melibatkan peruntukan masa yang ditetapkan. Kebijaksanaan merancang akan membantu guru mengetahui hala tuju pengajarannya bagi memboleh menyusun atur pembinaan bahan, sumber dan aktiviti yang boleh memperkaya dan keberkesanan pengajaran. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

konteks pengajaran tatabahasa contohnya, guru boleh mengetahui ruang lingkup aspek tatabahasa yang ingin diajarkan serta dapat menyediakan sumber pengajaran dengan lebih efektif. Oleh itu, perancangan perlu mengambil kira sukatan dan huraian pelajaran, ruang masa, keperluan penilaian dan kehendak sosial seperti pengukuhan dalam berbahasa.

ii) Perancangan memudahkan pengurusan pengajaran

Perancangan ini melibatkan rasa pentingnya arahan kepada guru dan pelajar. Arahan merupakan bahagian penting dalam pengurusan. Pelajar akan memperolehi input yang berkesan apabila guru mampu mengurus pengajaran yang lebih tersusun dan terancang. Malah guru boleh mengambil kira iklim bilik darjah yang kondusif. Perancangan ini membolehkan guru mengurus pengajaran dengan lebih selesa, lebih terkawal dan tidak berlaku pembaziran dari segi masa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii) Perancangan membuatkan pembelajaran lebih bermakna

Banyak kajian menunjukkan pengajaran perlu menitikberatkan objektif yang jelas dan bermakna kepada pelajar. Guru yang kreatif akan memikirkan serta merancang aktiviti yang melibatkan tingkahlaku tertentu di dalam kelas dan proses pengagihan isi pelajaran yang sesuai. Untuk tujuan tersebut, guru boleh merancang pengajarannya dengan mengambil kira kalendar akademik.

iv) Perancangan melibatkan aspek turutan dan langkah

Guru boleh menggunakan buku teks dan sukatan pelajaran untuk menyediakan perancangan pengajaran. Urutan dan langkah pengajaran menjadi fokus dengan mengambil kira kesesuaian kemahiran yang perlu diajar kepada pelajar. Penyusunan langkah pengajaran dilakukan secara penggabungjalinan antara kemahiran bahasa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan aspek tambah yang lain. Malah perancangan ini juga menetapkan keutamaan penglibatan pelajar yang memungkin rasa seronok di akhir pengajaran.

v) Perancangan melibatkan kepelbagaian aktiviti pengajaran

Aktiviti pengajaran perlu dirancang dengan mengambil kira kesesuaiannya dengan minat, perasaan dan kebolehan pelajar. Perancangan melibatkan faktor ruang masa yang sesuai, bahan, pengawasan kelas, penilaian dan kemampuan pelajar. Dalam konteks ini terdapat pelbagai aktiviti yang memerlukan kerajinan guru untuk mencorak pengajaran. Segala aktiviti ini menjadi tunjang untuk membina pengajaran yang menyeronokkan.

vi) Merancang membantu guru menyediakan soalan yang berkualiti

Soalan yang berkualiti melibatkan penggunaan pemikiran aras tinggi yang boleh membantu berfikiran secara kritis dan kreatif. Semasa merancang guru boleh menyediakan soalan yang difikirkan dapat menjana pemikiran pelajar. Namun begitu, guru harus menyelaras soalan berdasarkan tahap kebolehan pelajar berdasarkan beberapa taksonomi yang difikirkan wajar. Pengajaran dengan penyediaan soalan yang rapi dan berperingkat-peringkat akan membantu guru melaksanakan pengajaran dengan lebih berkesan.

vii) Perancangan melibatkan dokumentasi pengajaran

Pendokumentasian pengajaran akan menjadikan pengajaran lebih terkawal terutama bagi tujuan penilaian kerja. Perancangan pengajaran juga dilihat boleh membantu guru didedahkan dengan prosedur mendokumentasikan secara teratur dan memudahkan pengambil-alihan kelas dan guru yang lain. Dengan cara ini proses penyerahan tugas

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepada guru lain akan berjalan dengan lebih licin dan pengajaran seterusnya tidak akan mengalami gangguan.

Ternyata sesuatu perancangan itu amatlah penting terutama di dalam pengajaran dan pembelajaran. Berbekalkan segala ilmu yang ada, guru perlu mempunyai kreativiti dalam menyampaikan pengajaran di dalam kelas. Seiring dengan perubahan zaman kini, banyak teknologi canggih yang mampu memudahkan urusan guru. Perancangan yang sistematik akan menghasilkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Hal ini sememangnya tidak dapat dinafikan kerana guru sendiri telah melakukan ujian dan rujukan dari pelbagai aspek. Antaranya teknik, pendekatan dan juga model-model pembelajaran yang ada untuk disesuaikan dengan bahan pengajaran mereka ini. Guru perlu mempunyai ilmu asas di dalam aspek pendidikan kerana ia akan memudahkan murid untuk menerima sesuatu pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Akhsanul In’am (2011), segala aktiviti manusia yang berjaya dengan baik jika sebelumnya dirancang pelbagai hal yang berkaitan dengan aktivitinya. Bagaimanakah melaksanakannya, bahan apa sahaja yang diperlukan, prosedur mana yang harus ditempuh sehingga pelaksaannya berkesan dan efisien, bagaimana mengevaluasikannya sehingga boleh diketahui halangan dan peringkat berjayanya. Sebagai seorang guru, mengajar adalah suatu aktiviti membawa pelajar bagaimana belajar, mengingat subjek, memotivasikan diri pelajar untuk boleh berfikir dengan betul. Untuk itu bagaimana guru boleh membangun strategi pengajaran dan pembelajaran yang boleh menghantar pelajar yang menjadi pembelajar yang mempunyai kemampuan pengendalian diri. Suffiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd Aziz Abd Shukor (2012), menyatakan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bergantung kepada cara guru mengajar dengan menghubungkan domain

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kognitif, afektif dan psikomotor. Proses pengajaran yang berjaya amat bergantung kepada guru. Dalam hal ini, guru harus menyediakan rancangan pengajaran berpandukan ketiga-tiga domain untuk memanfaatkan ilmu secara maksimum.

Rancangan pengajaran harian adalah satu sistem dimana guru di awalnya sudah merancang sesi pengajaran dan rancangan pengajaran harian ini juga wajib untuk direkodkan. Kepelbagaian rancangan pengajaran ini boleh dilihat dimana-mana sekolah. Terbukti guru-guru di negara kita mempunyai kreativiti yang memberansangkan. Di sini strategi, teknik, pendekatan dan model pembelajaran memainkan peranannya. Di dalam kajian ini apa yang difokuskan oleh pengkaji ialah berkaitan dengan model-model pembelajaran. Model-model pembelajaran sangat penting kerana ianya membantu dalam menghasilkan satu pengajaran yang berkualiti juga berkesan buat murid-murid. Namun, sejauhmanakah keberkesanan itu berjaya dicapai? Model- model pembelajaran yang sedia ada telah digunakan oleh guru mengikut kepada kesesuaian bahan pengajaran mereka. Tetapi apa yang menjadi masalah ialah kadang kala model-model pembelajaran ini tidak memenuhi spesifkasi bahan pengajaran yang ingin diajarkan oleh guru secara lengkap. Walaubagaimanapun model pembelajaran tersebut masih boleh dan sesuai digunakan dengan minda murid-murid di sekolah untuk mencapainya. Sesebuah aktiviti yang hendak dijalankan, diperlukan adanya pendekatan dalam melaksanakannya. Demikian juga dalam kegiatan pengajaran dan pembelajaran, pendekatan pengajaran dan pembelajaran merupakan cara yang dilalui guru dalam melaksanakan kegiatannya dengan tujuan agar pelajar boleh memahami subjek yang disampaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Suffiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd Aziz Abd Shukor (2012), pembelajaran berasaskan minda mempunyai implikasi yang besar kepada pengajaran dan pembelajaran. Memandangkan pentingnya pendekatan, guru-guru dapat menjana minda pelajar dengan baik. Beberapa perkara yang perlu diambil perhatian ialah, guru perlu menggunakan teknik pembelajaran *whole brain* yang menghubungkan kedua-dua bahagian otak kiri dan kanan. Contohnya, kaedah main-peranan (*role play*), persembahan bahan/visual, drama, membaca, bercerita dan sebagainya. Guru mengaplikasikan kaedah pembelajaran kontekstual, eksperiensial, melibatkan tangan dan minda serta penyelesaian masalah yang dapat memberikan pengalaman baharu kepada pelajar. Kaedah pembelajaran aktif yang banyak melibatkan pelajar bukan sahaja berpusatkan guru. Misalnya, kaedah pembelajaran berasaskan masalah, penyelesaian masalah, projek kumpulan, kerja lapangan, tinjauan dalam masyarakat dan sebagainya. Hal ini kerana otak suka belajar dalam keadaan sebenar dan mencabar. Pembelajaran melalui pengalaman, iaitu guru hendaklah menyediakan peluang untuk pelajar meneroka, memegang, mencium dan merasa.

Pembelajaran seperti ini akan menyebabkan pelajar berfikir dan memproses mental mereka. Mengaplikasikan kaedah pembelajaran koperatif haruslah digalakkan kerana melalui kaedah ini pelajar dapat berbincang, berhujah, bekerjasama, bertukar idea, mencabar idea dan berkongsi idea. Guru hendaklah membina pelajar dengan kemahiran operasi mental seperti menyusun, menganalisis, membuat sintesis dan membuat penilaian terhadap maklumat. Pembelajaran melibatkan interaksi sosial aktif dengan rakan sebaya dan guru. Melalui operasi mental, pelajar diransang melalui kaedah yang lebih berketerampilan. Operasi-operasi ini akan diserap ke dalam minda seseorang dan menukar menjadi suatu yang diperlukannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mahaliza Mansor (2013), keberkesanan pembelajaran profesional berasaskan sekolah dapat membantu merealisasikan misi, visi dan matlamat Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk membangunkan guru sepanjang kerjaya mereka, di samping akan membantu mewujudkan guru yang efektif dan cemerlang. Oleh itu, hubungan peranan pemimpin pembelajaran profesional sekolah dan model-model pembelajaran profesional guru dengan amalan guru dalam pembelajaran profesional berasaskan sekolah amat perlu dikaji dan dikenalpasti kerana ini akan memberi impak kepada pembangunan guru. Kajian ini akan membantu pihak KPM serta sekolah dalam mengenalpasti dengan lebih mendalam peranan pemimpin pembelajaran profesional, model- model pembelajaran profesional serta amalan guru dalam pembelajaran profesional berasaskan sekolah. Malumat berkaitan aspek-aspek ini akan dapat membantu pihak sekolah untuk menilai semual tentang pelaksanaan program pembelajaran profesional yang diamalkan dan seterusnya mengenalpasti kelemehan dan kekauata masing-masing. Kesannya, pihak sekolah dan KPM mendapat pengetahuan baru dan berkaitan aspek.

Model-model pembelajaran sewajarnya untuk dikaji semula kerana ia adalah aspek dalam membentuk satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti. Model pengajaran ini turut merujuk kepada suatu kerangka yang merangkumi isi kandungan, strategi serta keadaan sosial bilik darjah dimana akan memberikan satu persekitaran yang kondusif kepada murid. Faktor-faktor inilah juga yang akan memberikan guru cabaran dalam merealisasikannya dan hasil guru yang efektif, cemerlang dan terbilang akan wujud secara tidak langsung. Setiap aspek di dalam pengajaran dan pembelajaran adalah saling berkaitan dan mempunyai hubungkaitnya yang tersendiri. Oleh itu, perancangan sangat penting dalam menggabungkan kesemuanya agar sebati saling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terjalin antara satu sama lain. Model, pendekatan, strategi, kaedah dan teknik pengajaran yang baik dan tepat akan memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran murid-murid di sekolah terutama bagi subjek Kesusasteraan Melayu.

Suluk Fithria Nur Rahman, Sudarno Herlambang dan Purwanto (n.d) menyatakan bahawa proses pembelajaran sampai saat ini masih memiliki banyak permasalahan. Banyak faktor yang mempengaruhi keaktifan dan hasil belajar siswa di kelas. Ketidaktertarikan pada mata pelajaran, siswa yang merasa cepat bosan karena metode pembelajaran yang kurang menarik, partisipasi siswa yang kurang dalam kegiatan-kegiatan pembelajaran dan tidak adanya variasi dalam penyampaian materi pembelajaran. Untuk mengatasi masalah-masalah tersebut guru dapat menggunakan metode dan model pembelajaran yang dapat dipadukan dengan media pembelajaran inovatif untuk meningkatkan keaktifan dan hasil belajar siswa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menghadapi kebosanan dan sikap tidak minat murid ketika sesi pengajaran dan pembelajaran adalah lumrah yang dihadapi oleh kesemua guru. Sekiranya di dalam sesebuah kelas terdapat seramai 30 orang murid, pastinya tidak semua akan minat dengan bahan pengajaran yang dibawakan oleh guru tersebut. Walaubagaimanapun, pelbagai langkah akan digunapakai oleh guru dalam usaha untuk menimbulkan minat murid terhadap sesi pengajaran mereka. Kemudian akan bermulalah proses untuk memberi pemahaman terhadap bahan pengajaran. Variasi atau kepelbagaian sangat penting semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung supaya murid tidak mudah hilang fokus. Guru perlu bijak berinteraksi dengan murid di dalam kelas selain daripada bergantung kepada model pembelajaran, teknik atau sebagainya. Pandangan murid terhadap seseorang guru itu juga perlu diambil kira kerana murid menganggap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru mereka sebagao ‘role model’ yang boleh dicontohi. Gaya pengajaran guru sememangnya mampu menarik perhatian murid di dalam kelas.

Latifah Ariffin (2011), kaedah pembelajaran sastera secara konvensional yang diyakini menjadi punca hilangnya semangat dan minat generasi muda untuk mendekatinya memaksa seorang guru mengubah pendekatan mesra pelajar. Kesedaran bahawa sastera klasik yang kaya dengan penggunaan bahasa indah dan ada maksud tersurat serta tersirat yang tidak lagi menjadi rujukan pembaca remaja yang kini melanda seluruh dunia, mendorong guru berkenaan untuk lebih kreatif. Guru Bahasa Inggeris Sekolah Tinggi St Stephen, Hickory, Amerika Syarikat, Hollis Whalen, bertindak mempelbagaikan teknik mengajar sastera Inggeris dengan meminta semua pelajar menghasilkan filem pendek genre seram yang diadaptasi daripada karya sastera. Pendekatan itu bertujuan membolehkan pelajar belajar sambil berhibur dan pada masa sama tidak mengesampingkan aspek sastera kerana guru mereka turut mewajibkan unsur sastera dalam filem melalui senarai pilihan teks sastera, tetapi perlu diberi olahan sendiri apabila difilemkan.

Dalam subjek Kesusasteraan Melayu mempunyai pelbagai genre yang terbahagi kepada klasik dan moden. Untuk sastera klasik kerana bahasa bunganya yang agak lama menyukarkan murid memahami karya tersebut. Di sini tanggungjawab guru dalam usaha memikirkan alternatif lain agar murid berkeinginan mengenali dan memahami sastera klasik ini. Contoh yang dapat kita lihat di luar negara mereka mengaplikasikan cerita klasik kepada filem pendek. Apabila ia melibatkan pembelajaran secara visual akan lebih menarik dan menjimatkan masa. Bahkan pemahaman murid lebih cepat. Sekiranya terdapat murid yang agak ketinggalan, tiada masalah kerana filem tersebut boleh dimainkan semula. Guru yang bertindak sebagai pengarah akan melibatkan murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

di dalam filem pendek dan ini akan mengukuhkan lagi sesuatu pembelajaran kerana murid sendiri melibatkan diri mereka. Apa yang boleh diteliti, model pembelajaran sangat memainkan peranan untuk guru menggerakkan sesuatu pengajaran.

Noriati, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), model pengajaran merujuk kepada kerangka yang merangkumi keadaan kandungan, strategi serta iklim sosial darjah yang dapat mewujudkan persekitaran pembelajaran murid. Model pengajaran merupakan blueprint pengajaran. Model ini ialah strategi preskriptif yang direka bentuk untuk mencapai matlamat pengajaran. Model pengajaran yang terdiri daripada prosedur-prosedur mudah pengajaran dan pembelajaran boleh dijadikan panduan kepada perancang dan guru kerana prosedur mengajar amat penting untuk menghasilkan pengajaran berkesan. Terdapat model pengajaran yang pelbagai dan setiap satu berasaskan kepada satu teori pembelajaran tertentu. Teori yang berlainan memfokus terhadap aspek pelajar yang berbeza dan oleh itu, implikasi terhadap prosedur pengajaran juga berbeza. Maka, model pengajaran menyediakan struktur hala tuju untuk guru. Walaubagaimanapun, model tersebut tidak mengongkong semua tindakan yang diambil oleh guru. Tambahan pula, model pengajaran merupakan panduan kepada guru untuk merancang persediaan mengajar yang lengkap dan mengikut tatacara yang sistematik sebagai rujukan semasa mengajar.

Dikatakan setiap model pembelajaran yang ada adalah berasaskan kepada sesuatu teori pembelajaran. Setiap teori mempunyai fokus yang berbeza, aspek dan kesan juga berbeza. Disebabkan itu, struktur hala tuju untuk sesebuah model perlu diteliti adalah bersesuaian dan berkesan kepada murid. Di sini, pengkaji ingin memfokuskan suatu model yang khasnya untuk pengajaran dan pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana Kesusasteraan Melayu menjadi subjek yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dianggap sukar dan masalah untuk memahaminya. Hakikat yang sebenar subjek memudahkan murid cuma mungkin pendekatan atau model yang sedia ada tidak sesuai dan kurang fokus kepada pembelajaran Kesusasteraan Melayu. Rusman (2013), efektifitas pembelajaran akan meningkat apabila guru dapat memilih dan menggunakan model pembelajaran yang tepat. Model pembelajaran adalah suatu rencana atau pola yang dapat digunakan untuk membentuk kurikulum (rencana pembelajaran jangka panjang), merancang bahan-bahan pembelajaran, dan membimbing pembelajaran di kelas atau yang lain.

Herriati (2014), Pembelajaran adalah sebuah upaya untuk menciptakan iklim dan pelayanan terhadap kemampuan, potensi, minat, bakat, dan kebutuhan peserta didik yang beragam agar terjadi interaksi optimal antara guru dengan siswa, serta antara siswa dengan siswa. Dalam pembelajaran ada model pembelajaran. Istilah model pembelajaran sangat dekat dengan pengertian stategi pembelajaran. Meskipun demikian, pengertian model pembelajaran ini dibedakan dari pengertian strategi, pendekatan dan metode pembelajaran. Istilah model pembelajaran mempunyai makna yang lebih luas dari pada suatu strategi, metode, dan teknik. Secara sederhana, pendekatan pembelajaran lebih melihat pembelajaran sebagai proses belajar siswa yang sedang berkembang untuk mencapai perkembangannya. Metode lebih berfokus pada prose belajar mengajar untuk bahan ajar dan tujuan pembelajaran tertentu. Sedangkan model pembelajaran lebih melihat pembelajaran sebagai suatu desain yang menggambarkan proses rincian dan penciptaan situasi lingkungan yang memungkinkan siswa berinteraksi sehingga terjadi perubahan atau perkembangan pada diri siswa.

Ternyata model pembelajaran akan membawa guru serta murid ke satu tahap yang lebih terperinci di dalam pembelajaran. Perubahan dan perkembangan akan berlaku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan adanya satu model yang bertepatan dengan subjek Kesusasteraan Melayu ini. Pelbagai genre yang wujud mungkin mengelirukan murid dan itu asas perlu dilakukan pembaharuan agar murid sudah mulai faham dari asas pengenalan subjek itu sendiri. Prestasi yang memberansangkan akan terjadi sekiranya murid menerima ilmu dengan baik dan mampu mengingati serta memahami dalam jangka masa yang lama. Pembinaan model masih perlu berteraskan kepada teori-teori pembelajaran yang sedia ada dan perlu digabungkan dengan strategi atau teknik pengajaran praktikal agar model tersebut berfungsi dengan baik.

Mariani Natalina, Imam Mahadi dan Anisa Cardina Suzane (2013), menyatakan di dalam jurnal mereka bahawa sikap ilmiah dan hasil belajar siswa dapat meningkat apabila guru memberikan pengarahan dan bimbingan kepada siswa dalam melakukan kegiatan-kegiatannya sehingga dapat membangkitkan minat siswa, meningkatkan rasa ingin tahu siswa dengan menggunakan berbagai macam model pembelajaran, mendorong siswa berfikir dan bekerja atas inisiatifnya sendiri aktif mengolah informasi dan terhindar dari cara belajar menghafal. Salah satu alternatif untuk pemecahan masalah tersebut adalah dengan menggunakan model pembelajaran inkuiri terbimbing. Di dalam usaha menyelesaikan sesuatu masalah pembelajaran, perubahan terhadap model pembelajaran sangat membantu. Seperti yang dikatakan oleh Mariani Natalina,Imam Mahadi dan Anisa Cardina Suzane, mereka mewujudkan model pembelajaran secara inkuiri terbimbing untuk menyelesaikan masalah yang belaku dalam kelangan siswa.

Dra. Ratih Pitasari (2015), model pembelajaran diartikan sebagai prosedur sistematis dalam mengorganisasikan pengalaman belajar untuk mencapai tujuan belajar. Dapat juga diartikan suatu pendekatan yang digunakan dalam kegiatan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadi, sebenarnya model pembelajaran memiliki arti yang sama dengan pendekatan, strategi atau metode pembelajaran. Saat ini telah banyak dikembangkan berbagai macam model pembelajaran, dari yang sederhana sampai model yang agak kompleks dan rumit karena memerlukan banyak alat bantu dalam penerapannya.

2.3 Kesimpulan

Berpandukan kepada kajian-kajian lepas, banyak yang boleh dirujuk oleh pengkaji dalam menjalankan kajian yang telah dipilih ini. Kajian-kajian ilmiah yang lepas banyak yang memperkatakan mengenai subjek Kesusasteraan Melayu dan juga model-model pembelajaran. Tetapi tidak memfokuskan kepada pembinaan satu model baharu yang menjurus kepada subjek Kesusasteraan Melayu. Oleh itu, menjadi tanggungjawab pengkaji dalam menghasilkan satu kajian yang memfokuskan kepada suatu model yang bersesuaian dengan genre di dalam subjek Kesusasteraan Melayu yang mana diharap dapat membuka ruang dan juga peluang kepada guru untuk memperkembangkan hasil pengajaran mereka dan menghasilkan satu pembelajaran yang berkualiti. Kajian-kajian ini sedikit sebanyak memberikan gambaran kepada pengkaji untuk menganalisis dapatan kajian yang diperolehi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METADOLOGI

3.1 Pendahuluan

Untuk bab ini, telah dinyatakan dengan jelas mengenai metadologi serta beberapa kaedah yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan. Selain itu, dalam bab ini turut dibincangkan mengenai elemen seperti reka bentuk kajian, sampel dan lokasi kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan juga penganalisisan data. Kesemua elemen yang telah dinyatakan ini adalah bersesuaian dengan kajian yang dijalankan. Dilihat secara umum kajian ini berpandukan kepada bahagian pendidikan yang mana menjurus kepada alam belajar iaitu sesi pengajaran murid di dalam kelas.

Metodologi membawa maksud gabungan antara dua perkataan Yunani iaitu “methodos” yang bermaksud cara atau jalan dan “logos” bererti ilmu. Gabungan daripada dua perkataan ini memberi erti cara untuk memahami sesuatu perkara yang berkaitan dengan ilmu yang hendak dikaji. Metodologi kajian juga adalah suatu kaedah yang sistematik dan tersusun dalam proses mengumpul data untuk menyelesaikan masalah yang dikaji serta dapat menambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


3.2 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti pendapat guru Kesusasteraan Melayu tentang ciri model pembelajaran yang diperlukan untuk matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Selain itu, ini juga bertujuan untuk melihat adakah model pembelajaran sedia ada ini mampu membantu guru dalam melengkapkan sesi pengajaran cerpen dan novel dengan jayanya. Mampukah kesemua murid memahami apa yang dipelajari sekali gus membantu meningkat prestasi mereka. Seperti yang telah kita sedia maklum, model pembelajaran yang wujud adalah juga hasil kajian pakar-pakar dalam bidang kajian.

Untuk kajian ini pengkaji menggunakan dua bentuk kaedah kajian dalam kajian ini iaitu kajian kualitatif dan juga kuantitatif. Kajian kualitatif ialah penggunaan fakta, maklumat, pernyataan, ulasan, maksud, konsep, ciri-ciri, simbol, persepsi, perasaan dan seumpamanya. Dengan kaedah kualitatif ini, pengkaji akan dapat mengkaji secara mendalam situasi yang berlaku dalam kajian tersebut secara realitinya. Pemerolehan data di dalam kajian kualitatif ini adalah dalam bentuk buku, majalah, disertasi, jurnal, kertas kerja, buku, seminar, buku harian rasmi, pamplet, wawancara dan observasi. Untuk kajian kuantitatif pula adalah data yang diperolehi dalam bentuk angka atau bilangan dengan menggunakan kaedah-kaedah yang tertentu. Penganalisisan data kuantitatif dilaksanakan dengan menggunakan kaedah statistik. Kemudian data yang diperolehi akan di kemukakan dalam bentuk carta dan jadual. Sumber data yang diperolehi dalam kajian kuantitatif adalah terdiri daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden-responden yang telah dipilih.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 3.1. Trigulasi

Rajah di atas memaparkan trigulasi yang digunakan dalam kajian ini. Rajah trigulasi ini memperlihatkan tiga kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan juga melengkapkan data yang diperlukan. 3 kaedah yang digunakan ialah kaedah tinjauan iaitu melalui soal selidik kemudian pembangunan model dan seterusnya kembali kepada kaedah tinjauan secara pemerhatian.Oleh kerana maklumat secara kajian kepustakaan sahaja tidak mencukupi untuk pengkaji menjalankan kajian. Kemungkinan juga maklumat yang diperolehi oleh pengkaji di perpustakaan tidak lengkap dan masih memerlukan sokongan maklumat yang lain. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan mengunjungi tempat kajian yang terlibat untuk membuat soal selidik dan pemerhatian secara langsung dengan lebih jelas mengenai apa yang dikaji. Kajian tinjauan turut bertujuan untuk pengkaji membuat kajian secara langsung dengan melibatkan responden dan rumusan serta kesimpulan juga boleh dilakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i) Kaedah Soal selidik (Questionaire)

Kaedah soal selidik digunakan untuk mendapat maklumat daripada responden. Soal selidik merupakan suatu senarai yang terdapat rangkaian pertanyaan mengenai sesuatu hal atau dalam sesuatu bidang. Oleh yang demikian soal selidik bermaksud pertanyaan untuk memperolehi data yang merupakan jawapan-jawapan daripada para responden.

Kaedah soal selidik akan digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat terperinci dan signifikan berhubung dengan pembelajaran yang berkesan dengan model pembelajaran yang digunakan oleh guru di sekolah. Sehubungan dengan itu, pengkaji akan membina soal selidik dan akan diberikan kepada responden iaitu dalam kalangan guru untuk mendapat maklum balas terhadap pertanyaan yang diajukan. Soal selidik dalam kalangan guru ini dibahagikan kepada empat bahagian A, B, C dan D.

ii) Kaedah Pemerhatian (Observation)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kaedah pemerhatian antara salah satu cara untuk melaksanakan pengumpulan data dengan melakukan pemerhatian secara langsung terhadap sesuatu yang ingin dikaji. Kaedah pemerhatian ini untuk melihat perkembangan dan situasi yang berlaku terhadap kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

Untuk kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian tidak kira secara langsung atau tidak langsung dengan bertujuan untuk mendapat gambaran umum yang berkaitan dengan model yang digunakan di dalam kelas semasa sesi pengajaran genre cerpen dan novel bagi matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Kaedah ini juga boleh membantu pengkaji mengenal pasti elemen-elemen yang mempengaruhi murid semasa sesi pengajaran di sekolah. Pengkaji juga turut menggunakan kaedah pemerhatian ini untuk menganalisis data sebelum membuat kesimpulan. Pemerhatian yang akan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan dalam kajian ini adalah berdasarkan pengalaman pengkaji semasa menjalankan latihan praktikum di sekolah. Pengkaji berpendapat bahawa kaedah pemerhatian ini memainkan peranan yang penting dalam pengumpulan data dan maklumat bagi menyelesaikan kajian yang dijalankan.

Seterusnya ialah pembangunan model yang berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi hasil kajian tinjauan secara soal selidik terhadap guru yang mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Selain itu juga model-model pembelajaran yang sedia ada turut dijadikan rujukan dan panduan semasa proses pembangunan model ini. Elemen-elemen yang diwujudkan dalam pembangunan model ini saling berkait rapat antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Model Integratif


Model Integratif terhasil daripada gabungan dua teori, iaitu teori kognitif dan teori sosial. Selain itu, model ini telah dibahagikan kepada 3 dimensi, iaitu ekspositori, strategi REACT dan sosialisasi. Dimensi ini digabungkan dan berada di bawah satu model. Pecahan kemudian dibuat lagi bagi setiap dimensi. Dimensi ekspositori terbahagi kepada dua elemen iaitu metakognitif dan mediatif. Untuk dimensi strategi REACT dibahagikan kepada *relate, experiencing, apply, cooperate dan transfer*. Seterusnya dimensi akhir ialah sosialisasi yang mempunyai juga dua elemen iaitu kolaboratif dan inovasi. Sebelum melihat kepada model integratif secara terperinci, dilihat dahulu dua teori yang menjadi dasar dalam pembentukan model integratif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.1 Teori Pembelajaran

Dua buah teori, iaitu teori kognitif dan teori social sesuai dan boleh digabungkan untuk membentuk suatu model pembelajaran.




Rajah 3.2. Asas teori membentuk model Integratif

Elemen asas yang difokuskan dalam membangunkan model integratif ini ialah mental dan sosialisasi. Mental seperti yang diketahui adalah daripada teori pembelajaran kognitif yang mana kebanyakannya melibatkan kepada mental individu tersebut. Sosialisasi pula daripada teori pembelajaran sosial yang banyak mengetengahkan kepada sosial individu. Dua teori ini dipilih kerana elemen mental dan sosialisasi ini dilihat perlu diletakkan dalam membentuk model integratif. Model ini akan digunakan oleh guru dalam melaksanakan sesi pengajaran cerpen dan juga novel. Jika dilihat cerpen dan novel sememangnya mempunyai kaitan cerita yang dekat dengan masyarakat. Oleh itu pentingnya mental individu untuk melihat dan memahami cerita dan dibantu pula oleh elemen sosisalisasi yang akan membantu guru untuk melatih murid melihat karya dari sudut sebuah kehidupan yang sebenar. Situasi pendidikan kini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perlu cepat dan tangkas, sesiapa yang lambat pasti akan ketinggalan dan itulah yang perlu dielakkan berlaku dalam kalangan murid dalam kelas. Wujudnya model integratif yang juga berasaskan dua elemen daripada dua teori ini diharap mampu membantu guru memudahkan sesi pengajaran cerpen dan novel terutamanya.



Rajah 3.3. Teori Pembelajaran Kognitif

Teori ini merupakan suatu teori yang merujuk kepada perubahan mental. Seperti yang dilihat dalam rajah di atas teori kognitif dipelopori oleh 4 orang pelopor iaitu Wolfgang Kohler, Jerome Bruner, David Ausebel dan Robert Gagne. Keempat-empat orang pelopor ini telah menyelidik proses yang melibatkan kepada perubahan mental dan setiap seorang daripadanya mempunyai persepsi atau pendapat yang tersendiri.

Melihat teori celik akal Kohler (Gestalt) yang diasaskan oleh Wolfgang Kohler (1887-1967), beliau merupakan seorang ahli psikologi yang juga pengasas kepada psikologi Gestalt bersama Kurt Koffka. Pengenalan diri beliau dikenali menerusi jenis pembelajaran celik akal terutama kajian dalam pemerosesan kognitif iaitu proses dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Untuk itu beliau telah menjalankan kajian ke atas 5 ekor chimpanzi. Penggunaan chimpanzi ini kerana bagi beliau haiwan juga mempunyai celik akal dan akan menggunakan itu untuk menyelesaikan masalah. Hasil daripada eksperimen yang dijalankan telah membuktikan bahawa pembelajaran celik akal bergantung kepada persepsi haiwan tersebut apabila melihat objek diberikan dan mampu meransang akal membuat perkaiatan seterusnya membawa kepada suatu idea.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ternyata pembelajaran celik akal tidak hanya bergantung kepada ganjaran. Apabila suatu masalah telah berjaya diselesaikan ia akan memudahkan penyelesaian bagi masalah yang sama. Kohler menyatakan prinsip celik akal iaitu kita sering memperoleh penyelesaian terhadap sesuatu masalah yang kita hadapi dengan cara yang mendadak. Konsep untuk berfikir adalah mencari dan berpegang kepada perhubungan antara perkara yang berkaitan. Selain itu Gestalt turut memperkenalkan teori pengamatan (Hukun Pragnaz) iaitu bagaimana manusia melihat dunia dan inilah yang akan membawa kepada pengamatan dan penanggapan. Manusia melihat dunia secara menyeluruh kepada barulah berfokus kepada bahagian dan akhirnya kembali melihat dunia secara keseluruhan.



Rajah 3.4. Teori Pengamatan Gestalt

Tokoh seterusnya ialah David Ausubel iaitu seorang ahli psikologi Amerika yang memperkenalkan pembelajaran bermakna melalui penggunaan bahasa. Untuk kajian yang telah dijalankan oleh beliau telah menghasilkan konsep penting dalam pengajaran iaitu Advance Organizer (AO) iaitu melibatkan pendedahan serta pengurusan awal. Ausebel mengatakan pembelajaran bergantung kepada pengetahuan asas sama ada dalam bentuk pengetahuan sedia ada ataupun persembahan maklumat umum atau gabungan keduanya. Seharusnya AO ini diberikan awal pembelajaran supaya murid memperoleh maklumat berkenaan dengan sesuatu yang akan mereka pelajari. Ausebel juga menggunakan pembelajaran konsep melalaui penerimaan iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dengan penyediaan bahan oleh guru. Penyediaan maklumat digalakkan secara umum kepada khusus yang juga dikenali sebagai deduktif.

Pembelajaran konsep akan berlaku apabila murid melihat ciri bagi sesuatu kategori. Malah, konsep juga dikatakan sebagai kategori mental tentang objek, peristiwa atau idea yang mempunyai ciri yang sama. Hasil daripada pembelajaran penerimaan Ausebel ini murid akan menggunakan bahan penyampaian pengajaran yang berkaitan dengan pengetahuan murid tersebut. Secara tidak langsung ia membantu murid membuat perbandingan maklumat baru dan yang sedia ada. Guru perlu menyesuaikan pemberian maklumat berdasarkan kepada keupayaan murid agar memudahkan kefahaman mereka pada pembelajaran. Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dan sistem susun atur yang baik akan memudahkan cara pemikiran murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, teori pembelajaran penemuan Bruner pula diasaskan oleh Jerome Seymour Bruner (1915) yang juga ahli psikologi Amerika yang terkenal dengan pembelajaran konsep melalui proses pengkategorian dan juga sebagai tokoh utama revolusi kognitif. Menurut Mohd Fuad Sam, Marina Majid, Afrah Salwani Jusoh dan Mohd Zain Konson (2013), teori ini memberi pendekatan terhadap pembelajaran yang berpusatkan murid dan berbentuk induktif. Murid-murid akan membina idea atau konsep baru berasakan pengetahuan sedia ada masing- masing. Mereka akan memilih maklumat yang diperlukan, kemudian membentuk hipotesis, seterusnya mengintergrasi bahan baru ini ke dalam pengetahuan sedia ada serta konstruk mental masing-masing dan ini berlaku secara berterusan. Bruner telah mengkategorikan pembinaan idea ini kepada 3 jenis iaitu enaktif (berasaskan perlakuan), ikonik (berasaskan imejan) dan simbolik (berasaskan bahasa).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tokoh yang terakhir sekali ialah R.M Gagne (1916-2002, Massachusetts) telah menghasilkan Hierarki Pembelajaran juga buku pertamanya 'The Conditions of Learning). Menurut Gagne, teori pengajaran perlu mengambil kira faktor khusus yang mempengaruhi pembelajaran secara kompleks. Gagne juga telah membentuk satu hierarki untuk tugas pembelajaran kemahiran intelektual. Hal ini kerana peringkat pembelajaran penting untuk membantu pembelajaran di setiap peringkat dan penyusunan penyampaian pengajaran akan berlaku dari asas kepada yang lebih kompleks. Menurut Mohd Fuad Sam, Marina Majid, Afrah Salwani Jusoh dan Mohd Zain Konson (2013), hierarki pembelajaran Gagne mempunyai 8 iaitu pembelajaran isyarat – pembelajaran paling asas, melibatkan ransangan yang ada di psersekitaran. Pembelajaran gerak balas – merujuk kepada gerak balas yang diterima sebagai hasil sesuatu tingkah laku. Pembelajaran rangkaian motor – bermanfaat dalam pembelajaran melibatkan kemahiran, berlaku melalui proses pemerhatian dan peniruan. Pembelajaran bahasa – kanak-kanak belajar bahasa melalui peniruan pada peringkat awal dan seterusnya berkembang secara abstrak. Pembelajaran diskriminasi – melalui penggunaan bahasa, individu dapat mengaitkan pelbagai perkara, fakta, fikiran serta membuat perbandingan melibatkan perhatian dan keupayaan melihat ciri-ciri persamaan dan perbezaan. Pembelajaran konsep – pembentukan konsep sama ada secara deduktif (Ausebel) atau induktif (Bruner) memerlukan keupayaan individu membuat diskriminasi dan keupayaan berbahasa. Pembelajaran prinsip – memerlukan individu mengaplikasi konsep- konsep yang telah dikuasai. Pembelajaran penyelesaian masalah – merupakan aras pembelajaran paling tinggi, melibatkan proses mental aras tinggi yang memerlukan keupayaan mengaplikasikan pembelajaran terdahulu seperti aplikasi rumus, konsep hokum, prinsip, mengandungi lima langkah asas mengenalpasti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masalah, mencari maklumat untuk mengesahkan masalah, membina hipotesis untuk menyelesaikan masalah, menguji hipotesis serta membuat pilihan dan rumusan.

Jadual 3.1

Langkah-langkah pengajaran selaras dengan fasa pembelajaran Gagne.

Langkah Pengajaran	Fasa Pembelajaran
1. Tarik perhatian pelajar terhadap pembelajaran yang akan disampaikan	1. Motivasi – Jangkaan
2. Maklumkan kepada pelajar objektif pembelajaran	2. Kefahaman – Perhatian – Pemilihan – persepsi
3. Cungkil pengetahuan sedia ada pelajar berkaitan topik yang akan disampaikan	3. Pemerolehan - Mendekod pengetahuan sedia ada
4. Sampaikan maklumat / isi pelajaran	4. Pemilihan penanggapan
5. Beri panduan pembelajaran sebagai latihanuntuk mengukuhkan pembelajaran	5. Pemahaman – mengenkod – maklumat baru – menyimpan
6. Uji pemahaman pelajar berkaitan isi pelajaran baru	6. Mengingat semula – soalan/ugasan
7. Beri maklum balas untuk mengukuhkan pemahaman	7. Generalisasi – perlakuan – membuat pemindahan pembelajaran
8. Taksir perlakuan pembelajaran pelajar	8. Maklum balas - pengukuhan
9. Tingkatkan ingatan dan pemindahan pembelajaran	




Rajah 3.5. Teori Pembelajaran Sosial

Teori pembelajaran sosial diperkenalkan oleh Albert Bandura sebagai teori peniruan dan juga pembelajaran yang menekankan unsur sosial. Sosial bermaksud yang melibatkan manusia berfikir dan bertingkah laku melalui pemerhatian dan peniruan. Bagi pembelajaran sosial ia melibatkan hubungan berasaskan kepada 3 unsur iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

persekitaran, individu (kognitif) dan tingkah laku. Selain itu, Bandura turut memperkenalkan model determinisme timbal balik yang diasaskan kepada 3 perkara iaitu perlakuan, individu (kognisi) dan persekitaran. Faktor ini saling berhubungan dan pastinya membawa pengaruh kepada pembelajaran.



Rajah 3.6. Pengaruh Tiga Unsur dalam Pembelajaran Sosial

Terdapat tiga cara peniruan yang digambarkan iaitu peniruan secara langsung dan peniruan sekat laluan dan tak sekat laluan serta peniruan elitasi. Dalam hal ini, secara langsung ini akan berlaku apabila seseorang melihat orang lain melakukan sesuatu dan meniru kelakuan tersebut. Oleh sebab itu, sebagai guru perlulah menunjukkan contoh kerana mereka adalah *role* model kepada murid di sekolah. Cara kedua ialah peniruan sekat laluan dan tak sekat laluan yang mana peniruan sesuai dilakukan dalam keadaan tertentu tetapi tidak digunakan dalam keadaan atau situasi yang lain. Peniruan yang murid perolehi itu perlu ditapis agar digunakan di tempat dan situasi yang betul sahaja. Murid akan mempelajari secara tidak langsung berdasarkan peniruan ini. Kemudian peniruan tak sekat laluan ialah tindakan yang boleh dilakukan dalam semua situasi. Selalunya aspek ini akan merujuk kepada sesuatu keperibadian yang baik seperti berbudi bahasa dan sebagainya. Untuk peniruan elitasi adalah perkara tentang emosi dan keinginan. Proses ini berlaku melalui cara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang yang akan terus melakukan apa yang yang dilakukan oleh orang lain apabila mereka mengetahui bagaimana melakukan tingkah laku tersebut. Tidak kira sama ada perbuatan atau tingkah laku tersebut positif atau negatif, ia tetap akan mempengaruhi emosi murid.

Untuk teori sosial ini telah dinyatakan langkah-langkah dalam pelaksanaan pembelajaran peniruan iaitu tumpuan perhatian dengan memerhatikan perlakuan model secara berulang kali. Kedua ialah penyimpanan dalam ingatan iaitu menyimpan segala yang dilihat dalam ingatan dan dikekalkan. Di sini berlakunya proses mengekod, menyimpan dan mendekod. Seterusnya pengeluaran, maklumat, tingkat laku dan kemahiran yang telah disimpan dikeluarkan secara perlakuan. Daya ingatan yang dimilik akan membantu murid mempersembahkan kembali maklumat tersebut. Akhirnya ialah motivasi dan peneguhan, sekiranya individu gembira dan mendapat peneguhan, makanya tingkah laku tersebut akan diulang sehingga menjadi kukuh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teori Pembelajaran Sosial Bandura mempunyai dua model iaitu model sebenar atau model hidup. Model sebenar merujuk kepada sesuatu model yang sebenar seperti tingkah laku manusia, haiwan atau objek. Model kedua ialah model simbolik iaitu langkah kerja atau prosedur. Model ini dilihat dalam bentuk bahasa juga bentuk visual (rajah). Kategori ialah seperti watak yang dimainkan dalam cerita. Untuk setiap teori pastinya terdapat kesan yang boleh dilihat. Berdasarkan kepada pemerhatian dan peniruan, kesimpulannya guru perlu menjadikan diri sebagai contoh yang baik untuk murid. Penyampaian yang menarik juga demostrasi oleh guru mampu menjaya pemikiran murid. Persekitaran sangat membantu, oleh itu guru boleh menggunakan rakan sekelas juga sebagai model yang baik untuk diikuti. Selain itu, berdasarkan kepada bahan pengajaran terutama untuk genre cerpen dan novel, pastinya banyak


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sahaja nilai murni, pengajaran dan pelbagai aspek lain yang boleh meransang murid berusaha meniru tingkah laku. Penting untuk guru sentiasa menyokong serta membantu murid dalam menunjukkan tingkah laku yang mereka ingini.

3.3.2 Pembangunan Model Integratif

Kerangka daripada kedua-dua teori pembelajaran yang disebut sebelum ini digunakan sebagai landasan untuk membina Model Integratif seperti di bawah :



Rajah 3.7. Pembangunan Model Integratif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Model Integratif telah dibina khusus bagi pengajaran cerpen serta novel. Hasil daripada gabungan dua teori iaitu teori pembelajaran kognitif (mental) dan teori pembelajaran sosial(sosialisasi), terhasilnya model Integratif ini. Kekangan yang dihadapi oleh murid dalam mempelajari genre cerpen dan novel membuatkan pengkaji meneliti apakah kesesuaian yang diperlukan untuk memudahkan guru dalam menterjemahkan sesuatu bahan pengajaran tersebut. Seperti yang diketahui terdapat 4 model pembelajaran yang sedia ada seperti model pemprosesan maklumat, model behavioral, model sosial dan juga model personal. Kesemua model ini telah dihasilkan oleh mereka yang mahir dan mempunyai pengetahuan yang meluas terhadap pendidikan. Walaubagaimanapun tiada model yang sememangnya khusus dan khas bagi pengajaran tertentu seperti genre cerpen dan novel. Kesemua model pembelajaran sedia ada bersifat menyeluruh yang mana disesuaikan dengan kesemua matapelajaran atau bahan pengajaran. Terpulang kepada guru dalam mengendalikan sesi pengajaran dengan pemilihan model pembelajaran yang tepat.

Pembinaan model Intergratif adalah berdasarkan kepada penggabungan dua teori pembelajaran iaitu teori pembelajaran kognitif dan teori pembelajaran sosial. Prinsip-prinsip asas yang dikemukakan dalam kedua-dua teori ini telah membantu pengkaji meneliti danmewujudkan model Intergratif. Untuk teori pembelajaran kognitif seperti yang diketahui iailah suatu perubahan mental yang leibatkan kepada psikologi. Kemudian teori pembelajaran sosial pula mempunyai pembelajaran secara peniruan dan pengamatan. Elemen-elemen yang berada dalam kedua-dua teori ini telah dimasukkan dan diadaptasikan kepada model Integratif ini. Intergratif yang bermaksud menghubungkaitkan atau menyatupadukan sesuatu supaya menjadi lebih kukuh telah dijadikan sebagai dasar pembinaan model ini. Pengkaji telah menyatupadukan atau

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghubungkaitkan 3 dimensi yang telah diwujudkan di dalam model Integratif. Ketiga-tiga dimensi ini diambil daripada elemen yang diwujudkan di dalam model pembelajaran sedia ada, berlandaskan kepada teori dan juga merujuk kepada strategi pengajaran dalam pedagogi bestari. Kesemua ini digabungkan dan dihasilkan suatu model pembelajaran Integratif yang khusus bagi pengajaran cerpen dan novel. Oleh itu, penggabungan dimensi serta elemen yang ada di dalam dimensi telah menghasilkan sesuatu yang saling berhubung kait dan lebih kukuh berpandukan kepada maksud model Integratif itu sendiri.

Model integratif ini telah dibahagikan kepada 3 bahagian yang dikenali sebagai dimensi. Dimensi tersebut ialah ekspositori, strategi REACT dan sosialisasi. Kemudiannya, dimensi ini pula dibahagikan kepada beberapa elemen yang tertentu. Model integratif ini telah disusun secara sistematik sesuai dengan rancangan pengajaran yang perlu dihasilkan oleh guru sebelum menjalankan sesi pengajaran tersebut. Dimensi yang pertama iaitu ekspositori yang juga membawa maksud sesuatu penerangan yang jelas dan terperinci. Pengajaran ekspositori ini telah diperkenalkan oleh Ausubel berasaskan kepada teori perkembangan kognitif Piaget. Menurut Noriati A.Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015), Ausebel mengatakan faktor yang paling penting mempengaruhi pembelajaran bermakna ialah apa-apa yang telah diketahui oleh pelajar sudah mengetahui. Proses utama dalam pembelajaran ialah subsumsi, iaitu menggabungkan maklumat baharu ke dalam maklumat sedia ada dengan membuat perkaitan antara idea baharu dengan idea sedia ada. Perkara utama di dalam dimensi ekspositori ini ialah ia pembelajaran secara verbal dan bukannya secara hafalan. Oleh itu, pemahaman murid pada isi pengajaran lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berkualiti dan sekiranya berlaku menipulasi terhadap fakta, murid masihmampu untuk menyelesaikannya.

Untuk pengajaran, ekspositori memainkan peranan dalam penyampaian isi kandungan pelajaran secara langsung. Guru boleh menggunakan ekspositori ini dengan kaedah penerangan, bercerita mahu pun demostrasi untuk mengajarkan sesuatu seperti yang telah diujarkan dalam teori sosial. Dimensi ini dikhaskan untuk bahagian set induksi. Sebelum menjalankan sesi pengajaran, penerangan oleh guru amat penting, permulaan yang baik akan dapat menghasilkan pengakhiran yang cemerlang. Bagi dimensi ekspositori ini ia adalah berpusatkan kepada guru. Guru perlu menjelaskan kepada murid mengenai pengajaran yang akan diajarkan. Kemudian, murid akan meneliti seterusnya memahami serta mengingat. Pengaplikasian bagi dimensi ekspositori ini boleh dipelbagaikan. Seperti yang diujarkan dalam model pemprosesan maklumat, penyampaian secara ekspositori boleh dilaksanakan dengan menerang, menginterpretasi juga menghurai idea daripada buku. Penerangan secara lukisan atau geometri juga digalakkan. Penggunaan kemahiran dalam menyelesaikan masalah akan memantapkan murid dan akhir sekali penggunaan alat bantu mengajar.

Ekspositori ini telah dibahagikan kepada dua elemen iaitu metakognitif dan mediatif. Metakognitif ialah sesuatu hubungkait maklumat yang baru dan juga yang lama, dan ini antara strategi untuk murid berfikir mengenai pengajaran tersebut. Guru bertindak untuk merancang, memantau dan menilai proses berfikir murid. Perkaitan di antara perkara baru dan juga lama sangat membantu murid dalam memahami apa yang diajarkan. Hubungan yang dikaitkan itu mampu meransang pemikiran murid. Pengajaran secara metakognitif juga telah menjelaskan mengapa kanak-kanak yang berbeza umur menangani sesuatu tugasan dengan pelbagai kaedah. Hal ini kerana

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

metakognif adalah pengetahuan proses-proses kognitif selaras dengan ciri relevan maklumat. Secara asasnya metakognitif dikenali dengan menghubungkaitkan maklumat baharu dan maklumat lama, memilih strategi-strategi berfikir dan merancang, memantau dan menilai proses berfikir. Unsur-unsur yang diterapkan ini sebenarnya asas daripada teori kognitif itu sendiri. Apabila di bahagian set induksi sudah diberikan maklumat yang membantu murid untuk berfikir, ia akan meransang murid dalam menterjemahkan pembelajaran mereka. Di sini bimbingan daripada guru diperlukan oleh murid. Hal ini kerana semasa di awal pengajaran dan pembelajara, murid mungkin masih keliru dan tidak tahu apa yang akan mereka pelajari.

Elemen yang kedua di dalam dimensi ekspositori ialah mediatif. Untuk pengajaran mediatif, guru berperanan sebagai pengantara yang mengemukakan soalan dan pada masa yang sama meransang naluri ingin tahu murid. Di sini murid akan dapat menilai sesuatu perkara secara berbeza dan saling menghormati pandangan orang lain. Sebagai guru seharusnya dielakkan untuk menghakimi sesuatu pendapat atau idea yang dikeluarkan oleh murid. Sokongan daripada guru amat penting dan murid dibiarkan untuk menguji sendiri idea yang dinyatakan oleh mereka. Secara tidak langsung keyakinan dan keberanian murid akan dapat dipupuk. Pengajaran secara mediatif ini menjurus kepada membina kemahiran murid-murid dan guru hanyalah sebagai pengantara yang membantu memudahkan proses ini secara sistematiknya. Peluang dan ruang diberikan kepada murid mengawal organisasi, sesuatu permasalahan dan menggunakan kemahiran yang mereka milik. Kemahiran boleh dipupuk dengan latihan dan bimbingan yang baik. Apabila murid dibiarkan berdikari dengan melaksanakan pelbagai tugasan yang diberikan, hasilnya sesi pengajaran tidak lagi hanya bergantung kepada guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya masuk kepada dimensi yang kedua iaitu strategi REACT. Dimensi yang kedua ini disesuaikan khusus untuk bahagian perkembangan dalam pengajaran. Strategi REACT ini dilihat berpandukan kepada teori sosial yang mana melatih murid bersosial dan meningkatkan kerjasama dalam kumpulan. REACT mewakili kepada *relate, experience, apply, cooperate dan transfer.* Untuk menghasilkan sesuatu pembelajaran yang bermakna, guru digalakkan untuk membina pengajaran dalam konteks sosial, fizikal, budaya dan juga psikologi. Penggunaan strategi REACT digalakkan secara berkumpulan kerana perkongsian idea serta kerjasama akan diwujudkan. Pembelajaran juga akan lebih berkesan apabila murid mempelajari sesuatu secara teorinya dahulu, kemudian dipraktikkan ke dalam situasi dan diperkukuhkan merujuk kepada kefahaman mereka terhadap pembelajaran.

Elemen pertama iaitu relate, sebagai langkah untuk memasuki kepada ruang isi pembelajaran mukadimah masih diperlukan. Guru harus bijak relate atau mengaitkan isi pembelajaran secara berperingkat dan sistematik. Perkara asas perlu dibimbing oleh guru ialah membawa murid untuk menghubung kaitkan pengetahuan baru yang akan dipelajari ini dengan pengalaman yang berada dekat dengan diri mereka secara umumnya. Pembelajaran akan bermula dengan menarik apabila murid menyedari ia adalah sesuatu yang turut berkaitan dengan pengalaman diri mereka. Keinginan untuk mengetahui dengan lebih lanjut akan berjaya diransang. Kemudian elemen kedua iaitu experiencing iaitu mewujudkan pengalaman kepada murid. Penerokaan, penemuan dan mereka cipta antara pengalaman yang boleh dibina untuk murid. Pengalaman mampu untuk menguatkan daya ingatan murid. Hal ini kerana, murid diletakkan dalam situasi tersebut dan merasainya sendiri. Guru akan mewujudkan situasi berkaitan dengan bahan pembelajaran, dan untuk genre cerpen dan novel agak mudah untuk diaplikasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana ia adalah genre yang berbentuk cerita. Guru akan meletakkan murid kepada situasi tersebut dan pengalaman akan dirasai sendiri murid.

Seterusnya masuk kepada elemen apply iaitu mngaplikasi. Setelah murid berjaya menghasilkan pengalaman baru, di sini murid akan mengaplikasi pengalaman tersebut kepada situasi yang berlainan pula. Jika dilihat konsep asas dalam karya genre cerpen dan novel adalah sama. Guru boleh mengarahkan murid melaksanakan aktiviti yang pengalaman pembelajaran mereka itu boleh digunakan dalam isi pembelajaran yang baharu. Jika berada di luar kelas, murid secara tidak langsung mengaplikasikan apa yang dipelajari di kelas iaitu aplikasikan pengetahuan kepada situasi lain. Sebagai contoh, murid melihat seorang tua melintas jalan, berdasarkan pengetahuan yang dipelajarinya sebagai anak muda seharusnya dia menolong tua itu melintas jalan. Secara automatiknya apa yang dipelajari akan murid tersebut aplikasikannya dengan melakukan apa yang dilakukan dalam kelas.

Untuk menjalankan elemen relate, experiencing dan apply ini, elemen cooperate sangat diperlukan. Model Integratif berfokuskan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid. Bekerjasama elemen penting semasa pengajaran berlansung. Apabila murid berada dalam kelompok yang sama, mereka lebih mudah menerima sesuatu pengajaran itu. Perkongsian idea, maklum balas juga komunikasi antara murid dalam kelompok kumpulan akan dapat meningkatkan keyakinan diri. Kerjasama di antara ahli kumpulan akan melancarkan lagi sesi pengajaran dan juga mampu menjimatkan masa guru. Guru pula akan berperanan sebagai fasilitator dan rujukan murid apabila diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen yang terakhir transfering iaitu memindahkan. Apa yang dipindahkan ialah maklumat yang diperolehi iaitu pengetahuan akan digunakan untuk membina pengetahuan yang lain. Pemindahan maklumat akan berlaku apabila murid telah melalui 4 proses di atas. Keupayaan murid akan meningkat dalam membina dan mereka cipta sesuatu yang baru. Pengalaman yang lama akan dapat dikuatkan lagi dengan pengalaman yang baru diperolehi murid.

Dimesi yang terakhir sekali ialah disesuaikan dengan aktiviti bahagian pengukuhan. Dimensi sosialisasi juga mempunyai dua elemen iaitu kolaboratif dan inovasi. Dimesi sosial ini adalah berdasarkan kepada model pembelajaran sosial yang mana membantu murid menajamkan fikiran secara interaksi, cara bekerjasama dan berfungsi sebagai ahli dalam kumpulan. Menerusi sosialisasi ini akan membolehkan murid berupaya untuk mengembangkan idea, berkongsi pendapat juga bertolak ansur sesama ahli. Pembelajaran secara berkumpulan akan mengukuhkan kemahiran berinteraksi murid yang pastinya membantu dalam perhubungan sesama manusia secara sosialnya. Perdebatan akan berlaku semasa murid bekerjasama dalam menyelesaikan masalah dan itu pastinya baik kerana akan membuatkan murid berfikir seterusnya meneroka apa yang diperkatakan dan diperdebatkan bagi memperolehi keputusan yang terbaik. Kemahiran sosialisasi seharusnya ada dalam diri setiap murid. Kemahiran ini akan dapat membantu mereka dalam jangka masa yang panjang. Dimensi sosialisasi ini mempunyai dua elemen iaitu kolaboratif dan juga inovasi. Sekiranya di bahagian perkembangan murid telah didedahkan dengan menjalani pembelajaran secara berkumpulan begitu juga di bahagian pengukuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kolaboratif merujuk kepada suatu suasana pembelajaran secara berkumpulan. Di bahagian pengukuhan juga guru dapat melaksanakan aktiviti secara berkumpulan. Hasilnya akan memberansangkan kerana murid secara berkumpulan akan dapat mengukuhkan diri mereka dengan pembelajaran yang diajarkan oleh guru secara individual. Untuk mewujudkan suasana kolaboratif yang seimbang, guru perlu membentuk murid dalam kumpulan yang kecil sahaja. Untuk setiap kumpulan perlu divariasikan kemampuan dan keupayaan setiap murid. Murid yang mempunyai prestasi cemerlang diletakkan bersama murid yang agak sederhana hinggalah yang lemah. Penggabungan murid dengan berbeza keupayaan ini akan membantu sesame mereka. Murid yang cemerlang pastinya akan membantu murid yang lemah dan begitu juga sebaliknya. Tidak semestinya hanya murid yang lemah sahaja dibantu tetapi mereka juga turut mempunyai kemahiran yang mana akan membantu murid yang cemerlang. Selain itu, ini juga salah satu cara untuk meningkatkan keyakinan murid. Apabila melihatkan berada dalam kumpulan yang sama, keyakinan murid untuk berkomunikasi akan meningkat. Murid tidak akan takut lagi sekiranya jawapan mereka salah atau tidak dan akan berusaha untuk meningkatkan kumpulan masing- masing.

Elemen yang kedua ialah improvisasi iaitu sesuatu hasil cipta yang baru. setelah melalui proses pembelajaran secara sistematik, di akhirnya murid akan dilihat berupaya untuk menghasilkan sesuatu yang baru. Menerusi apa yang dipelajari dan murid juga telah bijak untuk menyesuaikan dan mengaplikannya. Di era globalisasi ini seharusnya murid mampu menghasilkan sesuatu inovasi berdasarkan apa yang telah dipelajari. Sebelum mampu untuk mencapai tahap inovasi ini murid akan melalui proses secara improvisasi iaitu melaksanakan sesuatu secara spontan. Hal ini akan mendorong murid untuk mencita sesuatu dengan kadar masa yang diberikan tanpa apa juga persiapan. Apa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dimiliki oleh murid ialah pengetahuan, kemahiran serta pengalaman yang telah dilalui dalam pembelajaran sebelum ini. Apabila guru melihat murid mampu menerapkan kemahiran menghasilkan inovasi daripada hasil pengetahuan mereka itu menunjukkan bahawa hasil pembelajaran telah mencapai objektif dan murid tersebut faham dan bukannya mempelajari sesuatu dengan cara menghafal. Teknik belajar secara menghafal seharusnya dielakkan terutama dalam pembelajaran genre cerpen dan novel ini. Teknik menghafal hanya bertahan dalam jangka masa yang pendek, malah murid tidak akan mampu menerokai sesuatu ilmu dari pelbagai sudut yang ada. Apabila menghafal murid itu akan hanya memahami satu perkara dan tidak mampu untuk mengolah dengan kemahiran yang ada pada dirinya. Seterusnya rentetan daripada itu, murid akan kurang sosialisasi dan kurang keyakinan untuk mencapai apa yang sememangnya mampu untuk mereka capai sebenarnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Sampel dan Lokasi kajian

Pengkaji menjalankan kajian ini terhadap 10 orang guru yang mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu khususnya. Hal ini kerana kajian yang dijalankan adalah menjurus kepada matapelajaran Kesusasteraan Melayu umumnya. 10 orang guru ini dipilih sebagai populasi kerana mereka mempunyai pengalaman dalam mengajar dan secara tidak langsung turut mengaplikasikan model pembelajaran dan mengetahui permasalahan yang dialami oleh murid-murid di sekolah tersebut.

Sampel kajian ini akan diperolehi menerusi soal-selidik yang akan diedarkan. Data kajian tersebut seterusnya akan dikembalikan kepada pengkaji. Kemudian,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji akan mengambil data tersebut dan membawa kepada proses seterusnya iaitu penganalisisan data tersebut. 10 orang guru ini dipilih berdasarkan kepada pengalaman mengajar mereka. Pengkaji telah membahagikan 5 orang yang mempunyai pengalaman yang lama dalam pendidikan juga mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu atau KOMSAS dan baki 5 orang guru lagi terdiri daripada guru baru yang mengajar Kesusasteraan Melayu atau KOMSAS ini.

Guru dipilih sebagai populasi kajian ini kerana guru yang menggunakan atau mengaplikasikan model pembelajaran di sekolah. Secara praktikalnya juga guru jugalah yang akan melaksanakan dengan pelbagai cara dan strategi. Segala masalah atau kelemahan yang timbul pastinya sudah dialami oleh para guru. Oleh itu, pemilihan guru sebagai populasi adalah sangat tepat untuk pengkaji menjalankan kajian mengenai model pembelajaran ini. Seperti yang telah dijelaskan, kajian ini hanya melibatkan para guru yang mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu juga KOMSAS.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Untuk tempat kajian pula, pengkaji telah memilih sebuah sekolah di negeri Kedah untuk pengkaji menjalankan kaedah secara pemerhatian. Untuk kaedah pemerhatian ini, pengkaji akan menjalankan pemerhatian terhadap seorang guru yang mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu atau KOMSAS. Guru tersebut pastinya guru yang akan mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Kajian ini difokuskan kepada guru yang mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu tidak mengira apa sahaja opsyen mereka yang sebenarnya. Untuk soal selidik pula, pengkaji telah memilih beberapa negeri yang terlibat seperti Kedah, Perak dan Selangor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.5 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan bagi menjalankan kajian ini adalah menerusi soal selidik. Soal selidik yang digunakan ini diberikan kepada 10 orang guru sekolah yang mana 5 daripadanya mempunyai sudah lama berkhidmat sebagai guru, manakala baki 5 orang lagi ialah guru yang baru sahaja berkhidmat. Kesemua guru yang terlibat adalah guru yang mengajar matapelajaranKesusasteraan Melayu atau KOMSAS. Set soal selidik ini telah dipecahkan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C dan bahagian D. Setiap bahagian mempunyai fokus yang ingin dikaji oleh pengkaji. Soalan yang diajukan akan disediakan dalam bentuk objektif sahaja.

Instrumen soal selidik yang telah disediakan oleh pengkaji mengandungi empat bahagian dan setiap bahagian mempunyai komponen seperti :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

I. Bahagian A : Maklumat Diri
II. Bahagian B : Pendedahan Guru Mengenai Model Pembelajaran
III. Bahagian C : Pengalaman Guru Menggunakan Model Pembelajaran/ Pendekatan
IV. Bahagian D : Keupayaan Guru Melaksanakan Model Pembelajaran Integratif

Setiap bahagian diletakkan skala yang berbeza. Untuk bahagian A iaitu latar belakang guru, pengkaji telah meletakkan skala nominal sahaja. Manakala untuk bahagian C pengkaji meletakkan penilaian secara angka seperti 1, 2, 3, 4 dan 5. Setiap komponen angka diwakili oleh skala Likert (1932). Skala Likert adalah skala yang digunakan bagi mengukur sikap, pendapat seseorang atau sekelompok orang mengenai suatu gejala atau fenomena pendidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Skala Likert adalah seperti :

1. Tidak melakukan
2. Sekali sekala
3. Kadang-kadang melakukan
4. Selalu melakukan
5. Sentiasa melakukan

Seterusnya bagi bahagian B dan D pula pengkaji telah menetapkan skala Guttman (1994). Skala Guttman ialah skala yang menginginkan jawapan tegas. Pada skala ini, terdapat dua interval yang digunakan iaitu setuju dan tidak setuju. Pengkaji juga telah menetapkan skala ya atau tidak di bahagian akhir.

Soal selidik yang digunakan ini telah diuji kesahan dan kebolehpercayaannya. Hal ini kerana soal selidik ini telah diambil daripada kajian lepas iaitu 'Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Matapelajaran Pendidikan Islam' oleh Suhaimi Bin Hj Muhammad daripada universiti Teknologi Malaysia (UTM). Soal selidik ini kemudiannya diolah agar bersesuaian dengan kajian yang akan dilaksanakan ini iaitu Pembangunan Model Integratif Pengajaran Cerpen dan Novel. Selain itu, untuk mendapatkan pandangan dan juga pendapat daripada guru, pengkaji turut menyediakan ruangan untuk responden mengemukakan secara ringkas pandangan mereka terhadap model pembelajaran dalam sistem pendidikan di Malaysia. Ruangan yang dikemukakan adalah seperti berikut :

> Sila berikan pendapat anda mengenai model pembelajaran yang sedia ada, adakah berkesan digunakan dalam pengajaran cerpen dan novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

BORANG SOAL SELIDIK

BAHAGIAN A :
MAKLUMAT DIRI

Sila tandakan (/) dalam ruangan yang sesuai.

1. Sekolah Bandar ( ) Luar Bandar ( )

2. Jantina Lelaki ( ) Perempuan ( )

3. Pengalaman Mengajar Pendidikan Islam:

   a. 1 – 5 tahun ( )
   b. 6 – 10 tahun ( )
   c. 11 – 15 tahun ( )
   d. 16 – 20 tahun ( )
   e. 21 – 25 tahun ( )

BAHAGIAN B

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bahagian ini terdiri daripada aspek pendedahan guru mengenai Model Pengajaran.

Sila tandakan (/) pada pilihan jawapan anda.

Bil	Pendedahan mengenai Model Pengajaran	Ya	Tidak
1	Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran semasa pra perkhidmatan di maktab atau di universiti.		
2	Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran semasa dalam perkhidmatan.		
3	Latihan yang diterima mengenai Model Pengajaran penting untuk meningkatkan pengetahuan guru terhadap ciri-ciri Model Pengajaran.		
4	Latihan yang diterima memberi input yang mencukupi untuk guru melaksanakan Model dalam pengajaran		
5	Latihan yang diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti Model Pengajaran dalam pengajaran.		
6	Saya mendapat pengetahuan mengenai Model Pengajaran melalui bahan bacaan.		
7	Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran melalui perbincangan dengan rakan.		
8	Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran dengan mengikuti program dan kursus yang diadakan di peringkat sekolah.		
9	Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran dengan melayari laman web mengenai Model Pengajaran.		
10	Saya mendapat pengetahuan mengenai Model Pengajaran daripada maklumat dan bahan yang diperolehi daripada pusat sumber sekolah.		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN C

Bahagian ini terdiri daripada aspek pengalaman guru menggunakan Model Pengajaran dalam proses pengajaran bagi mata pelajaran Kesusasteraan Melayu / KOMSAS. Sila tandakan (/) dalam petak yang berkenaan mengikut respons yang dipilih seperti di bawah.

1. Tidak melakukan
2. Sekali sekala
3. Kadang-kadang melakukan
4. Selalu melakukan
5. Sentiasa melakukan

Saya memiliki pengalaman mengajar mata pelajaran Kesusasteraan Melayu dengan melakukan aktiviti berikut:

Bil.	Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu / KOMSAS Berasaskan Aktiviti Berikut :	1	2	3	4	5
1.	Memberi penerangan kepada murid tentang tujuan dan objektif pengajaran melalui model pengajaran sedia ada.					
2.	Memberi penerangan kepada murid cara-cara melakukan aktiviti.					
3.	Memilih peristiwa yang sesuai berdasarkan tajuk untuk menjalankan aktiviti.					
4.	Menyediakan bahan bantu mengajar sebelum memulakan aktiviti.					
5.	Memaklumkan kepada murid terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti.					
6.	Memaklumkan kepada murid tentang peranan dan tugas mereka dalam melaksanakan aktiviti.					
7.	Melatih murid agar mereka faham apa yang akan dilakukan berkaitan tajuk yang telah dipilih.					
8.	Memberi latihan kepada murid bagaimana untuk membawa watak dalam aktiviti yang akan dijalankan.					
9.	Mengadakan beberapa sesi latihan agar murid dapat menghayati watak dalam aktiviti.					
10.	Membimbing murid melakukan aktiviti sebelum pelaksanaan aktiviti sebenar.					
11.	Memastikan semua murid boleh bekerjasama dalam aktiviti yang dijalankan.					
12.	Memilih murid sebagai peserta yang akan membawa watak dalam aktiviti.					
13.	Membimbing murid untuk bekerja di dalam satu kumpulan.					
14.	Membimbing murid untuk mengeluarkan idea,menunjukan bakat dan kreativiti mereka.					
15.	Memberi dorongan kepada murid melakukan aktiviti sehingga mencapai matlamat.					

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

16	Memberi peluang kepada murid menonjolkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.					
17	Memberi dorongan kepada murid menggunakan pancaindera dan bahan bantu yang disediakan secara langsung.					
18	Meminta murid mengaplikasikan aktiviti yang telah dipelajari kepada situasi yang baru.					
19	Mengadakan perbincangan dengan murid selepas selesai aktiviti yang dijalankan.					
20	Menghargai bakat dan kebolehan yang ditunjukkan oleh murid daripada aktiviti yang dijalankan.					

BAHAGIAN D

Bahagian ini terdiri daripada aspek keupayaan guru Kesusasteraan Melayu / KOMSAS melaksanakan Model Pengajaran dalam pengajaran.

Sila tandakan (/) pada pilihan jawapan anda.

Bil.	Keupayaan Guru Dalam Melaksanakan Model Pengajaran	YA	TIDAK
1.	Saya memulakan pengajaran cerpen atau novel dengan set induksi.		
2.	Saya menyatakan dengan jelas kepada murid tujuan dan matlamat pengajaran berasaskan Model Pengajaran.		
3.	Saya merancang aktiviti yang berteraskan Model Pengajaran dalam pengajaran dan pembelajaran.		
4.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar dalam pengajaran berasaskan Model Pengajaran.		
5.	Saya akan memperolehi bahan bantu mengajar dari pusat sumber sekolah.		
6.	Saya akan meminta tolong guru / rakan dalam menyediakan bahan bantu mengajar.		
7.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar dengan kos yang rendah.		
8.	Saya yakin melalui pelaksanaan Model Pengajaran akan dapat menggalakan proses sosialisasi dan kolaborasi dalam kalangan murid sekolah.		
9.	Melalui Model Pengajaran murid akan dilatih untuk berfikiran kritis.		
10.	Melalui Pelaksanaan Model Pengajaran proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik.		
11.	Saya berasa agak sukar untuk mengawal kelas semasa proses pengajaran.		
12.	Saya bimbang jika murid yang mengikuti model pengajaran ini masih keliru watak dalam setiap cerpen atau novel.		
13.	Saya tidak pasti murid akan mampu untuk mengingati watak dan jalan cerita dalam cerpen mahu pun novel.		
14.	Saya tidak yakin untuk melaksanakan Model Pengajaran dalam pengajaran sebab saya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi mengenai model ini.		
15.	Melalui penggunaan model pengajaran, pengajaran cerpen dan novel akan menjadi lebih mudah untuk difahami.		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sila berikan pendapat anda mengenai model pembelajaran yang sedia ada, adakah berkesan digunakan dalam pengajaran cerpen dan novel.

_____

_____

SEKIAN, TERIMA KASIH

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesemua data yang telah dikumpulkan ini akan dianalisis dengan penggunaan data SPSS (Statistic Package for Social Science). Penganalisisan ini akan dilakukan dengan menggunakan skor min bagi menyatakan pendapat guru terhadap soalan yang telah diajukan menerusi soal selidik. Data ini akan dianalisis secara deskriptif yang merangkumi kepada data minimum, maksimum, nilai min dan nilai sisihan piawaian.

Selain itu, kaedah secara pemerhatian turut digunakan dalam kajian ini. Sebuah sekolah akan dipilih oleh pengkaji di negeri Kedah. Pengkaji akan menjalankan kaedah pemerhatian terhadap kelas Kesusasteraan Melayu. Pemerhatian akan merangkumi keseluruhan sesi pengajaran Kesusasteraan Melayu yang dijalankan oleh guru. Pengkaji akan melihat model pembelajaran yang digunakan dalam menyampaikan isi pengajaran cerpen dan novel khususnya. Manakala untuk murid juga akan dilihat berdasarkan kepada kefahaman mereka terhadap isi pelajaran, bagaimana murid memproses maklumat disampaikan dan melihat pengukuhan sama ada sesi pengajaran tersebut berkesan atau tidak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.6 Prosedur Pengumpulan data

Untuk menjalankan kajian ini secara terperinci, beberapa prosedur telah dilakukan. Pengkaji telah membuat kajian di negeri yang berlainan. Antara negeri yang terlibat adalah Kedah, Perak dan Selangor. Antara populasi guru yang dipilih ialah :

i. 5 orang guru yang sudah lama berkhidmat dan mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu / KOMSAS
ii. 5 orang guru yang baru berkhidmat dan mengajar matapelajaran Kesusasteraan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melayu / KOMSAS

Bagi menjalankan kajian dengan lancar, pengkaji telah mendapatkan surat kebenaran daripada pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) untuk menjalankan kajian ini. Setelah memperolehi surat kebenaran ini, pengkaji akan menghantar surat ini ke sekolah yang mana melibatkan guru matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Pengkaji juga akan turut memberi maklumat berkenaan dengan soal selidik. Di bawah disertakan jadual 1 di bawah memaparkan proses mengumpul data yang dilaksanakan oleh pengkaji.

Jadual 3.2

Jadual Pengumpulan Data

Bil	Aktiviti	Tarikh / Masa/ Tempat
1	Pengkaji mendapatkan surat kebenaran daripada UPSI	• Mac 2017 • UniversitiI Pendidikan Sultan Idris
2	Pengkaji memberi taklimat ringkas kepada guru yang terlibat dengan soal selidik	• Mac 2017 • Di sekolah yang terlibat (Kedah, Perak dan Selangor)
3	Pengkaji mengedarkan soal selidik terhadap 10 orang guru Kesusasteraan Melayu di sekolah-sekolah yang telah dipilih	• Mac 2017 – April 2017 • 30 minit untuk menjawab
4	Pengkaji mengutip kembali soal selidik setelah selesai.	• Mac 2017 • Universiti Pendidikan Sultan Idris
6	Pengkaji akan membuat pemerhatian di sebuah sekolah untuk melihat guru mengaplikasikan model integratif denga melihat Rancangan Pengajaran Harian (RPH) guru.	• April 2017 • Universiti Pendidikan Sultan Idris
7	Pengkaji melihat sesi pengajaran yang berlansung dan menandakan elemen yang telah disediakan dalam instrument kajian	• Mei 2017 • 1 jam setiap sesi kelas (2 buah kelas • Sekolah yang terlibat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Penganalisisan data

Sepanjang menjalankan kajian ini, segala maklumat yang telah diperolehi daripada kesemua responden dikumpulkan. Kesemua data daripada borang soal selidik secara atas talian itu akan dianalisis secara berperingkat dengan menggunakan data SPSS (Statistic Package for Social Science) yang dimuat turun ke dalam komputer. Hasil analisis ini akan dicatatkan secara jelas dan terperinci untuk memudahkan pengkaji mengenalpasti setiap aspek di dalam data dan seterusnya melengkapkan kajian yang dijalankan ini. Data yang diperoleh daripada pemerhatian pula akan direkod untuk memudahkan pengkaji menganalisis.

Jadual 3.3

Analisis Data

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bil	Soalan Kajian	Statistik
1	Apakah pendapat guru Kesusasteraan Melayu tentang ciri model pembelajaran khusus bagi pengajaran cerpen dan novel?	- Mengenalpasti dan mengetahui pendapat daripada guru mengenai ciri yang perlu ada di dalam sesebuah model pembelajaran khusus bagi pengajaran cerpen dan novel. - Soal selidik tersebut mempunyai 4 bahagian yang perlu dijawab oleh para guru. - 3 buah cerpen yang telah dipilih ialah Air Mata Dalang, Gulai Untuk Abah dan Kami Akan Mati, Lin. - Novel : Naratif Ogonshoto
2	Bagaimana model integratif dibangunkan supaya fleksibel dalam pengajaran cerpen dan novel?	- Kajian kepustakaan dijalankan iaitu dengan menganalisis dokumen dan teks sedia ada yang berkaitan dengan model pembelajaran khususnya. - Daripada analisis data ini, maklumat yang diperoleh dapat membantu dalam menambahbaik model integratif tersebut.

(Bersambung)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 3.3 *(Sambungan)*

Bil	Soalan Kajian	Statistik
3	Apakah kebolehsanaan model integratif pengajaran cerpen dan novel.	- Model integratif yang telah dihasilkan akan terdapat 3 dimensi iaitu ekspositori, strategi REACT dan sosialisasi. - Pengkaji akan menghubungkan ketiga-tiga dimensi ini dan juga menjalankan dimensi secara sistematik serta menghasilkan pengajaran berkesan untuk genre cerpen dan novel.

3.8 Kesimpulan

Berlandaskan kepada bukti yang sahih dalam membina model yang dianggap mampu membawa suatu perubahan dalam alam belajar murid di sekolah. Sistem pendidikan ni negara kita akan lebih bersistematik. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk melihat bagaimana model pembelajaran ini membantu terutamanya dalam matapelajaran Kesusasteraan Melayu genre cerpen dan novel. Matapelajaran Kesusasteraan Melayu menjadi pilihan pengkaji kerana jika dilihat matapelajaran ini mempunyai potensi untuk melahirkan murid yang cemerlang, namun ia sudah jarang ditawarkan dikebanyakan sekolah. Masalah yang sering juga berlaku ialah apabila matapelajaran ini hanya ditawarkan kepada murid-murid yang mengalami masalah dalam pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

MODEL INTEGRATIF PENGAJARAN CERPEN DAN NOVEL

4.1 Pengenalan

Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Desa Cemerlang dan Sekolah Menengah Kebangsaan Parit Betak yang terletak di negeri Johor. Di sekolah SMK Parit Betak ada menawarkan matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Manakala SMK Desa Cemerlang pula hanya difokuskan kepada matapelajaran Bahasa Melayu. Sebanyak 10 soal selidik telah diedarkan di setiap sekolah yang mana diberikan kepada guru-guru yang mengajar matapelajaran Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu. Sebanyak 10 soal selidik telah dikembalikan oleh responden yang terlibat iaitu 5 daripada setiap sekolah.

Dapatan kajian meliputi aspek pendedahan guru mengenai model pengajaran, aspek pengalaman guru menggunakan model pengajaran dalam proses pengajaran cerpen dan novel bagi matapelajaran Kesusasteraan Melayu (KM) dan Komponen Sastera Bahasa Melayu (KOMSAS), dan aspek kesediaan guru Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu (KOMSAS) melaksanakan model pengajaran dalam cerpen dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

novel. Model pengajaran mengandungi unsur-unsur penting di mana dapat memberi gambaran situasi yang jelas tentang proses pengajaran dan pembelajaran. Suatu ketika dahulu, pengajaran dianggap sebagai satu proses yang mudah iaitu pengajaran sebagai suatu penyampaian pengetahuan daripada guru kepada murid. Situasi ini dinamakan proses pengajaran sehala iaitu guru sebagai pengajar menyalurkan pengetahuannya kepada murid yang menerima segala ilmu yang diberikan. Namun, gambaran situasi itu sedikit demi sedikit telah berubah mengikut kepada peredaran masa kini. Pengajaran secara satu hala bukan lagi pilihan buat para guru, tetapi pelbagai elemen yang menyumbang kepada sistem pendidikan kini telah membawa sat era perubahan yang baru iaitu pengajaran dan pembelajaran secara dua hala, di mana guru sebagai mentor kepada murid dan murid akan menguasi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas sambil dibantu oleh para guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun keadaan sekarang sudah jauh berubah daripada keadaan seperti itu. Pengajaran lebih disifatkan satu proses yang dengan sengaja dirancangkan dengan objektif dan isi yang dipilih khas untuk disesuaikan dengan keperluan murid. Untuk menentukan proses pengajaran dan pembelajaran berkesan, guru-guru haruslah mengambil pelbagai pertimbangan seperti memilih model-model pengajaran yang boleh memberi kesan positif pada pengajarannya di samping pemilihan kaedah, teknik dan pendekatan. Di sini dibincangkan beberapa model pengajaran dan pembelajaran untuk pertimbangan guru. Setiap model-model yang dicadangkan mempunyai kekuatan tersendiri dalam membantu guru-guru dalam proses pengajarannya (Mok Soon Sang, 2003).

Bagi kajian ini hanya melibatkan satu kaedah pengumpulan data iaitu soal selidik. Soal selidik yang telah dianalisis dan disahkan oleh dua orang pensyarah iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Profesor Madya Dr Arbaie Saujud, Timbalan Dekan (Akademik dan Pelajar), Fakulti Bahasa dan Komunikasi dan juga Dr Roslina Binti Abu Bakar dari Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang, Selangor. Soal selidik diperolehi daripada guru-guru Kesusasteraan Melayu (KM) dan juga Bahasa Melayu (BM) yang mengajar elemen cerpen dan novel dalam matapelajaran KM dan juga BM (KOMSAS). Soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian.

4.2 Latar Belakang Responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Latar belakang responden melihat kepada lokasi sekolah, jantina, umur, bangsa, pengalaman mengajar, subjek major dan minor di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan juga opsyen mengajar di sekolah. elemen-elemen ini dipilih kerana ia mempengaruhi perkembangan ilmu pengetahuan seorang guru itu sendiri. Faktor-faktor ini turut menyumbang dalam kajian ini.


Jadual 4.1

Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi di sekolah

Lokasi sekolah	Bilangan	Peratusan (%)
Bandar	4	40 %
Luar Bandar	6	60%
Jumlah	10	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.1. Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi di sekolah

Sekolah luar bandar merupakan sekolah yang berada di kawasan luar bandar seperti di kawasan kampung. Luar bandar boleh juga difahami sebagai suatu tempat yang sedikit mundur dari segi teknologi, infrastruktur, tahap kehidupan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, ini tidak menggambarkan bahawa muriddi sekolah luar bandar lemah dari segi akademik. Tambahan pula, kini kemajuan di Malaysia semakin pesat membangun. Namun demikian, masih terdapat kemunduran di kawasan luar bandar yang tetap menjadi topik bagi sesetengah masyarakat negara kita. Pembangunan sekolah luar bandar yang dilengkapi dengan kemudahan sistem pengajaran dan pembelajaran akan mengurangkan banyak jurang pencapaian pelajar. Oleh itu amat penting untuk membantu dan mencapai kemajuan, dan menyelesaikan masalah kemunduran dalam aspek pendidikan di kawasan luar bandar. Jadual 4.2.1 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut lokasi sekolah. Seramai 4 orang guru (40%) mengajar di sekolah bandar. Manakala selebihnya seramai 6 orang responden (60%) mengajar di sekolah luar bandar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Faktor sama ada sekolah bandar atau luar bandar sebenarnya turut memberi impak kepada matapelajaran Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu ini. Hal ini kerana, di sekolah bandar lebih fokus kepada matapelajaran yang berteraskan sains, namun di sekolah luar bandar pula memfokuskan kepada subjek Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu untuk membantu murid mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaaan. Oleh yang demikian, kaedah yang baru perlu dipraktikkan agar lebih mudah untuk murid mempelajari matapelajaran tersebut tanpa jemu, malah melalui Model Integratifjuga dapat menarik minat murid yang berada di sekolah luar bandar untuk fokus kepada subjek Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu yang mana sering dianggap bosan. Hasil pemantauan yang dibuat masih ada guru-guru yang mengamalkan pengajaran dan pembelajaran berasaskan ‘chalk and talk’ terutama bagi sekolah di luar bandar. Kadang-kala kaedah itu diperlukan, namun pendekatannya haruslah dipelbagaikan. Zaman sekarang murid- murid bukan lagi hanya memperoleh maklumat daripada guru sahaja, pelbagai kemudahan teknologi memudahkan mereka memperoleh sumber, oleh itu guru harus menggunakan sumber tersebut dalam konsep membantu memudahkan pengajaran dan pembelajaran abad ke-21 ini. Walaupun sekolah berada di kawasan luar bandar itu bukanlah alasan untuk tidak menggunakan kemudahan yang ada. Hal ini akan membantu menjadikan bahan pengajaran lebih menarik. Bahkan, guru juga lebih mudah untuk menyediakan dan mempersiapkan diri bagi sesi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas.

Berdasarkan pemerhatian yang dibuat kini kebanyakan sekolah di kawasan bandar tidak lagi menawarkan matapelajaran Kesusasteraan Melayu. Hal ini kerana matapelajaran itu dianggap sudah tidak relevan dan tidak mendapat sambutan dalam kalangan murid. Oleh itu, fokus utama adalah dalam matapelajaran Bahasa Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang melibatkan bahagian KOMSAS bagi sekolah di bandar. Walaubagaimanapun bagi sekolah di kawasan luar bandar yang masih menawarkan matapelajaran Kesusasteraan Melayu telah banyak membantu murid-murid untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan. Faktornya adalah terdapat sesetengah murid yang tidak berkebolehan dalam matapelajaran sains dan matematik yang mana dikatakan matapelajaran penting dan relevan dengan dunia masa kini. Oleh itu, matapelajaran seperti Kesusasteraan Melayu inilah yang akan membantu murid tersebut mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik mereka.

Pembangunan modal insan kini amat penting yang mana bertujuan memastikan anak bangsa Malaysia mempunyai ilmu pengetahuan serta kepakaran tinggi bagi penyediaan guna tenaga dalam pelbagai jenis pekerjaan. Oleh itu, murid-murid perlu didekatkan jiwa mereka melalui pengajaran cerpen dan novel yang mana mempunyai banyak elemen yang dapat memberi pengajaran dan memupuk modal insan dalam diri sejak dari awal lagi. Di samping itu, murid juga akan dilengkapi dengan kemahiran, komunikasi berkesan, kebolehan menggunakan teknologi komunikasi maklumat (ICT) dengan baik, berupaya berfikir secara kreatif dan kritis serta mampu bertindak secara rasional, mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat, mempunyai nilai tinggi serta berupaya menjadi pemimpin berkesan dalam keluarga dan masyarakat. Elemen-elemen inilah yang dapat diterapkan melalui pengajaran KOMSAS dan Kesusasteraan Melayu iaitu melalui cerpen dan Novel. Bagaimana untuk diterapkan elemen tersebut adalah melalui pengaplikasian Model Integratifyang telah ditambah baik menerusi model-model sedia da dan dikhususkan Model Integratifbagi pengajaran cerpen dan novel sahaja. Oleh itu, sama ada sekolah di Bandar mahu pun luar Bandar tidak menjadi masalah sekiranya guru dapat memperbaharui cara pengajaran menerusi Model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Integratifyang ditambahbaik untuk membantu pengajaran dan pembelajaran murid bagi cerpen dan novel di mana kedua-duanya adalah satu bahan pengajaran yang menarik apabila disesuaikan dengan teknik yang betul kepada murid. Bahkan, inilah yang akan membantu murid untuk memahami pengajaran dengan mudah dan juga mengingati apa yang dipelajari itu.

Jadual 4.2

Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan (%)
Lelaki	2	20 %
Perempuan	8	80%
Jumlah	10	100%



Rajah 4.2. Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.2 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 2 orang (20%) terdiri daripada guru lelaki dan 8 orang (80%) merupakan guru perempuan. Melihatkan dari sudut jantina ini tiada yang begitu membezakan antara lelaki dan perempuan. Apa yang jelas, jantina perempuan lebih memonopoli. Hal ini kerana, di sekolah kebanyakan murid perempuan lebih ramai berbanding dengan murid lelaki yang lebih menjurus ke arah kemahiran. Jika dilihat kepada peratusan jantina ini sememangnya adalah satu perkara yang biasa.

Beberapa faktor penting yang dikaitkan dengan murid ialah persekitaran dan guru yang diandaikan menyumbang kepada cara pemahaman mereka. Boleh juga dilihat kebanyakan kejayaan murid dicapai oleh murid perempuan berbanding murid lelaki. Justeru guru perlu sedar bahawa murid lelaki perlu dibantu untuk meningkatkan kemahiran dan strategi belajar mereka. Murid lelaki perlu dibantu untuk membentuk cita-cita dan wawasan pendidikan yang lebih jelas. Guru perlu lebih sedar tentang kadar kematangan murid lelaki dan perempuan yang tidak sama. Oleh itu guru perlu melaksanakan pengajaran yang mempertimbangkan kepelbagaian pendekatan, kaedah, teknik, aktiviti dan bahan untuk memenuhi kepelbagaian pelajar. Keperluan dan gaya pembelajaran murid lelaki adalah berbeza dengan murid perempuan. Murid perempuan lebih mengamalkan gaya pembelajaran yang bersifat *abstract sequential dan concrete sequential*. Besarnya bilangan guru perempuan dan gaya pengajaran mereka yang komplemen dengan gaya pembelajaran murid perempuan menyebabkan murid

perempuan memperoleh kelebihan secara kebetulan. Dengan kata lain, murid lelaki mengalami diskriminasi yang tidak disengajakan. Oleh itu, guru juga perlu mempelbagaikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran supaya lebih sesuai dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


gaya pembelajaran murid lelaki dan murid perempuan. Pelaksanaan pengajaran guru di bilik darjah kurang membantu murid lelaki kerana guru tidak mempertimbangkan perbezaan gaya pembelajaran murid mereka. Kursus keguruan praperkhidmatan dan dalam perkhidmatan haruslah menekankan kemahiran untuk menerapkan nilai dan bukan mengajarnya secara langsung. Justeru guru hendaklah menyedari hakikat bahawa kemahiran menyelesaikan masalah dalam kalangan murid lelaki adalah berbeza dengan murid perempuan.

Jadual 4.3

Taburan bilangan umur dan peratusan responden

Umur	Bilangan	Peratusan (%)
25 – 35	8	80 %
36 – 45	1	10%
46 – 55	1	10%
56 – 60	-	-
Jumlah	10	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.3. Taburan bilangan umur dan peratusan responden

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.3 menunjukkan taburan bilangan umur dan peratusan responden mengikut umur. Untuk jangkaan umur bermula dari 25 -35 tahun, terdiri daripada 8 orang responden (80%). Kemudian jangkaan umur 36 – 45 tahun diwakili oleh seorang responden (10%). Begitu juga lingkungan umur 46 – 55 tahun diwakili oleh seorang responden juga (10%). Akhir sekali untuk jangkaan umur 56 – 60 tahun pula tidak diwakili oleh mana-mana responden. Melihatkan kepada carta di atas kebanyakan guru yang mengajar adalah antara yang muda lingkungan 25 hingga 35 tahun. Oleh itu, tiada masalah untuk guru mempraktikkan Model Integratif dalam pengajaran cerpen dan novel bagi matapelajaran Bahasa Melayu dan juga Kesusasteraan Melayu ini. Hal ini kerana, guru muda lebih mudah untuk mempelbagaikan kaedah dan mereka juga tidak terikat atau terbiasa dengan kaedah lama. Tambahan pula, di zaman yang cainggih ini, guru sendiri sudah mempunyai pelbagai idea yang kreatif dan inovatif untuk memastikan pengajaran dan pembelajaran tidak lagi membosankan. Melalui Model Integratif ini secara tidak langsung akan dapat membantu guru untuk menjalankan sesi pengajaran dengan baik dan lancar. Malah dengan perkara yang baru ini murid akan lebih bersemangat dan mudah untuk memahami apa yang dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Jadual 4.4

Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar KM dan BM (KOMSAS)

Pengalaman mengajar	Bilangan	Peratusan (%)
1 - 5	4	40 %
6 - 10	4	40%
11 - 15	1	10%
16 - 20	-	-
21 - 25	1	10%
Jumlah	10	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.4. Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar KM dan BM (KOMSAS)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.4 Menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pengalaman mengajar matapelajaran KM dan BM (KOMSAS). Seramai 4 orang responden (40%) telah mengajar selama 1 – 5 tahun. Seterusnya, seramai 4 orang responden (40%) juga telah mengajar selama 6 – 10 tahun. Hanya seorang responden (10%) sahaja telah mengajar selama 11-15 tahun. Bagi pengalaman mengajar selama 16 – 20 tidak diwakili oleh mana-mana responden. Akhir sekali hanya seorang guru (10%) telah mengajar sekitar 21 – 25 tahun. Pengalaman bagi seorang guru mengajar juga mempengaruhi sebenarnya. Hal ini kerana, melalui pengalaman ini guru sudah mengetahui selok belok bagaimana murid boleh menerima ilmu itu, kaedah atau pendekatanyang bagaimana yang akan membuatkan murid mudah tertarik. Jika dilihat hasil data yang diperoleh guru yang ramai adalah berpengalaman mengajar selama satu hingga 10 tahun. Pengalaman ini membantu guru melihat pendekatan atau model manakah yang bersesuaian. Di samping itu juga, dalam masa yang sama guru-guru ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sentiasa mencari elemen baru yang boleh digunakan terhadap sesi pengajaran dan pembelajaran mereka pada setiap hari. Sehingga ke hari ini masih ada guru yang menggunakan pendekatan ‘chalk and talk’ walaupun kini zaman sudah mulai berubah dengan adanya kepelbagaian teknologi yang dicipta. Ilmu sudah boleh diakses di mana-mana sahaja tanpa mengira tempat. Jaringan jalur lebar juga sudah semakin diperluaskan ke kawasan-kawasan luar Bandar. Oleh itu, pengajaran berfokuskan ‘chalk and talk’ tidak lagi relevan, ia masih perlu ditambah baik supaya pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih menarik.

Pendidikan dan latihan iktisas guru merupakan faktor yang paling utama dalam menentukan kualiti guru dan kualiti pengajaran. Kalangan pakar telah sepakat bahawa penguasaan pengetahuan dalam bidang pengajaran menjadi ciri yang paling penting dalam pengajaran guru. Selain itu, faktor pengalaman mengajar merupakan pengetahuan yang dibentuk oleh interaksi antara faktor-faktor persekitaran kerja. Tempoh dan kekerapan melalui tugas pengajaran sama ada berjaya atau sebaliknya, sedikit demi sedikit membina pengetahuan dan kemahiran profesion yang diperlukan. Guru-guru berpengalaman banyak bergantung kepada ingatan dan tafsiran terhadap pengalaman pengajaran terdahulu yang berkaitan (Gist & Mitchell 1992). Kajian telah dibuat dari semasa ke semasa oleh para pengkaji untuk melihat sejauhmanakah cara pengajaran dan pembelajaran yang digunakan memberi kesan kepada murid. Salah satunya yang telah diwujudkan ialah penggunaan model-model yang mana membantu guru menterjemahkan ilmu melalui kaedah atau cara yang tertentu.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.5

Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek major semasa belajar di IPT/ IPG

Subjek Major	Bilangan	Peratusan (%)
Kesusasteraan Melayu	4	40 %
Bahasa Melayu	4	40%
Lain-lain	2	20%
Jumlah	10	100%



Rajah 4.5. Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek major semasa belajar di IPT/ IPG

Jadual 4.2.5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengiku subjek major semasa belajar di IPT atau IPG. Seramai 4 orang responden (40%) mengambil subjek major Bahasa Melayu (BM). Seterusnya seramai 4 orang responden juga (major Kesusasteraan Melayu (KM). selebihnya iaitu 2 orang responden (20%) pula mengambil subjek major lain-lain iaitu seperti pengajian am dan juga perakaunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di dalam bidang pendidikan terdapat dua kategori guru berdasarkan kepada kelayakan ikhtisas. Guru yang mendapat latihan ikhtisas dalam bidang tertentu dan mengajar subjek berkaitan dikenali sebagai “guru mengikut opsyen” manakala guru yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai “guru bukan opsyen”. Kualiti pengajaran guru amat diutamakan kerana keperluan semasa dalam sektor pendidikan semakin hari semakin berkembang selari dengan teknologi. Pendidikan merupakan proses membolehkan seseorang individu memperolehi dan menggunakan ilmu pengetahuan, nilai-nilai murni dan kemahiran- kemahiran tertentu secara berterusan. Justeru, guru pada hari ini memainkan peranan penting sebagai agen perubahan yang mendidik dan melahirkan generasi yang akan datang. Mereka diamanahkan dengan tanggungjawab untuk menyediakan pendidikan berkualiti dengan mewujudkan pengajaran yang berkesan agar maklumat yang disampaikan adalah bermakna bagi pelajar, menarik minat serta mudah bagi mereka mengingati dan mengaplikasikan apa yang dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Ibrahim Mamat (1998), guru-guru dikehendaki menggunakan pengetahuan dan kaedah yang relevan untuk mencapai objektif pengajarannya. Guru-guru tidak harus terikut- ikut lagi dengan cara dan kaedah pengajaran yang lampau seperti cara pengajaran dan pembelajaran tradisional 40%) mengambil yang menggunakan kapur dan bercakap serta bergantung hanya kepada buku teks yang tidak lagi menjamin keberkesanan apatah lagi sebagai kaedah untuk menguji dan mencabar keupayaan pemikiran, kebolehan dan daya imaginasi muridpada zaman siber ini. Sebagai seorang guru, banyak amalan perlu dilakukan agar pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas menjadi berkesan dan bermakna kepada pelajar. Suasana pengajaran dan pembelajaran akan menjadi hambar dan tidak bermakna kepada murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekiranya mutu pengajaran guru tidak berada pada tahap yang memuaskan. Oleh itu, guru dan pengajaran yang berkesan sangat penting untuk mendapatkan pembelajaran yang baik.

Jadual 4.6

Taburan dan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek minor semasa belajar di IPT/IPG

Subjek Minor	Bilangan	Peratusan (%)
Kesusasteraan Melayu	3	30 %
Bahasa Melayu	4	40%
Lain- lain	3	30%
Jumlah	10	100%



Rajah 4.6. Taburan dan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek minor semasa belajar di IPT/IPG

Jadual 4.2.6 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek minor semasa belajar di IPT atau IPG. Untuk subjek minor Bahasa Melayu diwakili seramai 3 orang responden (30%). Subjek minor Kesusasteraan Melayu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diwakili oleh 4 orang responden (40%). Selebihnya seramai 3 orang responden (30%) mengambil subjek minor lain-lain seperti sejarah iaitu seramai 2 orang dan seorang lagi mengambil subjek pengurusan perniagaan. Pemberian matapelajaran buat guru yang bukan opsyen sebenarnya menyukarkan guru itu sendiri. Hal ini kerana, setelah mempelajari segala teknik dan kemahiran mengikut opsyen yang diambil, kini mereka perlu mengubah ilmu tersebut kepada sesuatu yang baru dan bakal dipelajari. Contohnya, guru sejarah dan pengurusan perniagaan pastinya menggunakan model pembelajaran yang bertepatan dengan matapelajaran tersebut. Namun, apabila menerima tugasan dengan mengajar matapelajaran yang baru seperti Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu pastinya cara akan berbeza. Pendekatan yang berbeza harus dilaksanakan mengikut kesesuaian isi dalam matapelaharan tersebut. Oleh itu, Model Integratif yang diubahsuai berdasarkan kepada model-model pembelajaran sedia ada ini akan dapat membantu guru yang bukan opsyen ini untuk mengaplikasikan dalam pengajaran KOMSAS dan Kesusasteraan Melayu iaitu cerpen dan novel. Menerusi Model Integratif semua dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu ekspositori yangmewakili kepada set induksi, strategi REACT yang mana dapat digunakan semasa sesi pengajaran dan sosialisasi iaitu bahagian penutup bagi sesi pengajaran dan pembelajaran.

Model Integratif diwujudkan adalah untuk membantu guru yang bukan opsyen bagi memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran, malah juga dapat memudahkan mereka untuk menyampaikan ilmu secara berkesan kepada murid. Di zaman kini, murid bukan lagi hanya memperoleh ilmu di sekolah semata-mata, banyak yang mengambil kelas tusiyen dan tidak kurang juga yang gemar membanding-bandingkan cara pengajaran guru mereka di sekolah dan juga pusat tuisyen yang mereka hadiri. Oleh itu,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


guru-guru di sekolah perlu mengambil inisiatif menunjukkan kepakaran yang dimiliki kepada murid-murid. Ini juga merupakan salah satu cara yang mana dapat mewujudkan sifat menghormati murid kepada guru-guru mereka. Apa yang sering menjadi masalah ialah kepada guru yang bukan opsyen adalah mereka perlu belajar dan mengajar dalam masa yang sama. Proses tersebut sedikit sebanyak menyukarkan guru bukan opsyen untuk beberapa tahun yang awal. Dengan penggunaan Model Integratif guru yang bukan opsyen akan dapat mengajar KOMSAS dan juga Kesusasteraan Melayu dengan baik dan penyampaian ilmu lebih berkesan kepada murid-murid.

Jadual 4.7

Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut opsyen mengajar di sekolah

Opsyen Mengajar	Bilangan	Peratusan (%)
Bahasa Melayu	9	90 %
Kesusasteraan Melayu	1	10%
Lain-lain	-	-
Jumlah	10	100%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4.7. Taburan dan bilangan dan peratusan responden mengikut subjek minor semasa belajar di IPT/IPG

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.2.7 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut opsyen mengajar di sekolah. Seramai 9 orang responden (90%) mendapat opsyen mengajar Bahasa Melayu. Selebihnya seramai seorang responden (10%) yang mendapat opsyen mengajar Kesusasteraan Melayu. Isu guru mengajar subjek bukan opsyen ini adalah lumrah terutama bagi guru-guru baru. Biarlah apa pun opsyen yang mereka ambil di universiti atau institusi latihan perguruan, tidak semestinya mereka akan mengajar subjek opsyen mereka itu di sekolah. Ini adalah suatu realiti yang berpunca daripada ketidaksepadanan dalam pengagihan guru di sekolah. Ia juga berpunca daripada keperluan sekolah itu sendiri yang mahukan guru mengikut kekosongan subjek yang ada.

Justeru, disebabkan oleh kurangnya pengetahuan mengenai subjek bukan opsyen yang hendak diajar, guru-guru cenderung untuk menjadi kurang yakin ketika mengajar. Segala pengetahuan mengenai subjek opsyen langsung tidak digunakan malah guru perlu mempelajari ilmu baru bagi mereka sekiranya diarahkan mengajar subjek yang betul-betul bertentangan dan tidak berkaitan dengan subjek opsyen masing-masing.

Antara kesan awal yang boleh berlaku akibat daripada kurangnya keyakinan guru mengajar subjek bukan opsyen ialah guru itu sendiri kurang bersemangat untuk mengajar. Justeru, murid pula menjadi kurang motivasi kerana mereka tahu guru tersebut tidak mempunyai pengetahuan yang cukup untuk mengajar mereka. Guru pula bersikap acuh tidak acuh dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Impak yang paling ketara ialah penurunan prestasi pelajar. Dalam hal ini, guru akan dipersalahkan kerana gagal mengajar subjek tersebut dengan baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru pula lepas tangan kerana menganggap subjek tersebut bukanlah opsyen dan dia tidak mempunyai kepakaran dalam mengajar subjek tersebut. Ini menyebabkan guru tersebut tidak dapat mencapai tahap profesionalisme. Malah, kerjaya guru itu pula yang dianggap mudah oleh masyarakat dek kerana guru hanya masuk kelas dan mengajar tanpa mengambil tahu sama ada muridmemahami pembelajaran mereka atau tidak. Oleh itu, boleh dilihat dengan jelas impak yang perlu dihadapi oleh guru-guru ini.

Terdapat beberapa langkah mengatasi yang boleh diambil bagi mengekang isu ini daripada berterusan dan memberi impak negatif kepada murid khususnya. Walaupun mengajar subjek yang bukan opsyen, guru boleh mencari inisiatif sendiri untuk mempelajari dan mendalami subjek yang hendak diajar itu. Pada zaman era globalisasi ini, ilmu sangat mudah untuk didapati. Semuanya ada di hujung jari sahaja Guru boleh mengajar apa-apa subjek sekiranya guru tersebut mempunyai tekad dan keyakinan yang tinggi untuk mempelajari dan mengajar. Dan sudah semestinya guru seperti ini mampu mencapai tahap profesional dalam masa yang singkat. Hendak seribu daya, tak hendak seribu dalih.

Di samping itu, guru juga perlu sentiasa berfikiran positif. Guru perlu menganggap bahawa mengajar subjek bukan opsyen ini merupakan cabaran yang perlu ditempuhi dengan sabar dan tabah. Bahkan, ilmu guru tersebut juga boleh diperkembangkan kepada beberapa bidang baru yang mungkin asing bagi mereka sebelum ini. Di sinilah antara sebab diubahsuai model pembelajaran khusus buat guru yang mengajar cerpen dan novel dalam KOMSAS dan Kesusasteraan Melayu. Guru perlu meneliti, memahami dan kemudian mengaplikasikan semua elemen-elemen yang terdapat dalam Model Integratif ini kepada sesi pengajaran da pembelajaran dalam kelas. Sebelum itu, guru-guru pastinya sudah sedia maklum akan elemen-elemen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tersebut kerana elemen ini adalah yang digunakan juga dalam model pembelajaran sedia ada. Perbezaannya adalah Model Integratif ini telah diubahsuai dan diolah khas untuk mengajar cerpen dan novel sahaja. Hal ini kerana, cerpen dan novel adalah elemen yang menyerokkan untuk dipelajari kerana ia berkonsepkan penceritaan. Tetapi, belakangan ini kedua-dua genre ini dianggap perkara yang susah untuk dihayati oleh murid.

4.3 Aspek Pendedahan Guru Mengenai Model Pengajaran

Descriptive Statistics

Bil		Ya	Tidak	N	Mean	Std. Deviation
1	Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran semasa pra perkhidmatan di maktab atau universiti	9 (90%)	1 (10%)	10	.90	.316
2	Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran semasa dalam perkhidmatan	10 (100%)	-	10	1.00	.000
3	Latihan yang diterima mengenai Model Pengajaran penting untuk meningkatkan pengetahuan guru terhadap ciri-ciri Model Pengajaran	10 (100%)	-	10	1.00	.000
4	Latihan yang diterima memberi input yang mencukupi untuk guru melaksanakan model dalam pengajaran	8 (80%)	2 (20%	10	.80	.422
5	Latihan yang diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti sedia ada model pengajaran dalam pengajaran harian	10 (100%)	-	10	1.00	.000
6	Saya mendapat pengetahuan mengenai model pengajaran	9 (90%)	1 (10%)	10	.90	.316
8	Saya memperolehi pengetahuan mengenai model pengajaran dengan mengikuti program dan kursus yang diadakan di peringkat sekolah	9 (90%)	1 (10%)	10	.90	.316

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

9	Saya memperolehi pengetahuan mengenai model pengajaran dengan melayari laman web mengenai model pengajaran	9 (90%)	1 (10%)	10	.90	.316
10	Saya mendapat pengetahuan mengenai model pengajaran daripada maklumat dan bahan yang diperolehi daripada pusat sumber sekolah	8 (80%)	2 (20%)	10	.80	.422
	Valid N (listwise)			10		

Seperti yang diperlihatkan dalam jadual 4.3 Aspek Pendedahan Guru Mengenai Model Pengajaran di atas, dapatan menunjukkan 80% hingga 100% guru menjawab Ya terhadap 10 kenyataan yang telah dikemukakan. Kenyataan yang pertama sekali iaitu Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran semasa pra perkhidmatan di maktab atau universiti. Di sini 90 % mengatakan ya mereka pernah didedahkan dengan Model Pengajaran semasa masih menuntut di universiti atau maktab perguruan. Model adalah antara faktor penting bagi seseorang yang bergelar guru kerana di sini adalah panduan kepada mereka untuk mereka cipta suatu pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif kepada murid dan dalam masa yang sama tidak membosankan. Tambahan pula dengan situasi sekarang ini yang mana kesemua kemudahan telah disediakan dengan dilengkapi kecanggihan teknologi yang membangun pesat guru perlu bertindak dengan segera dan tidak masih berada di takuk yang lama. Sistem pengajaran dan pembelajaran perlu disesuaikan dengan situasi semasa. Oleh itu, model-model pengajaran yang sedia ada sudah cukup baik sebagai asas kepada pengajaran dan pembelajaran. Namun kini model-model tersebut tidak diperbaharui mengikut kepada situasi kemajuan yang sedang membangun dalam sistem pendidikan kita.

Proses pengajaran dan pembelajaran merupakan satu proses yang kompleks. Ia melibatkan banyak langkah dan usaha yang merangkumi ilmu, kemahiran, pendekatan, kaedah satu teknik yang perlu diketahui oleh seseorang guru. Dalam masa yang sama,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ia juga menitikberatkan faktor situasi, persekitaran, emosi, dan peranan murid dalam satu-satu proses pembelajaran yang dijalankan. Ini kerana proses pengajaran dan pembelajaran berlaku dengan wujudnya interaksi antara kedua-dua pihak iaitu murid dan guru.oleh yang demikian, faktor-faktor yang mempengaruhi keadaan kedua-dua pihak perlu di ambil kira. Kurangnya kemahiran dan penekanan terhadap faktor tersebut sering dilihat menjadi punca masalah yang boleh menghalang daripada tercapainya objektif pengajaran, sekaligus dianggap kurang berkesan. Kelemahan ini akan mempengaruhi prestasi kerja guru malah ia akan memberi kesan negatif terhadap pencapaian serta kemajuan murid. Sekiranya masalah ini tidak ditangani, ia akan menjejaskan matlamat utama sistem pendidikan untuk melahirkan generasi yang seimbang mental, fizikal, emosi, dan rohani. Justeru, untuk menjadi seorang guru yang professional dan berkesan dalam pengajaran, seseorang guru perlu melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan bidang perguruan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, dengan adanya Model Integratif ini pastinya tiada masalah buat para guru untuk mengaplikasikannya dalam pengajaran cerpen dan novel. Hal ini kerana asas bagi Model Integratif ini adalah daripada model-model pembelajaran yang sedia ada. Ia telah diubahsuai mengikut kepada pengajaran cerpen dan novel dalam KOMSAS dan Kesusasteraan Melayu. 3 elemen utama iaitu ekspositori, strategi REACT dan sosialisasi adalah daripada model-model sedia ada yang telah dirangkumkan dan disusun bagi memudahkan guru menyampaikan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Kenyataan yang kedua iaitu saya pernah didedahkan mengenai model pengajaran semasa dalam perkhidmatan. 100 % responden iaitu dalam kelangan guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengatakan ya. Sepanjang mereka berkhidmat di sekolah, model pengajaran adalah antara elemen utama yang didedahkan kepada para guru. Yakni kerana model adalah asas kepada pembentukan pengajaran dan pembelajaran. Bagaimana guru dapat merancang bagaimana untuk melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran semasa dalam kelas. Dalam menghasilkan satu proses pengajaran yang sistematik, kita perlu merujuk kepada beberapa model pengajaran. Antara fungsi utamanya ialah sebagai satu panduan kepada guru bagi menghasilkan satu sesi pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan memotivasikan murid-murid selain untuk mengukur sejauh mana keberkesanan penggunaan terhadap murid-murid. Di antara model-model pengajaran yang sering kali diamalkan dalam bilik darjah ialah :

4.3.1 Model Ekspositori

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Ia bermaksud penerangan yang jelas dan terperinci. Dalam konteks pengajaran ekspositori merupakan penyampaian maklumat atau isi kandungan pelajaran secara langsung kepada murid- murid di dalam kelas. Oleh itu, kaedah ekspositori ialah cara penyampaian pelajaran melalui penerangan,bercerita atau demonstrasi dengan tujuan mengajar sesuatu. Dalam model ekspositori ini, guru memberi penerangan terlebih dahulu dan murid mendengar dengan teliti hingga mereka memahami dan mengingatinya atau merekodkan isi pentingnya dalam buku rekod mereka. Guru boleh menggunakan model ini untuk menerangkan konsep, fakta dan prinsip. Dari segi implikasi sesuai untuk peringkat perkembangan. Guru juga mendapat manfaat dari segi menjimatkan masa ketika menyampaikan pelajaran kerana dengan kaedah ini guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dapat terus menyampaikan semua maklumat tentang konsep dalam masa yang lebih singkat.

Seterusnya adalah kenyataan yang ketiga iaitu ‘latihan yang diterima mengenai model pengajaran penting untuk meningkatkan pengetahuan guru terhadap model dalam pengajaran. 100 % responden mengatakan ya dan pastinya mereka dengan yakin latihan sebegini mampu untuk meningkatkan pengetahun dan dalam masa yang sama dapat menambahbaik cara pengajaran yang disampaikan kepada murid. Pembelajaran merupakan satu proses menerima maklumat dan pengalaman secara berterusan. Proses pembelajaran melibatkan pelaksanaan strategi supaya murid dapat mencapai matlamat dan perubahan tingkah laku tertentu serta memperoleh kebiasaan, pengetahuan dan sikap yang positif. Pembelajaran biasanya diertikan sebagai perubahan tingkahlaku yang kekal dan stabil disebabkan oleh pengalaman atau latihan yang diteguhkan. Ciri-ciri pembelajaran ia adalah proses yang berterusan, boleh berlaku secara disedari atau tidak disedari, melalui Proses Pembelajaran seperti rangsangan dan persekitaran (guru, buku, ibu bapa, rakan, filem), rangsangan sesuai dipilih oleh organ deria. (rangsangan positif dan bermakna) Rangsangan diproses dalam otak untuk diberi makna dan diterima (pemikiran dan pengalaman, pemikiran refleksi, analisis, dan penilaian), pembentukan pengalaman atau pengetahuan dalam ingatan (diterima dan kekal dalam ingatan untuk dipanggil semula), mengamalkan pengalaman atau pengetahuan baru dalam suatu situasi yang sesuai dan sepadan (pemindahan pelajaran dalam situasi yang sama) dan perubahan tingkah laku (pembelajaran sebenar).

Kenyataan keempat iaitu ‘Latihan yang diterima memberi input yang mencukupi untuk guru melaksanakan model dalam pengajaran’, 80 % mengatakan ya dan baki 20% memilih untuk mengatakan tidak. Hal ini berlaku mengikut kepada situasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekeliling responden. Hasrat kerajaan ialah untuk melahirkan guru yang berkualiti melalui PPPM 2013-2025 dengan menekankan pembangunan profesionalisme keguruan. Pelbagai program latihan kepada guru telah dirancang untuk meningkatkan pengetahuan dan pembangunan diri guru. Latihan-latihan yang dilaksanakan ini membolehkan guru terus meningkatkan tahap kemahiran mereka selaras dengan tahap kecekapan yang dijangkakan daripada seorang guru.

Guru-guru telah diberi latihan di peringkat PPD, JPN dan KPM melalui kursus pendek merentasi semua matapelajaran melalui Latihan Peningkatan Professional yang dianjurkan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Justeru itu, sesuatu yang dirancang dan dilaksanakan itu pasti mempunyai tujuan atau matlamatnya agar dapat menghasilkan impak yang diingini. Goetsch (2002), menyatakan kepentingan latihan ialah dapat melatih pekerja supaya mempunyai kemahiran kerja yang mantap, peningkatan pengetahuan kerja yang luas, kompetitif, sentiasa seiring dengan sebarang perubahan dan memastikan pekerja mengikut peredaran masa. Jelaslah bahawa, jika guru diberi latihan yang bersesuaian maka tahap pengetahuan berkaitan model pembelajaran akan meningkat. Selain daripada menumpukan pengajaran berasaskan model pembelajaran dalam bilik darjah, guru juga boleh membina item-item soalan berunsurkan KBAT seterusnya melaksanakan pentaksiran yang berkesan terhadap murid mereka.

Kenyataan yang kelima ‘latihan yang diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti sedia ada model pembelajaran dalam pengajaran harian’ kesemua 100% responden memilih mengatakan ya. Faktor guru dianggap sebagai faktor yang paling dominan kerana guru memainkan peranan yang penting dalam menentukan kejayaan aspirasi pendidikan dalam sesebuah institusi pendidikan. Kualiti pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

banyak bergantung kepada kualiti guru kerana guru yang baik boleh membuatkan pembelajaran menarik dan dihargai oleh murid serta mampu merangsang tahap kognitif pelajarnya. Sepanjang tempoh perkhidmatannya, guru akan melalui pelbagai bentuk perubahan samada di dalam atau di luar bidang tugasnya di antaranya ialah perubahan pelbagai teknik, kaedah serta pendekatan yang efektif.

Begitu juga dengan penggunaan model pembelajaran yang mana dapat disesuaikan mengikut cara pembelajaran guru-guru semasa mengajar di dalam kelas. Banyak aspek yang perlu diambil kira semasa sesi pengajaran dan pembelajaran berlansung. Ini antara cabaran utama para guru kini. Oleh itu, telah direncanakan semula model pembelajaran khusus buat guru untuk mengajar cerpen dan novel dalam matapelajaran KOMSAS dan juga Kesusasteraan Melayu. Tambahan pula, kini semakin ramai murid yang sudah tidak minat dengan membaca, oleh itu guru sendiri perlu mempelbagaikan pendekatan bagaiamana yang sesuai untuk diaplikasikan ke dalam pengajaran cerpen dan novel selain daripada hanya membaca dan memahami cerita sahaja. Murid kini semakin pantas menerokai dan sebagai guru mereka haruslah selangkah ke hadapan berbanding murid agar apa yang disampaikan merupakan suatu perkara baru yang akan dipelajari oleh murid. Kini, apa yang sering menjadi kekangan adalah apabila murid lebih maju berbanding guru-guru. Hal ini yang menyebabkan pengajaran guru menjadi bosan dan tidak menarik kerana murid itu sendiri sudah menerokai atau mempelajari perkara tersebut.

Kenyataan yang keenam ialah saya mendapat pengetahuan mengenai model pengajaran melalui bahan bacaan', di sini dapat dilihat 90 % memilih ya dan 10% mengatakan tidak. Guru merupakan komponen penting semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Setiap amalan dan tingkah laku guru akan mempengaruhi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan memberi impak yang besar terhadap proses pengajaran. Guru bukan sahaja menyampaikan ilmu tetapi juga memberi garis panduan bagi menyelesaikan masalah. Hal ini kerana, guru adalah sumber penyampai ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada para murid. Guru berperanan dalam mengembangkan bakat, minat dan kebolehan murid malahan menjadi wadah dalam membina daya pemikiran kritis dan kreatif murid agar dapat menyesuaikan diri dengan setiap perubahan yang berlaku di sekeliling mereka satu hari nanti. Guru juga seharusnya bijak merancang pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan individu, kumpulan dan keseluruhan kelas. Ringkasnya, terdapat pelbagai kaedah pengajaran kemahiran berfikir kepada para pelajar. Kepelbagaian ini merangkumi teknik, kaedah, pendekatan dan strategi pengajaran yang digunakan. Pendekatan yang diambil oleh guru dalam mengaplikasikan kemahiran berfikir terutamanya kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) perlu disesuaikan dengan situasi pembelajaran, kebolehan murid dan pengetahuan guru itu sendiri.

Kenyatan yang ketujuh iaitu ‘saya memperolehi pengetahuan mengenai model pengajaran melalui perbincamgan dengan rakan’ juga dikatakan ya oleh 100% para responden. Hal ini kerana sebagai rakan sekerja mereka akan banyak berkongsi pendapat dan juga ilmu yang ada. Di sinilah ilmu pengetahuan para guru dapat dikembangkan. Sebagai guru seharusnya bersedia untuk memperbaiki diri dan mengubah pendekatan pembelajaran seiring kemajuan teknologi dan keperluan kerjaya semasa. Adalah menjadi tanggungjawab guru mempelbagaikan pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi melahirkan generasi baharu yang berkualiti dan berdaya saing. Kajian ini memfokuskan kepada pengetahuan, kemahiran pelaksanaan dan sikap guru memandangkan guru adalah penentu kepada keberkesanan sesuatu perubahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidikan. Sekiranya guru tidak bersedia menghadapi perubahan ini ia akan menjadi beban kepada guru dalam proses pelaksanaan di sekolah. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan, kemahiran pelaksanaan.

Kenyataan yang kelapan ‘saya memperolehi pengetahuan memgenai model pengajaran dengan mengikuti program dan kursus yang diadakan di peringkat sekolah’. Sebanyak 90 % responden memilih ya dan baki 10% mengatakan tidak. Latihan merupakan kaedah atau proses yang sistematik untuk mengubah pekerja ke arah pencapaian matlamatyang lebih baik dari semasa ke semasa. Oleh itu, setiap program latihan yang telah dikenal pasti perlu diberi kepada guru itu, hendaklah mampu mengubah tingkah laku guru ke arah pencapaian prestasi yang lebih baik berbanding dengan sebelum mengikuti program latihan. Program latihan kepada guru amat penting bagi organisasi. Melalui program latihan tersebut, dapat membangunkan pengetahuan dan kemahiran baru yang diperlukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan yang kesembilan ‘saya memperolehi pengetahuan mengenai model pengajaran dengan melayari laman web mengenai model pengajaran’ juga sebanyak 90% mengatakan ya dan 10% mengatakan sebaliknya. Pembelajaran berasaskan web dapat didefinisikan sebagai aplikasi teknologi web dalam dunia pembelajaran untuk sebuah proses pendidikan . Kini apa sahaja pembelajaran dapat dicari melalui lama web. Apa sahaja maklumat sudah tersedia ada seperti kata ‘semua maklumat kini di hujung jari. Oleh itu, guru juga tidak terlepas untuk mendapatkan ilmu-ilmu yang baharu menerusi lama web. Model pembelajaran apa sahaja yang diperlukan semuanya sudah ada dan guru hanya perlu mendapatkan sahaja maklumat tersebut. Walaubagaimanapun, guru masih perlu mengambil tindakan sendiri dengan menyesuaikan model pembelajaran khusus bagi mengajar cerpen dan novel ini. Perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mengambil kira pelbagai perkara sekeliling, zaman yang serba canggih ini, maklumat yang sudah lapuk perlu diolah untuk memberikan variasi yang baru kepada murid-murid kini.

Kemudian yang ditawarkan oleh teknologi ini adalah kepantasan untuk mendapatkan maklumat dengan segera. Aktiviti belajar dapat dilaksanakan dengan mudah oleh para guru. Bahkan para guru tidak lagi perlu runsing untuk memikirkan apakah cara yang boleh dilakukan mereka supaya murid mudah memahami dan juga tidak bosan dengan pembelajaran tersebut. Teknologi internet memberikan kemudahan bagi sesiapa saja untuk mendapatkan informasi apa saja dengan mudah dan cepat. Informasi yang tersedia diberbagai pusat data di berbagai komputer di dunia. Selagi kita mempunya jaringan internet pastinya tiada masalah untuk terus mengekalkan diri sentiasa mengikuti perkembangan yang terkini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan kesepuluh ‘Saya mendapat pengetahuan menganai Model pengajaran daripada maklumat dan bahan yang diperolehi daripada Pusat Sumber Sekolah’. Pusat Sumber Sekolah (PSS) adalah merupakan antara aspek penting dalam sesebuah institusi pendidikan. Ia bukan saja berfungsi sebagai gedung ilmu atau pusat pengumpulan dan penyebaran pelbagai sumber ilmu pengetahuan serta maklumat malah mampu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kepada para pengguna khususnya murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan rekreasi. Di samping itu, PSS juga berperanan untuk membina dan mengukuhkan kemahiran mencari maklumat dan seterusnya melahirkan warga sekolah yang kreatif dan inovatif. PSS yang berkesan dapat menjadi satu perkhidmatan yang penting dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan, menyediakan murid untuk menghadapi zaman maklumat, membina budaya ilmu, menanam asas pendidikan sepanjang hayat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memperkembangkan potensi para murid selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Hal ini disokong oleh Hamidah (1999), yang mengatakan bahawa PSS adalah sebahagian daripada rangkaian maklumat dunia (global information network) yang dapat memperluas maklumat yang boleh diakses serta memungkin pertukaran data maklumat secara lebih tepat dan pantas. Selain itu, beliau turut

berpendapat bahawa jika sekolah diiktiraf sebagai organisasi pembelajaran dan pengajaran (organisation of learning), PSS pula perlu dijadikan pusat kecemerlangan (centre of excellence), pusat maklumat (centre of knowledge) dan pusat tindakan (centre of action).

Setelah menganalisis data dengan penggunaan Social Package for Social Science (SPSS), dapat diperolehi nilai skor min untuk soal selidik bahagian B ini. Nilai skor min yang diperolehi adalah antara 0.8 hingga 1.00. Merujuk kepada nilai ini memperlihatkan bahawa kebanyakan guru sememangnya telah diberi pendedahan mengenai model pengajaran dalam pelbagai peringkat juga cara. Hal ini kerana, sebagai guru mereka sebenarnya perlu menjadikan model pembelajaran sebagai asas bagi sesuatu pengajaran dan pembelajaran supaya ia lebih berkesan kepasa murid. Tetapi disebabkan model-model pembelajaran sudah agak lama menyebabkan pengajaran guru kini tidak lagi merujuk kepada model pembelajaran. Namun, hakikat sebenar model pembelajaran sangat berkesan disebabkan itu, guru-guru dahulu sememengnya berpandukan kepada model pembelajaran. Oleh itu, kini hasil penelitian model pembelajaran diperbaharui dengan menyatukan beberapa elemen yang sesuatu untuk satu pengajaran cerpen dan novel. Cerpen dan novel dipilih kerana kedua-dua elemen ini sangat memberi masalah kepada murid sedangkan ia mampu untuk dijadikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekuatan kepada murid untuk memahami dan menguasai pembelajaran tersebut dengan mudah.

Model pengajaran merupakan antara elemen penting bagi kursus pendidikan yang diambil semasa proses pembelajaran. Hal ini penting kerana melalui model dapat mencetuskan kreativiti yang baik sekaligus dapat meningkatkan system pengajaran dan pembelajaran guru di sekolah. Walaubagaimanapun ia masih bergantung kepada guru untuk mengolah model-model tersebut mengikut kepada kesesuaian tahap pemahaman murid. Bukanlah sesuatu yang mudah kerani kini terdapat sekolah yang tidak meletakkan tahap murid mengikut kelas. Sebaliknya, murid yang lemah dan murid yang berpotensi diletakkan dalam satu kelas yang sama. Hal ini kerana, tidak mahu mewujudkan jurang perbezaan kepada murid. Tidak dapat dinafikan hal itu ada benarnya, murid tidak akan berasa terasing dan dipinggirkan di sekolah. Namun, kesan daripada keadaan tersebut adalah kepada tenaga-tenaga pengajar di sekolah. Hal ini kerana, mereka memerlukan kepelbagaian teknik dan cara untuk mengajar keada terdapat dua situasi dalam kelas dan masa pula adalah terhad. Bagaimana untuk memberi pemahaman kepada murid yang lemah dan pada masa yang sama perlu mewujudkan elemen baru agar murid yang berpotensi tidak bosan dengan bahan pengajaran yang disampaikan oleh guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Aspek Pengalaman Guru Menggunakan Model Pengajaran dalam Proses Pengajaran Cerpen/ Novel

Bil.	Pengalaman Mengajar Cerpen/Novel Berasaskan Aktiviti Berikut :	Tidak melak ukan	Sekali sekala	Kadang-kadang melakukan	Selalu melaku kan	Sentiasa melaku- kan
1	Memberi penerangan kepada murid tentang tujuan dan objektif pengajaran melalui penggunaan mediatif.	-	1 (10%)	2 (20%)	6 (60%)	1 (10%)
2	Memberi penerangan kepada murid cara-cara melakukan aktiviti secara metakognitif.	-	-	5 (50%)	5 (50%)	-
3	Memilih peristiwa yang sesuai berdasarkan tajuk untuk menjalankan aktiviti.	-	1 (10%)	-	8 (80%)	1 (10%)
4	Memaklumkan kepada murid terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti.	-	-	3 (30%)	5 (50%)	2 (20%)
5	Mendedahkan kepada murid elemen sosialisasi juga tentang peranan dan tugas mereka dalam melaksanakan aktiviti.	-	-	1 (10%)	7 (70%)	2 (20%)
6	Memberi latihan kepada murid bagaimana untuk mengaitkan pengalaman dan ilmu yang diperoleh.	-	-	-	8 (80%)	2 (20%
7	Memastikan semua murid boleh bekerjasama dalam aktiviti yang dijalankan.	-	-	-	4 (40%)	6 (60%)
8	Membimbing murid untuk bekerja di dalam satu kumpulan secara kolaboratif.	-	-	-	6 (60%)	4 (40%)
9	Membimbing murid untuk mengeluarkan idea,menunjukan bakat dan kreativiti mereka.	-	-	-	2 (20%)	8 (80%)
10	Memberi dorongan kepada murid melakukan aktiviti sehingga mencapai matlamat.	-	-	-	7 (70%)	3 (30%)
11	Memberi peluang kepada murid menonjolkan diri dalam aktiviti yang dijalankan.	-	-	-	6 (60%)	4 (40%)
12	Memberi dorongan kepada murid menggunakan strategi dan bahan bantu yang disediakan secara langsung.	-	-	2 (20%)	6 (60%)	2 (20%)
13	Meminta murid mengaplikasikan aktiviti yang telah dipelajari kepada situasi yang baru (improvisasi).	-	-	5 (50%)	4 (40%)	1 (10%)
14	Mengadakan perbincangan dengan murid selepas selesai aktiviti yang dijalankan.	-	-	2 (20%)	6 (60%)	2 (20%)
15	Menghargai bakat dan	-	-	2 (20%)	5 (50%)	3 (30%)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	kebolehan yang ditunjukkan oleh murid daripada aktiviti yang dijalankan.			

Descriptive Statistics

		N	Mean	Std. Deviation
1	Memberi penerangan kepada murid tentang tujuan dan objektif pengajaran melalui penggunaan mediatif	10	3.70	.823
2	Memberi penerangan kepada murid cara- cara melakukan aktiviti secara metakognitif	10	3.50	.527
3	Memilih peristiwa yang sesuai berdasarkan tajuk untuk menjalankan aktiviti	10	3.90	.738
4	Memaklumkan kepada murid terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti	10	3.90	.738
5	Mendedahkan kepada murid elemen sosialisasi juga tentang peranan dan tugas mereka dalam melaksanakan aktiviti	10	4.10	.568
6	Memberi latihan kepada murid bagaimana untuk mengaitkan pengalaman dan ilmu yang diperolehi	10	4.20	.422
7	Memastikan semua murid boleh bekerjasama dalam aktiviti yang dijalankan	10	4.60	.516
8	Membimbing murid untuk bekerja di dalam satu kumpulan secara kolaboratif	10	4.40	.516
9	Membimbing murid untuk mengeluarkan idea, menunjukkan bakat dan kreativiti mereka	10	4.30	.483
10	Memberi dorongan kepada murid melakukan aktiviti sehingga mencapai matlamat	10	4.30	.483
11	Memberi peluang kepada murid menonjolkan diri dalam aktiviti yang dijalankan	10	4.40	.516
12	Memberi dorongan kepada murid menggunakan strategi dan bahan bantu yang disediakan secara langsung	10	4.10	.568
13	Meminta murid mengaplikasikan aktiviti yang telah dipelajari kepada situasi yang baru (improvisasi)	10	3.70	.823
14	Mengadakan perbincangan dengan murid selepas selesai aktiviti yang dijalankan	**10**	**4.00**	**.667**
15	Menghargai bakat dan kebolehan yang ditunjukkan oleh murid daripada aktiviti yang dijalankan	**10**	**4.10**	**.738**
	Valid N (listwise)	**10**		

Jadual 4.4 Aspek Pengalaman Guru Menggunakan Model Pengajaran dalam Proses Pengajaran Cerpen/ Novel di atas menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden yang memberi maklum balas terhadap kenyataan bagi aspek pengalaman

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru dalam menggunakan model pengajaran dalam proses pengajaran cerpen dan novel bagi matapelajaran Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu (KOMSAS). Melihatkan kenyataan yang pertama iaitu adakah guru memberi penerangan kepada murid tentang tujuan dan objektif pengajaran melalui penggunaan mediatif. Di sini sebanyak 10% memilih sekali sekala, 20% mengatakan kadang-kadang melakukan, 60% selalu melakukan dan 10% mengatakan sentiasa melakukannya. Strategi mediatif memberi murid peluang untuk menentukan secara sistematik konsep dengan mengklasifikasi dan membuat kategori. Pembelajaran yang berlaku adalah satu proses aktif di mana muridmembina idea dan konsep berlandaskan pengetahuan lepas dan sekarang. Murid membuat kategori ciri utama dan membina konsep mengikut kefahaman mereka.

Mediatif bermaksud penggunaan media dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Media yang digunakan dalam strategi ini ialah media cetak dan yang terkini sekarang ialah media elektronik melalui penggunaan komputer dan internet. Media cetak yang sesuai digunakan untuk strategi ini ialah penggunaan suratkhabar untuk mengajar mata pelajaran tertentu misalnya aktiviti Akhbar Dalam Darjah(ADD). Media elektronik melalui penggunaan komputer pula misalnya buku elektronik yang digunakan untuk menggantikan buku teks dalam bilik darjah. Dengan penggunaan buku elektronik, muridboleh membaca bahan pelajaran dari satu topik ke satu topik yang lain bergantung dengan tahap keupayaannya.

Untuk kenyataan yang kedua pula iaitu adakah guru memberi penerangan kepada murid cara-cara melakukan aktivti secara metakognitif. 50% memilih kadang-kadang melakukan dan lagi 50% mengatakan mereka selalu melakukannya. Strategi metakognitif pula memerlukan murid memikirkan tentang proses pembelajaran,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

rancangan pembelajaran, pemantauan dan penilaian kendiri. Antara contoh-contoh soalan yang boleh difikirkan adalah seperti:

* Bagaimana saya boleh mempertingkatkan prestasi saya?
* Apakah yang saya telah belajar?
* Apakah bantuan yang saya perlukan?

Metakognitif ialah kesedaran tentang apa yang diketahui dan apa yang tidak diketahui. Strategi Metakognitif merujuk kepada cara untuk meningkatkan kesedaran mengenai proses berfikir dan pembelajaran yang berlaku. Apabila kesedaran ini wujud, seseorang dapat mengawal fikirannya dengan merancang, memantau dan menilai apa yang dipelajari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

i. Merancang apa yang hendak dipelajari.
ii. Memantau kemajuan pembelajaran diri.
iii. Menilai apa yang dipelajari.

4.5 Strategi Metakognisi

1. Proses Merancang

Proses ini memerlukan murid:

- ✓ Meramal apakah yang akan dipelajari, bagaimana perkara itu dikuasai dan kesan daripada perkara yang dipelajari;
- ✓ Menyediakan diri secara fizikal, mental dan psikologi;
- ✓ Membuat perancangan dari semasa ke semasa cara terbaik untuk mendapatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu perkara.

Dalam proses pembelajaran murid perlu bertanya kepada diri sendiri dari semasa ke semasa perkara yang berikut:

2. Proses Memantau

✓ Adakah ini membawa makna kepada saya?

✓ Bagaimanakah perkara ini boleh dijelaskan?

✓ Mengapakah saya tidak memahami cerita ini?

3. Proses Menilai

Melalui proses ini, murid membuat refleksi untuk mengetahui:

✓ Dengan pengetahuan ini, murid dapat memikirkan strategi yang lebih sesuai untuk menguasai pelajaran baru.

✓ Bagaimana sesuatu kemahiran, nilai dan pengetahuan dikuasai oleh saya?

✓ Mengapakah saya mudah/sukar menguasainya?

✓ Apakah tindakan/ pengubahsuaian yang harus saya ambil?

4. Kesan Daripada Penerapan Metakognitif

Dengan penerapan ini, amalan menerapkan Metakognitif dalam setiap tahap pembelajaran secara spontan dan tanpa disedari dapat dipupuk. Metakognitif tidak perlu diajar sebagai satu mata pelajaran atau strategi secara berasingan. Oleh itu metakognitif sepatutnya diajar secara infusi iaitu dengan menyerapkan metakognitif dalam kaedah kaedah mengajar, perkembangan staf dan proses penyeliaan. Murid diajarkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan strategi metakognitif untuk membantu menyelesaikan masalah secara bersendirian atau berbincang dengan rakan.

5. Strategi Untuk Meningkatkan Metakognitif

i) Merancang

Sebelum sesuatu aktiviti pembelajaran dimulakan, guru perlu mengajar atau menunjukkan peraturan yang patut dipatuhi dan strategi serta langkah untuk menangani masalah dan tuju hala yang harus diikuti. Semasa aktiviti itu dilaksanakan, guru perlu memberikan peluang kepada murid untuk berkongsi pengalaman, proses berfikir dan pandangan tentang tingkah laku mereka.

ii) Menyoal Pada Semua Peringkat

Menyoal ialah satu teknik penting untuk menjelaskan fikiran. Galakkan murid menimbulkan soalan kepada diri mereka sendiri sebelum, semasa dan selepas membaca, mendengar, melihat dan menonton sesuatu. Selepas aktiviti pembelajaran, guru perlu meminta murid menilai sejauh mana peraturan yang diajarkan itu dipatuhi. Terdapat 3 peringkat apa, mengapa dan bagaimana?

iii) Memilih Secara Sedar

Berbincang dengan murid tentang pemilihan dibuat oleh murid dari segi kesan baik dan sebelum keputusan dibuat.

iv) Menilai Berdasarkan Pelbagai Kriteria

Metakognisi boleh dikembangkan dengan memberikan peluang kepada murid untuk membuat refleksi dan mengkategorikan tindakan mereka berdasarkan dua atau lebih kriteria penilaian. Contohnya dengan mengenal pasti dan membezakan apa yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan sama ada sesuatu itu membantu atau menghindar mengenal apa yang disukai dan tidak disukai menyenaraikan baik dan buruk sesuatu aktiviti.

Kenyataan yang ketiga guru memilih peristiwa yang sesuai berdasarkan tajuk untuk menjalankan aktiviti. 10% responden mengatakan hanya sekali sekala sahaja, 80% pula selalu melakukannya dan 10% lagi sentiasa melakukannya. Konsep konstruktivisme menekankan pembinaan konsep yang asas sebelum konsep itu dibangunkan dan kemudiannya diaplikasikan apabila diperlukan. Menurut Brooks (1998), manusia membentuk pemikiran dan membina pemahaman berdasarkan peristiwa yang mereka alami sebelum ini. Teori konstruktivisme menekankan pembinaan konsep melalui pengetahuan-pengetajuan yang lepas. Menurut Jones (1997), konstruktivisme ialah proses menambah dan mensintesis maklumat baru berpandukan pengetahuan sedia ada untuk mendapatkan satu maklumat baru. Hasilnya, individu akan membentuk pemahamannya sendiri dan suatu konsep tertentu berhubung pengetahuan dan maklumat berkenaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Prinsip-prinsip Konstruktivisme

- pengetahuan dibina pelajar
- pemahaman dibentuk melalui analisis dan sintesis pengalaman lalu
- aktiviti pembelajaran menggabungkan 3 domain iaitu domain kognitif, domain afektif dan domain psikomotor
- refleksi membantu membentuk pengetahuan dan pemahaman
- murid berperanan menentukan pembelajaran sendiri
- hasilan pembelajaran adalah pelbegai dan sukar hendak dijangka
- menggalakkan muridberfikir dan mencuba idea baru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- menyokong dan mencabar pemikiran seseorang

Konstruktivisme menekankan penerokaan dan penemuan kendiri melalui aktiviti penyelesaian masalah. teori ini sesuai digunakan untuk gaya pembelajaran reflektif kerana muridmengaitkan pengetahuan dan pengalaman lepas untuk membentuk pemahaman baru.

Fasa Konstruktivisme

1. Orientasi
2. Pencetusan idea
3. Penstrukturan semula idea
4. Refleksi
5. Aplikasi idea

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasaorientasi / Engage

- Menarik perhatian, minat , dan memotivasikan pelajar.
- Contoh tunjuk cara/demonstrasi, tayangan filem, tayangan video, keratan akhbar, mengemukakan soalan-soalan yang boleh menjanakan perasaan ingin tahu kepada pelajar- pelajarnya.
- Kesan murid lebih berfikir dan lebih seronok dengan aktiviti yang telah dijalankan dalam bilik darjah.

FasaPencetusan idea / Explore

- Mengenal pasti kerangka alternatif pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

- Idea-idea muridyang terdahulu dikenal pasti melalui soalan-soalan yang diajukan untuk mendorong mereka berfikir mengapa idea mereka tidak selari dengan idea saintifik.
- Soal jawab yang mendorong pemikiran boleh dijalankan oleh guru.
- Guna kaedah inkuiri untuk menyelongkar dan menyiasat melalui kaedah eksperimen.
- Contoh = amali, perbincangan dalam kumpulan kecil, pemetaan konsep dan laporan.
- Kesan = murid lebih berfikir, seronok dan lebih berkemahiran sosial. Murid lebih berfikir kerana dalam membina pengetahuan baru muridakan berfikir untuk menyelesaikan masalah, menjana idea, dan membuat keputusan yang bijak dalam menghadapi pelbagai kemungkinanan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa Penstrukturan Semula Idea / Explain

- Mengubahsuai kerangka alternatif kepada idea saintifik.
- Idea-idea baru akan dipersembahkan dalam pelbagai bentuk yang sesuai dengan kecerdasan pelajar. Penerangan beserta dengan aktiviti yang sesuai dengan kecerdasan masing-masing akan digunakan untuk membantu membentuk konsep yang baru ini. Membuat definisi,menerangkan konsep, menyoal tentang penerangan lanjutan dan meminta justifikasi serta penjelasan.
- Contoh perbincangan dalam kumpulan kecil dan membuat laporan. Kesan = murid lebih yakin dan berani mencabar hipotesis yang telah dibuat dan digalakkan berbincang untuk membuat ramalan. Muridmempunyai banyak ruang dan peluang untuk menguji hipotesis mereka terutama melalui perbincangan dalam kumpulan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Fasa Aplikasi Idea / Elaborate

- Mengenal pasti idea yang baru diubah suai / dibina dalam fasa penstrukturan semula idea dapat diaplikasi dalam situasi yang baru. Konsep yang telah dibina dikaitkan dan dikembangkan di dalam bidang yang lain atau di dalam dunia sebenarnya.
- Contoh penulisan sendiri kerja projek oleh pelajar.
- Kesan murid lebih faham dan ingat. Kefahaman muridtentang sesuatu konsep dan idea lebih jelas apabila mereka terlibat secara langsung dalam pembinaan pengetahuan baru.

Fasa Refleksi / Evaluate

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

- Menilai kefahaman murid dan menilai sama idea terdahulu telah berubah.
- Contoh soal murid secara reflektif
- Kesan murid dapat menilai adakah mereka faham dan dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mereka.

Contoh aktiviti dalam pengajaran dan pembelajaran :

1. Perbincangan
2. Perdebatan
3. Eksplorasi
4. Pembinaan
5. Kolaboratif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan yang keempat ‘memaklumkan kepada murid terlebih dahulu sebelum melakukan apa-apa aktiviti. Di sini 30% melakukannya kadang-kadang sahaja, 50% selalu melakukan dan 20% sentiasa melakukannya. Menurut kamus Dewan, istilah ‘kesediaan’ bermaksud kesanggupan atau kerelaan manakala istilah ‘belajar’ bermaksud menuntut ilmu pengetahuan. Oleh itu, dapatlah ditakrifkan ‘kesediaan belajar’ sebagai keadaan status diri individu yang sudi menerima maklumat atau ilmu pengetahuan dari persekitaran dengan berfikiran terbuka. Kesediaan belajar merupakan faktor yang sangat penting untuk memastikan setiap isi kandungan pelajaran difahami oleh murid-murid. Menurut Bruner (1966), kesediaan belajar adalah merujuk kepada apa jua perkara yang dapat disampaikan secara berkesan kepada kanak-kanak pada mana- mana peringkat perkembangan. Hal ini adalah kerana, kesediaan belajar dapat diwujudkan melalui perkembangan individu dari segi emosi, intelek, psikomotor dan kematangan murid. Contoh, kanak-kanak berfikir secara konkrit pada peringkat perkembangan mereka dan pemikiran konkrit ini digunakan sebagai persediaan untuk mempelajari cara pembelajaran abstrak. Oleh yang demikian, persediaan ini dapat membantu murid untuk memahami pelajaran yang baru berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan yang sedia ada.

Kesediaan murid ini merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor yang berbeza antara setiap murid. Kesediaan belajar dari aspek kognitif bermaksud kesediaan mental seseorang untuk memahami, memikir dan menaakul dalam keadaan pembelajaran yang baru. Kognitif adalah satu proses mental mengubah input sensori kepada bentuk yang lebih bermakna dengan merekod, menyimpan dan menggunakan semula maklumat yang sedia ada. Hal ini jelas kita lihat apabila seseorang individu menggunakan maklumat yang sedia ada dalam persekitarannya dan mengaplikasikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ingatannya dalam membuat keputusan. Contohnya, murid- murid sekolah rendah bersedia untuk belajar operasi konkrit apabila mereka masuk ke sekolah menengah dan bersedia untuk belajar operasi yang kompleks. Maksudnya, seseorang murid telah bersedia dari segi kognitifnya apabila pencapaian ilmiahnya setimpal dengan usaha dan latihan yang diperlukannya.

Kesediaan afektif pula adalah dari segi keinginan, semangat, ketekunan, perasaan dan minat seseorang untuk melaksanakan aktiviti pembelajaran. Hal ini dapat ditunjukkan melalui perlakuan iaitu sikap kesedaran, minat, prihatin dan bertanggungjawab murid tersebut dalam kesungguhannya melaksanakan aktiviti pembelajaran yang diberi oleh guru. Contohnya, Nazri meminati subjek Bahasa Melayu kerana menyukai aktiviti membaca. Oleh itu, melalui kesediaan afektif ini, murid-murid dapat meningkatkan pembelajaran, minat, dan juga persaingan yang sihat dalam kalangan mereka sekali gus dapat memotivasikan murid-murid dengan menganggap pembelajaran adalah suatu bidang yang menyeronokkan dan memberikan suatu kepuasan kepada diri mereka. Mengikut hukum Thorndike (1913), apabila seseorang itu bersedia untuk melakukan tindakan, maka tindakan itu dapat memberikan kepuasan kepadanya. Sekiranya dia tidak melakukannya, akan menimbulkan perasaan dukacita dan jika dia terpaksa melakukannya maka pembelajaran yang terhasil menjadi tidak sempurna. Oleh yang demikian, kesediaan belajar merupakan persiapan-persiapan yang perlu ada sebelum individu itu bertindak iaitu belajar.

Kesediaan psikomotor pula ialah merangkumi penggunaan keperluan kemahiran dan penyelarasan tulang dan otot aktiviti fizikal. Kesediaan psikomotor pula bermaksud kesediaan seseorang yang mempunyai potensi dan bersedia untuk melakukan tindakan fizikal dalam suatu proses pembelajaran yang baru. Namun demikian, harus diambil

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kira bahawa kesediaan psikomotor ini adalah berbeza dalam kalangan murid-murid walaupun mempunyai umur yang sama. Hal ini adalah kerana, kesediaan psikomotor ini adalah berkait rapat dengan latihan yang memerlukan kemahiran yang betul dan latihan yang berterusan. Oleh yang demikian, murid-murid dapat memperbaiki psikomotor mereka dengan latihan yang berterusan sebagai persediaan psikomotor mereka.

Kenyataan yang kelima pula ‘ mendedahkan kepada murid elemen sosialisasi juga tentang peranan dan tugas mereka dalam melaksanakan aktiviti. 10% responden melakukannya kadang-kadang, majoriti 70% selalu melakukan dan terdapat 20% yang sentiasa melakukannya. Sosialisasi merupakan proses seseorang individu mempelajari dan menerima nilai, sikap, kemahiran yang dipunyai oleh keluarga dan masyarakat bagi membentuk personalitinya yang tersendiri untuk menjadi ahli masyarakat tersebut. Sosialisasi dapat membantu seseorang memainkan peranan sosialnya dengan sempurna. Misalnya seorang guru akan sedar dan tahu peranan dan tanggungjawab tentunya akan mengasuh dan menyayangi anak muridnya. Seorang anak dan muridjuga akan tekun belajar jika ia sedar bahawa itu adalah tanggungjawabnya dan harapan ibu bapanya. Sosialisasi menyedarkan seseorang tentang apa yang patut dan tidak patut dilakukan. Sosialisasi dapat membantu mengekalkan idea-idea, nilai-nilai dan pola-pola tingkah laku yang menyatukan masyarakat supaya terus kekal walaupun ahliahli masyarakatnya silih berganti. Melalui sosialisasi kebudayaan manusia dapat dipindahkan daripada satu generasi kepada generasi yang lain. Tanpa sosialisasi seseorang tidak dapat berinteraksi, bekerja dalam satu kumpulan atau melakukan kawalan diri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sosialisasi berlaku secara sedar dan tidak sedar. Walaupun kanak-kanak diajar cara bertingkah laku mengikut budayanya namun nilai-nilai yang baik dan buruk di rumah, sekolah atau masyarakat turut mempengaruhi mereka. Ibu yang bertutur dengan anaknya secara lemah lembut dan bercakap beralas akan melahirkan anak-anak yang akan mengamalkan budaya sedemikian kerana mereka sudah terbiasa dengan keadaan positif. Proses sosialisasi berlaku dalam tiga jenis. Pertama ,sosialisasi primer (permulaan) iaitu proses ini berlaku pada peringkat awal kanak-kanak. Kanak-kanak mempelajari konsep diri, psikomotor, penaakulan dan kemahiran bahasa daripada keluarganya. Kedua, sosialisasi sekunder (penyertaan) iaitu berlaku pada peringkat kanak-kanak, remaja dan dewasa pada peringkat ini akan berlaku proses pengembangan konsep diri, menerima konsep baru, berlaku perubahan dan penyesuaian akibat daripada interaksi dengan rakan sebaya sekolah, media massa dan masyarakat. Ketiga sosialisasi semula (resosialisasi). Proses ini mungkin berlaku atau tidak berlaku pada seseorang. Sosialisasi semula ini berlaku akibat daripada perubahan secara drastik, mendadak, radikal atau terpaksa yang dialami oleh seseorang. Misalnya berlaku akibat kemalangan, revolusi, peperangan, perubahan kepercayaan, bencana ,ketagihan dadah dan perubahan politik. Konsep kendiri sikap dantaakulan seseorang itu akan berubah dengan cepat akibat daripada situasi di atas.

Institusi sosial utama yang menentukan sosialisasi ialah keluarga agama pendidikan ekonomi dan kerajaan. Manakala antara agen yang membentuk dan mempengaruhi sosialisasi ialah keluarga, sekolah, rakan sebaya, media massa, tempat kerja, kelab dan persatuan dan sebagainya. Agen sosialisasi yang penting dalam masyarakat ialah keluarga. Ibu bapa biasanya mengajar anak-anaknya tentang kelakuan yang baik seperti apa yang mesti dilakukan dan apa yang tidak boleh dilakukan. Sekolah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kelompok rakan sebaya dan media massa buat masa ini sangat berpengaruh dalam menentukan sikap dan cara hidup seseorang itu. Sekolah yang ternama dengan skala disiplin yang tinggi akan melahirkan pelajar-murid yang cemerlang disiplinnya. Mereka mudah berinteraksi dengan masyarakat kerana telah disosialisasikan. Jadi alam persekolahan, pergaulan dan pengalaman hidup banyak membantu untuk kesempurnaan sosialisasi seseorang. Peranan atau tujuan sosialisasi boleh dirumuskan sebagai satu proses penyempurnaan hidup manusia mengikut norma masyarakatnya. Dalam proses ini sosialisasi berperanan mengajar asas- asas kehidupan dalam masyarakat, memastikan aspirasi masyarakat terpelihara, menyebarkan kemahiran-kemahiran yang penting dalam masyarakat dan mengajar individu untuk memenuhi peranan sosial.

Kenyataan yang keenam pula ialah memberi latihan kepada murid bagaimana untuk mengaitkan pengalaman dengan ilmu yang diperoleh. 80% selalu melakukannya dan 20% lagi sentiasa akan melakukan aktiviti ini. Pembelajaran merupakan kaedah memperoleh ilmu pengetahuan atau kemahiran melalui pengalaman, amalan yang dipelajari atau yang diajarkan. Pembelajaran secara tradisional seperti yang diamalkan oleh kebanyakan murid adalah pembelajaran yang pasif. Mereka menghabiskan kebanyakan masa persekolahannya dalam suasana pembelajaran yang pasif dengan menghafal semua maklumat yang disampaikan oleh guru secara syarahan tanpa ada penglibatan murid dalam pembelajaran. Murid hanya mendengar syarahan dan mengingat fakta yang diberikan oleh guru.

Pembelajaran yang pasif ini perlu berubah kepada kaedah pembelajaran dan pengajaran yang aktif untuk membolehkan murid memberi tumpuan dalam pembelajaran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran yang aktif dapat merangsang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

murid dengan mengaktifkan pengetahuan yang sedia ada dan dihubungkaitkan dengan pengetahuan baru. Pengetahuan yang baru diperolehi ini pula terus boleh diguna pakai pada masa hadapan (Khoo, 2003). Salah satu kaedah pembelajaran yang boleh menyediakan murid supaya berkebolehan dalam menyelesaikan masalah secara kritis, berpengetahuan, aktif dan sedia menghadapi cabaran dunia hari ini adalah kaedah pembelajaran berdasarkan masalah yang menggunakan masalah kehidupan sebenar sebagai titik permulaan terhadap pembelajaran (William, 2001; Dunlap, 2005). Terdapat banyak hasil kajian yang dijalankan di negara barat menunjukkan kaedah pembelajaran berdasarkan masalah merupakan suatu kaedah alternatif dalam menyediakan murid yang boleh menyelesaikan masalah secara kritis, mengutamakan pembelajaran secara kendiri dan aktif dalam menghadapi cabaran dunia hari ini. Hasil kajian juga mendapati pembelajaran berdasarkan masalah dapat menambahkan pengetahuan, perubahan sikap dan amalan murid(William, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan yang ketujuh ‘guru memastikan semua murid boleh bekerjasama dalam aktiviti yang dijalankan. 40% responden selalu melakukan aktiviti ini dan baki 60% lagi sentiasa akan memastikan aktiviti ini dilaksanakan. Pembelajaran kolaboratif atau pembelajaran berkumpulan terbimbing adalah merupakan pembelajaran dalam kumpulan. Pembelajaran kolaboratif juga merupakan pendekatan pembelajaran yang mempunyai kelebihan kerana mereka lebih berpeluang untuk memberikan idea, berbincang dan berinteraksi satu sama lain dan belajar melalui pengalaman mereka sendiri. Pendekatan ini merupakan satu inovasi dalam strategi pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di peringkat sekolah menengah murid-murid yang baru memasuki peringkat ini perlu diajar dan diterapkan nilai pembelajaran kendiri dan berdikari agar mereka bertanggungjawab ke atas pembelajaran mereka. Kaedah kumpulan sama kebolehan membolehkan guru membimbing murid mengikut kebolehan di samping menjalankan aktiviti-aktiviti pengayaan dan pemulihan mengikut keperluan masing-masing. Kaedah kumpulan pelbagai kebolehan telah memberi peluang mengamalkan pengajaran rakan sebaya, memupuk semangat kerjasama dan bertimbangrasa, perkembangan sahsiah dan kemahiran sosial. Murid hari ini bakal mewarisi pemimpin di masa akan datang yang bakal menjadi pekerja mahir dan separuh mahir untuk menyahut seruan kerajaan terhadap Wawasan 2020. Justeru itu, pengajaran di makmal atau bengkel juga perlu menggunakan pendekatan yang sesuai supaya proses pengajaran dan pembelajaran berlaku secara berkesan. Pembelajaran kolaboratif juga dilihat sebagai suatu usaha ke arah mempertingkatkan lagi pencapaian muriddan kemahiran kognitif (Slavin, 1995).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh hal yang demikian, bagi model pembelajaran kolaboratif telah dimasukkan elemen kolaboratif yang mana itu merupakan perkara utama dalam sesi pengajaran dan pembelajaran yang dikatakan berpusatkan murid. Menerusi kolaboratif ini dapat membantu murid untuk menca[ai kefahaman yang lebih cepat dan juga dapat menerokai pelbagai perkara bersama rakan-rakan dengan cara yang lebih menarik. Hal ini kerana apabila melibatkan rakan-rakan sebaya cara untuk berkomunikasi dan bersosial juga akan berlangsung dengan sangat baik. Bahkan, murid itu sendiri dapat meningkatkan keyakinan diri mereka untuk berhadapan dengan apa sahaja situasi pada masa akan datang.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan yang kelapan ‘guru membimbing murid untuk bekerja dalam satu kumpulan secara kolaboratif’. 60% mengatakan bahawa mereka selalu melakukan perkara ini semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. 40% pula sentiasa melaksanakan perkara demikian. Pembelajaran kolaboratif membawa maksud apabila terdapatnya dua atau lebih orang mempelajari sesuatu secara bersama. Tidak seperti pembelajaran individu, orang yang terlibat dalam pembelajaran bersama memanfaatkan sumber dan kemahiran antara satu sama lain (meminta antara satu sama lain untuk mendapatkan maklumat, menilai sesama sendiri, memantau kerja antara satu sama lain). Lebih khusus lagi, pembelajaran kolaboratif adalah berdasarkan kepada model yang pengetahuan dapat dicipta dalam populasi di mana ahli-ahli aktif berinteraksi dengan berkongsi pengalaman dan mengambil peranan.

Oleh itu, pembelajaran kolaborasi biasanya digambarkan apabila kumpulan murid bekerjasama untuk mencari pemahaman, makna, atau penyelesaian atau untuk membuat artifak atau hasil pembelajaran mereka. Tambahan pula, pembelajaran kolaboratif mengubah hubungan guru-guru tradisional di dalam kelas yang menghasilkan kontroversi sama ada paradigma ini lebih bermanfaat daripada membahayakan. Aktiviti pembelajaran bersama dapat termasuk penulisan kolaboratif, projek kumpulan, penyelesaian masalah bersama, perdebatan, pasukan kajian, dan aktiviti lain. Pendekatan ini berkait rapat dengan pembelajaran

kooperatif. Kenyataan yang kesembilan ialah membimbing murid untuk mengeluarkan idea, menunjukkan bakat dan kreativiti mereka. 20% responden selalu melakukannya dan 80% pula sentiasa akan melakukan aktiviti ini. Dewasa ini, strategi pengajaran berpusatkan murid telah banyak digunakan oleh para guru semasa meyampaikan proses pengajaran dan pembelajaran bahkan telah menjadi tren utama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam inovasi kurikulum seluruh dunia. Noriati (2009) mendefinisikan strategi pengajaran berpusatkan murid sebagai pengambil alihan tugas atau tanggungjawab daripada guru oleh murid semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Strategi ini melibatkan murid secara aktif dalam sesuatu aktiviti yang dijalankan seperti yang dinyatakan oleh (Orlich et al.,2007) dalam Noriati (2009).

Dalam strategi ini, guru hendaklah memastikan murid-murid belajar sesuatu dan membina pengetahuan mereka sendiri melalui aktiviti yang dilakukan. Esah (2003) menyatakan bahawa guru hendaklah mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi pembelajaran semasa menyediakan aktiviti untuk mereka. Selain itu, strategi ini juga dapat meningkatkan penglibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran, meningkatkan kemahiran berfikir, menambahkan keyakinan diri, menggalakkan murid menghasilkan idea dan memberi pendapat, menggalakkan murid membina ilmu dan mewujudkan suasana kerjasama dalam kalangan murid (Shahabuddin,2007). Strategi pengajaran berpusatkan murid mempunyai ciri-ciri yang tertentu. Antaranya adalah seperti yang dinyatakan oleh Noriati (2009) iaitu murid lebih minat dalam pelajaran, melibatkan komunikasi dua hala, kepimpinan bercorak demokratik, membina kreativiti murid dan pembelajaran bercorak pengarahan kendiri. Menurut Amaljaya (2009), aktiviti yang dijalankan mengikut strategi pemusatan murid menjadikan murid lebih member fokus dalam proses pembelajaran. Strategi ini adalah lebih sesuai apabila maklumat tidak dapat disampaikan dengan berkesan melalui strategi pemusatan guru dan apabila matlamat pengajaran merangkumi kemahiran kreatif dan kritikal (Noriati,2009).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mengikut Gauthier (2001) dalam Noriati (2009), perbincangan merupakan satu proses aktif yang melibatkan guru dan murid dalam persekitaran pembelajaran. Bond (2001) menegaskan bahawa dalam perbincangan ini, murid akan menjadi lebih aktif (Noriati,2009). Bagi menggalakkan penyertaan aktif murid dalam aktiviti pembelajaran, aktiviti berkumpulan perlu diadakan supaya murid dapat berinteraksi sesama mereka sewaktu perbincangan-perbincangan yang dijalankan (Shahabuddin et.al. , 2007). Abd. Ghafar (2003) menjelaskan bahawa dalam kaedah ini, guru hendaklah memastikan murid sentiasa berminat untuk mengikuti pembelajaran. Guru-guru perlu menggalakkan para muridberfikir untuk lebih menghasilkan daya pemikiran yang lebih kreatif, inovatif dan menghasilkan idea yang bernas.

Kaedah pengajaran perbincangan kumpulan ini termasuk dalam model pembelajaran koperatif. Noriati (2009) menjelaskan bahawa pembelajaran secara koperatif yang dipelopori oleh Slavin (2005) adalah merupakan pembelajaran aktif yang berupaya mengubah suatu situasi pembelajaran yang pasif kepada suatu yang dinamis serta berpusatkan murid. Noriati (2009) menjelaskan bahawa terdapat empat prinsip pembelajaran koperatif iaitu kebergantungan positif, interaksi bersemuka, penglibatan seimbang dan akautabiliti individu. Arends(2001) dalam Noriati(2009) menjelaskan bahawa kaedah perbincangan digunakan oleh guru untuk mencapai tiga objektif pengajaran iaitu meningkatkan pemikiran dan membantu murid membina kefahaman kandungan; merangsang penglibatan; serta membantu murid menguasai kemahiran komunikasi dan proses pemikiran.

Terdapat 5 teknik utama dalam pembelajaran koperatif. Pertama, Penyiasatan Berkelompok (Group Investigation). Dalam teknik ini, setiap ahli kumpulan akan melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti sekolah untuk mendapatkan maklumat. Ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memerlukan murid mengenalpasti suatu topik yang disiasat, merancang serta menjalankan penyiasatan. Semua maklumat yang telah diperolehi akan dianalisis dengan cara terperinci untuk dipersembahkan dalam bentuk yang kreatif dan menarik.

Kedua, teknik Student Team Achievement Division (STAD). Dalam teknik ini, murid-murid perlu berada dalam kumpulan kecil dan menggunakan lembaran kerja untuk menguasai suatu cabang pengetahuan. Mereka saling membantu antara satu sama lain melalui tutorial, kuiz atau perbincangan kumpulan.

Ketiga, teknik Jigsaw. Setiap kumpulan akan menghantar ahli untuk membentuk kumpulan pakar. Ahli-ahli dalam kumpulan pakar akan membincangkan sebahagian bahan akademik (yang telah disediakan oleh guru). Selepas itu, semua ahli kumpulan pakar tadi akan kembali ke kumpulan asal masing-masing untuk berkongsi pengetahuan mereka dengan rakan sekumpulan. Motif utama dalam Jigsaw ialah setiap murid dalam satu kumpulan akan menjadi pakar dalam topik tertentu dan bertanggungjawab memberi tunjuk ajar kepada rakan sekumpulan tentang apa yang telah mereka pelajari.

Teknik keempat ialah Team-Accelerated Instruction (TAI). Ia merupakan pendekatan secara menyeluruh di mana muridmempunyai kebebasan bertindak dan guru boleh membentuk kelas heterogeni. Muridyang mempunyai latar belakang yang berbeza ditentukan kepada kumpulan yang heterogenus. Ini bertujuan untuk memberi peluang kepada murid yang rendah pencapaian supaya dapat meningkatkan tahap pencapaiannya seiring dengan murid lain yang mempunyai pencapaian tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Teknik kelima ialah Team Games Tournament (TGT). Dalam teknik ini, guru perlu memberitahu pelajaran yang berkaitan sama ada dalam bentuk syarahan, demonstrasi atau pertunjukan visual. Muridberbincang mengenai bahan yang disampaikan oleh guru. Kemudian muridakan bekerja mengikut lembaran kerja yang disampaikan oleh guru untuk menguasai konsep. Muridakan bermain suatu permainan berbentuk pertandingan di dalam bilik darjah.

Dalam kaedah perbincangan, terdapat dua teknik yang boleh digunakan iaitu teknik Putaran Giliran (Round Robin) dan teknik Meja Bulat (Round Table). Dalam teknik Putaran Giliran, setiap ahli dalam kumpulan akan mengutarakan pendapat masing-masing secara lisan mengikut putaran giliran mereka Matlamatnya adalah untuk memberikan setiap ahli peluang mengemukakan idea masing-masing sambil menerima dan menolak idea yang lain secara diplomasi. Melalui teknik ini berlakulah proses bertukar-tukar idea dan pandangan agar idea yang diperuntukan itu akan menjadi lebih jelas dan bermakna. Manakala teknik Meja Bulat pula, ahli kumpulan dapat berkongsi maklumat secara bergilir-gilir dalam mencurahkan idea yang dibincangkan. Setiap ahli memerlukan tambahan idea untuk melengkapkan tugasan. Aktiviti berkongsi maklumat ini dapat dilaksanakan oleh ahli dalam kumpulan agar perkara yang dibincangkan itu menghasilkan satu idea yang sangat bermakna. Melalui penurunan idea tersebut, setiap ahli digalakkan untuk membaca dan menyemak hasil tugasan mereka agar tugasan mereka mantap dan bermakna.

Kenyataan yang kesepuluh pula guru memberi dorongan kepada murid melakukan aktiviti sehingga mencapai matlamat mereka. Sebanyak 70% responden memilih selalu melakukan dan baki 30% sahaja yang akan sentiasa melakukan aktiviti ini. Sebagai seorang guru, haruslah melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan Oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

itu, perancangan guru seharusnya lebih kreatif dari segi mengadakan pelbagai kemudahan dan sumber rujukan supaya aktiviti P&P menjadi lebih bermakna dalam mendorong proses P&P menjadi lebih sempurna. Untuk proses membentuk kumpulan, guru perlu mempelbagaikan cara untuk membahagikan kumpulan supaya murid-murid dapat merasai pengalaman bersama murid-murid yang lain. Selain itu, guru perlu mengambil kira aspek kesesuaian tempat sekiranya ingin menjalankan kaedah simulasi agar murid-murid berasa selesa semasa mempersembahkan simulasi mereka. Bagi memastikan disiplin murid sentiasa terkawal, guru hendaklah memberitahu murid supaya berbincang dalam keadaan yang tidak mengganggu murid-murid yang lain sebelum mengarahkan murid melakukan sesuatu aktiviti. Sekiranya murid masih dalam keadaan bising, guru perlu bertindak cepat untuk member amaran kepada murid yang membuat bising.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan yang ke sebelas guru memberi peluang kepada murid menonjolkan diri dalam aktiviti yang dijalankan. Sebanyak 60% responden memilih selalu mereka melakukan dan 40% lagi mengatakan mereka akan sentiasa memastikan aktiviti ini berlaku semasa pengajaran dan pembelajaran. Mendidik adalah menterjemahkan maklumat daripada pelbagai sumber untuk disampaikan kepada murid agar mereka mampu meneruskan kesinambungan hidup di era globalisasi ini dengan berpegang kepada nilai-nilai murni berdasarkan fahaman masing-masing.

Peranan guru dalam era globalisasi ini dengan pertembungan nilai pelbagai budaya masyarakat dan agama merupakan satu cabaran besar kepada seorang guru. Guru bertindak sebagai model bagi anak murid selain ibu bapa. Guru diberi kepercayaan untuk mengajar anak-anak. Oleh itu pentingnya setiap guru menonjolkan suri teladan yang baik bagi mencorakkan anak didik menjadi menusia yang penuh kebaikan. Alvin

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tofler menyatakan “Abad baru ini akan menampilkan kepada manusia dan ketamadunan manusia satu suasana yang bersifat “…terra incognita”…yang mana soal hitam dan putih dan salah betul menjadi relatif dengan pemisah antara keduanya ibarat seutas benang yang sangat halus.

Menurut Khalil Giran, “Manusia abad silam berjalan dalam kelam dan mata yang terbuka, tetapi manusia abad baru ini berjalan dalam terang dengan mata terpejam.” Guru berasa serba salah apabila nilai yang terpaksa diajar adalah berbeza dengan nilai yang menjadi pegangan mereka. Apatah lagi jika nilai diri guru bertentangan dengan nilai diri yang menjadi takulan dalam minda murid. Ibu bapa menjadikan kejayaan anak-anak dalam peperiksaan sebagai kayu ukur kejayaan anak dan kejayaan guru memberi maklumat bukan menjadikan anak mereka seorang yang “baik”. Peranan guru dalam menerapkan nilai murni kepada murid menjadi semakin menipis kerana ia tidak lagi menjadi ukuran nilai yang dikehendaki oleh masyarakat. Akhirnya guru menjadi seperti juruhebah yang hanya menyampaikan maklumat dan merungkai ketidakfahaman murid yang diterima daripada guru. Murid tidak perlu lagi mencari maklumat yang diterima daripada guru.

Kanak-kanak belajar daripada orang dewasa, sebab itulah seawal usia kanak-kanak lagi mereka harus diterapkan dengan nilai murni. Ini kerana kanak-kanak mempunyai minda bawah sedar yang terbuka luas. Apa sahaja yang ada di depan mata akan diterima tanpa ada sebarang prejudis. Desakan untuk survival bagi manusia zaman moden ini menjadikan mereka pesaing dan pencari ilmu sebagai prasyarat untuk mendapat kedudukan yang tinggi dalam sesebuah organisasi. Ilmu tidak lagi dicari untuk menjadi manusia yang lebih baik tetapi ilmu yang dengan pelbagai penarafan itu dijadikan lesen untuk mencapai puncak hierarki keperluan tertinggi dalam piramid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maslow. Kejayaan bagi seorang murid tidak boleh diukur hanya melalui kejayaan dalam peperiksaan semata-mata, sebaliknya muriditu lebih berjaya jika berjaya membentuk keperibadian mulia. Guru yang mengabaikan pendidikan akhlak, dengan menitikberatkan kepada kecemerlangan akademik semata-mata tidak akan mencapai keseimbangan kerana kejayaan dalam pelajaran mesti seiring dengan keperibadian yang baik.

Kenyataan yang kedua belas ialah guru memberi dorongan kepada murid menggunakan strategi dan bahan bantu yang disediakan secara langsung. Di sini dapat dilihat 20% responden kadang-kadang sahaja melakukan. Manakala 60% pula selalu melakukan dan baki 20% pula akan sentiasa memastikan dorongan diberikan kepada murid. (Noor Azlan, Nurdalina, 2010). Norma (2004) juga menyatakan bahawa penggunaan bahan bantu yang sesuai akan mendorong minat muriduntuk melalui proses pembelajaran yang menyeronokkan. Pembelajaran yang menyeronokkan ini dapat membantu para muridmencapai objektif pembelajaran seperti yang telah dirancang. Bukan itu sahaja, pelbagai bahan bantu mengajar digunakan sebagai satu cara untuk menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan. Penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran amat penting. Ini kerana ia dapat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan mudah, cepat serta menarik. Cara penggunaan bahan bantu mengajar hendaklah diuruskan dengan betul dan cekap supaya muriddapat memahami dan mengekalkan konsep atau fakta matematik dalam ingatan mereka (Norma,2004). Seterusnya, BBM juga memberi kebaikan kepada muriddari segi pengalaman pancaindera. Menurut Norma (2004) penggunaan bahan bantu mengajar sebenarnya memberi peluang kepada muriduntuk memperoleh pengetahuan melalui penggunaan pelbagai deria seperti deria penglihatan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

deria sentuh, dan deria pendengaran. Keenam, Saridah (2006) pula menyatakan bahan bantu mengajar sesuatu mata pelajaran seperti perisian multimedia dapat menyokong pembelajaran kendiri. Perisian perisian memberi peluang kepada murid untuk memilih maklumat yang disukai mengikut kebolehan masing-masing kerana muriddapat memilih masa, kandungan serta hala tuju pembelajaran dengan kadar yang cepat. Pembelajaran dapat dilakukan berulang kali, terutamanya untuk topik yang agak sukar.

Kenyataan yang ketiga belas iaitu guru meminta murid mengaplikasikan aktiviti yang telah dipelajari kepada situasi yang baru (improvisasi). Sebanyak 50% memilih dngan mengatakan kadang-kadang melaksanakannya. Dalam pengajaran aspek seni bahasa, teknik improvisasi mempunyai beberapa peranan penting. Berdasarkan pernyataan tersebut, teknik improvisasi seharusnya diaplikasikan oleh guru kerana mampu meningkatkan keyakinan diri murid dalam menyampaikan idea% lagi memilih selalu dan 10% sememangnya memastikan aktiviti improvisasi ini berlaku. Daya imaginasi murid dapat ditingkatkan kerana teknik ini dapat mencerna atau mencapah daya pemikiran murid ke tahap yang optimum. Improvisasi ini juga dapat menggalakkan kemahiran berfikir murid dengan lebih kreatif dan kritis. meningkatkan daya kreativiti mereka dan merangsang otak mereka untuk lebih berfikir.

Guru dapat menggalakkan murid untuk berkomunikasi dengan berkesan di samping dapat membantu murid meningkatkan penguasaan perbendaharaan kata dalam kalangan murid. Teknik improvisasi terbukti dapat merangsang kemahiran berbahasa murid kerana teknik ini menuntut murid berdialog secara spontan. Dengan ini, murid perlu menguasai kemahiran berbahasa terlebih dahulu sebelum berupaya menuturkan dialog mereka. Murid berupaya menggunakan bahasa secara pragmatik iaitu bahasa yang bermakna mengikut konteks. Murid juga boleh menggunakan bahasa secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

spontan dengan lebih bermakna bersesuaian dengan situasi. Aktiviti seperti ini, walaupun berjalan seperti dalam keadaan yang tidak formal , pasti dapat membantu menambahkan kemahiran berbahasa murid. Aktiviti improvisasi terbukti dapat mewujudkan sesi pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan dan bersahaja kerana melibatkan watak-watak dalam kalangan murid. Murid berupaya mengasah bakat terpendam mereka dengan berkolaborasi sesama ahli kumpulan dalam suasana yang ceria dan terkawal. Berlakon merupakan satu aktiviti yang amat digemari oleh muridkerana ia dijalankan dalam bentuk bermain dan bersuka ria. Mereka diberi peranan untuk berkata-kata secara bebas, melahirkan pandangan dan pendapat , bergaya dan beraksi sesama sendiri, berhibur dengan telatah dan gaya rakan-rakan sebaya, melibatkan diri , bekerja bersama-sama dan sebagainya.

Kenyataan yang keempat belas ialah mengadakan perbincangan dengan murid selepas selesai aktiviti yang dijalankan. Di sini 20% responden kadang-kala melakukannya. Selebihnya 60% selalu dan baki 20% sentiasa akan melakukan perbincangan ini semasa pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Langkah terakhir dalam komponen persediaan mengajar adalah penutup. Ia merangkumi pemilihan jenis penutup yang bersesuaian, aktiviti susulan, penilaian objektif pelajaran, aktiviti membuat rumusan, serta perubahan mengikut kesesuaian dari segi pendekatan, kaedah, strategi, bahan dan alat bantu mengajar dan lain-lain dalam sesi pengajaran yang seterusnya. Aktiviti susulan merupakan pemberian kerja rumah, latihan dan lain-lain sebelum sesi pembelajaran ditamatkan. Manakala, dalam persediaan penilaian, pelbagai cara seperti kaedah pemerhatian, soal jawab, perbincangan, kerja bertulis dan kerja rumah dapat digunakan. Oleh itu, guru harus merancang kaedah yang akan digunakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bagi menilai tahap kebolehan dan keupayaan muriddalam penguasaan subjek serta keberkesanan kaedah dan aktiviti yang dilaksanakan oleh guru.

Terdapat dua jenis penilaian iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif digunakan untuk mengukur hasil pembelajaran selepas satu unit pembelajaran atau pada akhir sesuatu bab dalam buku teks. Manakala, penilaian sumatif merupakan peniliaian yang dijalankan pada akhir sesuatu kursus. Penilaian sesuatu topik pengajaran juga boleh dibuat di langkah penutup iaitu bahagian terakhir dalam sesuatu proses pengajaran pembelajaran. Penentuan jenis penilaian yang sesuai dengan tujuan dan langkah pengajaran adalah berdasarkan Taksonomi Bloom, Krathowl dan Simpson. Tujuan penilaian adalah untuk mengesan penguasaan, kemajuan dan tahap pencapaian pelajar-pelajar. Aktiviti membuat rumusan pula boleh dibuat oleh muriddan seterusnya guru memberi pandangan bagi menyimpulkan keseluruhan proses pengajaran yang telah dilaksanakannya pada hari tersebut dengan meyampaikan penerangan secara ringkas.

Kenyatan yang terakhir sekali bagi bahagian ini ialah adakah guru menghargai bakat dan kebolehan yang ditunjukkan oleh murid daripada aktiviti yang dijalankan. 20% responden mengakui kadang-kala sahaja mereka menunjukkan aspek menghargai. Manakala 50% selalu dan 30% pula sentiasa memastikan mereka menghargai setiap aspek bakat yang ada dan ditunjukkan oleh murid. Sebagai guru, mereka akan diuji dengan pelbagai jenis ragam murid. Terdapat dalam kalangan mereka yang tidak mampu untuk mencapai akademik yang baik dan membanggakan namun mempunyai kebolehan dan bakat dalam bidang-bidang yang tertentu. Oleh itu, sebagai guru mereka perlu berfikiran jauh dan tidak hanya mengukur kejayaan dari segi akademik sahaja. Sememangnya ada murid yang mampu mencapai kejayaan menerusi akademik dan juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bidang-bidang lain itu merupakan rezeki buat para guru memperoleh murid seperti itu. Tetapi sekiranya mendapat yang sebaliknya itu adalah ujian buat guru-guru bagaiamana untuk menghadapai situasi ini dan akan memberikan pelbagai pengalaman buat insan yang bergelar guru.

Berdasarkan kepada skor min yang dipaparkan dalam jadual iaitu 3.50 hingga 4.60. Hal ini menunjukkan juga bahawa guru-guru sememangnya mengamalkan perkara yang dinyatakan dalam kesemua kenyataan yang dikemukakan di tahap baik dan memberansangkan. Nilai skor min terendah iaitu 3.50 adalah pada kenyataan yang kedua ‘guru memberi penerangan kepada murid cara-cara melakukan aktiviti secara metakognitif. Guru mempunyai pelbagai cara dan kaedah dalam memberi penerangan kepada murid dan tidak semestinya bergantung kepasa cara metakognitif semata-mata. Untuk hal ini, guru lebih melihat cara lain yang lebih sesuai bagi setiap pengajaran. Oleh kerana itu, skor min ini berada di tahap yang sederhana. Untuk nilai skor min yang tertinggi pula adalah 4.60 iaiti pada kenyataan ketujuh ‘memastikan semua murid boleh bekerjasama dalam aktiviti yang dijalankan’. Kenyataan ini memperolehi nilai skor min tertinggi kerana guru-guru sememangnya mengamalkan aspek ini dalam setiap sesi pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6 Aspek Kesediaan Guru Melaksanakan Model Pengajaran dalam Pengajaran Cerpen/ Novel

Descriptive Statistics

Bil		Ya	Tidak	N	Mean	Std. Deviation
1	Saya memulakan pengajaran cerpen atau novel dengan set induksi oleh elemen mediatif	7 (70%)	3 (30%)	10	.70	.483
2	Saya menyatakan dengan jelas kepada murid secara metakognitif tujuan dan matlamat pengajaran berasaskan model pengajaran	8 (80%)	2 (20%)	10	.80	.422
3	Saya merancang aktiviti yang berteraskan model sosialisasi dalam pengajaran	8 (80%)	2 (20%)	10	.80	.422
4	Saya berupaya mengaitkan bahan bantu mengajar dalam pengajaran berasaskan model pengajaran	9 (90%)	1 (10%)	10	.90	.316
5	Saya berupaya menjadikan pengajaran lebih teratur dan sistematik dengan adanya model pengajaran	10 (100%)	-	10	1.00	.000
6	Saya yakin melalui pelaksanaan model pengajaran akan dapat menggalakan proses sosialisasi dan kolaboratif dalam kalangan murid sekolah	10 (100%)	-	10	1.00	.000
7	Melalui model pengajaran murid akan dilatih untuk berfikiran kritis dan mewujudkan improvisasi	10 (100%)	-	10	1.00	.000
8	Melalui pelaksanaan model pengajaran proses pemindahan pengalaman sedia ada dan pembelajaran baru adalah lebih baik	10 (100%)	-	10	1.00	.000
9	Pembelajaran cerpen/novel lebih mudah diterjemahkan melalui model pengajaran secara bersistematik	10 (100%)	-	10	1.00	.000
10	Penggunaan model pengajaran dalam cerpen/novel mampu mengelakkan kekeliruan watak yang sering dialami murid	9 (90%)	1 (10%)	10	.90	.316
11	Melalui sesuatu strategi dapat membantu murid mengingati	10 (100%)	-	10	1.00	.000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	jalan cerita dalam cerpen/novel					
12	Satu model pengajaran yang mempunyai sabungan elemen yang sesuai mampu membantu pengajaran cerpen/novel	10 (100%)	-	10	1.00	.000
13	Elemen sosialisasi sangat penting dalam sesuatu model pengajaran untuk mewujudkan kerjasama baik dalam kalangan murid	10 (100%)	-	10	1.00	.000
14	Saya yakin mengaplikasikan model pengajaran untuk pengajaran cerpen/novel agar dapat memberikan satu improvisasi baru dalam matapelajaran kesusateraan melayu/bahasa melayu (KOMSAS)	10 (100%)	-	10	1.00	.000
15	Melalui penggunaan model pengajaran cerpen/novel lebih menarik dan mudah difahami	10 (100%)	-	10	1.00	.000
	Valid N (listwise)			10		

Jadual 4.5 aspek kesediaan guru melaksanakan model pengajaran dalam pengajaran cerpen/ novel menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden yang memberi maklum balas terhadap kenyataan aspek kesediaan guru Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu (KOMSAS) dalam melaksanakan model pengajaran dalam pengajaran cerpen dan novel.

Untuk kenyataan yang pertama ‘saya memulakan pengajaran cerpen atau novel dengan set induksi oleh elemen mediatif’. Di sini 70% memilih mengatakan ya dan bakinya sebanyak 30% mengatakan tidak. Set induksi ialah set bagi memulakan sesuatu pelajaran yang melibatkan sebarang idea, pendekatan, teknik, proses, aktiviti dan sumber bagi menarik perhatian muridsupaya bersedia menghadapi pelajaran. Dalam hal ini, guru perlu merancang set induksi supaya ia ada perkaitannya dengan perkara atau pelajaran yang akan dipelajari selepas itu. Dalam melaksanakan set induksi, guru perlu memenuhi 4 komponen penting antaranya ialah menarik perhatian murid supaya guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggunakan intonasi suara yang menarik, gaya pergerakan seperti isyarat tangan dan kepala. Supaya menjadi lebih menarik lagi, guru boleh menggunakan alat audio visual. Selain itu guru perlu memotivasikan muridseperti menggunakan teknik bersoal jawab, mengandungi unsur-unsur suspen dan menggunakan bahan yang menarik. Guru juga perlu mahir membuat perkaitan antara isi pelajaran yang akan disampaikan dengan pengetahuan sedia ada muridtermasuk isi pelajaran yang lepas. Akhir sekali guru juga perlu menggunakan set induksi untu membayangkan kepada muridberkenaan perkara dan peringkat-peringkat pengajaran dan pembelajaran bagi pelajaran yang berkesan. Terdapat sekurang-kurangnya 5 prinsip dalam melaksanakan set induksi iaitu

1. Menarik perhatian minat belajar dan menimbulkan perasaan ingin tahu dia kalangan pelajar.
2. Sesuai dengan umur, kebolehan dan pengalaman pelajar.
3. Berkaitan dengan pengetahuan sedia ada pelajar.

4 .Berkait rapat dengan objektif pelajaran dan pembelajaran. 5 .Jangka masa yang terhad.

Terdapat beberapa kepentingan set induksi dilaksanakan oleh guru ke atas murid dalam sesi pengajaran dan pembelajaran bilik darjah. Kepentingan set induksi antaranya bertujuan untuk mengaitkan pelajaran dan pengajaran menjadi lebih menarik serta rasa timbul minat murid untuk mengetahun pelajaran yang akan disampaikan selepas itu. Set Induksi juga digunakan bertujuan mengaitkan pelajaran yang lepas atau dengan pengetahuan sedia ada. Guru perlu merancang permulaan pengajaran yang baik dengan yang dapat menarik perhatian daripada muridkepada pengajaran yang hendak disampaikan dan menggalakkan pembelajaran. Jangka masa yang baik set induksi adalah antara 3 hingga 5 minit. Selain kepentingan set induksi untuk menarik perhatian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

muridkepada pelajaran yang baru , ia juga mampu menarik minat dan merangsang perasaan ingin tahu dikalangan pelajar. Ini bermakna sesuatu pelajaran yang ingin disampaikan oleh guru, khususnya pelajaran yang baru perlu menjalankan proses tersebut bagi menimbulkan sikap ingin tahu dikalangan muridtehadap pelajaran yang akan disampaikan. Ransangan ini difikirkan perlu bagi memberikan keseronokkan serta menarik tumpuan kepada pelajaran yang akan disampaikan juga memberi ruang kesediaan bagi muridmeneruskan pelajaran.

Set induksi turut berperanan mengubah dan membina aliran serta tumpuan fikiran muriddaripada pelajaran yang sebelumya kepada baru. Ini bermakna muridbersedia untuk menerima perubahan isi atau kandungan pelajaran daripada yang sebelumnya kepada pelajaran yang baru. Sekiranya set induksi tidak dilakukan, kemungkinan tumpuan fikiran muridsedikit sebanyak akan terganggu berbanding jika dilaksanakan aktiviti ini. Justeru, set induksi dilakukan bertujuan supaya murid sentiasa berada dalam keadaan bersedia dan pelajaran yang akanditerima mempunyai perkaitan dan ada hubung kaitnya dengan tumpuan yang perlu diberikan oleh muriditu sendiri.

Kenyataan yang kedua ‘saya menyatakan dengan jelas kepada murid secara metakognitif tujuan dan matlamat pengajaran berasaskan model pengajaran’. Di sini 80% responden mengatakan ya manakala selebihnya 20% mengatakan tidak. Oleh itu boleh dilihat di sini bahawa kebanyakan guru sebenarnya sangat menitikberatkan pen. Guru-guru harus menyedari bahawa setiap individu murid mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza. Demikian juga dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Setiap guru Bahasa Melayu perlu merancang pengajarannya selari dengan tahap kognitif murid mereka. Guru Bahasa Melayu seharusnya dapat membantu muridmerancang aktiviti pembelajaran mereka sesuai dengan tahap kognitif mereka. Manakala bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

muridpula, mereka seharusnya perlu memiliki kemahiran meta kognitif yang mantap. Kemahiran memantau, menilai dan membuat regulasi kendiri boleh dipelajari sendiri ataupun melalui tunjuk ajar guru. Dengan menguasai, mengaplikasikan dan menggunakan kemahiran metakognitif dalam pembelajaran Bahasa Melayu, pencapaian murid turut meningkat. Minat dan motivasi mereka juga akan bertambah jika kemahiran meta kognitif ini dapat membantu mereka menguasai Bahasa Melayu dengan baik.

Kenyataan yang ketiga pula iaitu ‘saya merancang aktiviti yang berteraskan model sosialisasi dalam pengajaran’. Sebanyak 80% sememangnya melaksnakan aspek sosialisasi terutama bagi aktiviti yang dibuat secara berkumpulan. Sosialiasasi ini penting agar murid mudah untuk memberikan kerjasama antara satu sama lain. Selebihnya sebanyak 20% memberitahu mereka langsung tidak menggunakan model sosialisasi dalam pengajaran. Albert Bandura memperkenalkan teori pembelajaran sosial iaitu pembelajaran berlaku melalui proses peniruan. Bandura (1977) berpendapat, kita belajar melalui pemerhatian dan meniru orang lain serta dengan melihat konsekuen tingkah laku orang lain. Bandura berpendapat bahawa; Pembelajaran dan tingkah laku manusia bergantung kepada pemerhatian seseorang individu itu terhadap individu lain atau model-model simbolik seperti televisyen dan sebagainya. Pembelajaran pemerhatian dapat juga diterangkan melalui prinsip pelaziman klasik. Oleh yang demikian, teori pembelajaran sosial Bandura, menekankan peranan kognitif dan juga pengaruh persekitaran dalam perkembangan.

Kenyataan yang keempat pula iaitu ‘saya berupaya mengaitkan bahan bantu mengajar dalam pengajaran berasaskan model pengajaran’. 90% memilih ya mereka pastinya akan mengaitkan bahan bantu mengajar yang sesuai dengan model pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dipilih. Hal ini lerana ia lebih mudah untuk guru mengaplikasikan model pengajaran tersebut dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selebihnya hanya sebanyak 10% yang tidak kisah sama ada bahan bantu mengajar mempunyai kaitan atau tidak dengan model pengajaran yang dirujuk untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Bahan bantu mengajar merupakan segala kelengkapan yang digunakan oleh guru dan murid untuk membantunya dalam menyampaikan pengajaran di dalam bilik darjah. Maka tidak hairanlah jika bahan bantu mengajar ini penting dalam sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Antara kepentingan bahan bantu mengajar adalah seperti yang berikut:

1. Penggunaan alat bantu mengajar (ABM) dapat mengawal serta mengatasi masalah kekurangan tenaga pengajar kekurangan masa.
2. Dapat mempertingkatkan minat murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran
3. Dapat mempertingkatkan keghairahan untuk belajar.
4. Dapat memahami secara lebih mendalam dan realistik tentang tajuk yang diajar.
5. Dapat mengekalkan ingatan yang lebih lama terhadap isi-isi pengajaran.
6. Dapat berasakan keseronokan belajar dan mengelakkan rasa jemu terhadap pengajaran guru.
7. Alat bantu mengajar (ABM) menyediakan satu dasar kukuh untuk perkembangan kefahaman dan corak pemikiran, oleh itu ia mengurangkan berbagai-bagai gerak balas lisan daripada murid
8. Alat bantu mengajar (ABM) membekalkan satu dasar untuk perkembangan pembelajaran murid dan menjadikan pembelajaran mereka lebih kekal.
9. Alat bantu mengajar (ABM) menolong menjadikan pembelajaran murid-murid lebih mendalam tentang kefahaman isi pengajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

10. Alat bantu mengajar (ABM) menawarkan pengalaman yang sebenar dan menjadikan pengajaran lebih menarik
11. Pembelajaran yang diperoleh akan lebih bermakna.
12. Bahan itu dapat melahirkan dorongan daya kreativiti, baik kepada guru mahupun pelajar.
13. Melahirkan satu interaksi dan kerjasama antara muriddengan guru dan muriddengan pelajar.
14. Dapat menjimatkan masa dan muridakan belajar lebih banyak dalam masa yang singkat.

Kenyataan yang kelima iaitu ‘saya berupaya menjadikan pengajaran lebih teratur dan sistematik dengan adanya model pengajaran’. Kenyataan ini mendapat 100% responden yang mengatakan ya. Terdapat beberapa ciri-ciri pengajaran, di antaranya adalah guru sebagai pengajar dan murid pula merupakan pelajar. Pengajaran bermakna jika pembelajaran berlaku. Pengajaran akan melibatkan latihan atau tugasan, pemikiran dan penggunaan simbol serta melibatkan pelbagai aktiviti antara guru dan pelajar. Ciri-ciri pengajaran meliputi rancangan mengajar, objektif pelajaran, tempat belajar, BBM, kaedah dan teknik mengajar serta proses yang melibatkan interaksi dua hala antara murid dan guru. Strategi pengajaran mengandungi unsur sains dan unsur seni.

Dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran, guru haruslah memainkan peranan yang penting agar objektif pengajaran yang telah ditetapkan dapat dicapai pada akhir sesi pengajaran. Menurut Brown, G. & Atkins, M (1988) pengajaran berkesan menuntut kepada tenaga pengajar untuk mengetahui dan mendalami sesuatu mata pelajaran yang diajar. Antara ciri-ciri guru berkesan adalah guru yang mempunyai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepakaran dan kecekapan dalam subjek yang diajar, boleh mempelbagaikan kaedah mengajar, boleh memberi penerangan yang jelas tentang perkara yang hendak disampaikan dan enthusiasm. Guru juga perlulah memastikan bahawa proses pengajaran tersebut berlaku dengan melibatkan interaksi dua atau pelbagai hala dengan pelajar. Oleh itu, penglibatan murid dalam pengajaran perlu ditiitkberatkan. Menurut Slavin (1984), beliau telah memperkenalkan beberapa elemen dalam model pengajaran berkesan berdasarkan perkara seperti berikut:

a) Kualiti Pengajaran

Pengajaran yang berkualiti terjadi apabila maklumat yang disampaikan boleh diterima, menarik minat, dan mudah untuk diingati serta dilakukan oleh pelajar.

b) Tahap Kesesuaian Pengajaran

Tahap keupayaan muriddalam penerimaan pembelajaran perlu dipertimbangkan. Kebolehan muridadalah berbeza-beza dengan mengambil kira latar belakang pendidikan, tahap kecerdasan dan lain-lain. Guru harus bijak menggunakan kaedah dan strategi mengikut tahap penerimaan muriditu sendiri.

c) Insentif

Galakan dan insentif daripada guru adalah penting bagi menarik minat serta menggalakkkan muridagar terlibat dalam proses pengajaran dan pembelajaran secara langsung atau tidak langsung. Pemberian pujian serta hadiah harus dipertimbangkan oleh guru bagi mewujudkan suasana yang bermotivasi. Guru perlu menunjukkan bagaimana muridboleh mencapai kemajuan. Galakan yang berterusan adalah lebih baik kerana proses pengajaran adalah secara berterusan serta puji-pujian perlu diberikan pada tempat yang sepatutnya supaya muriddapat mengenal pasti dan mengetahui

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kejayaan mereka. Dengan penghargaan yang diberikan, ia dapat membantu menggalakkan penglibatan para muriddi dalam kelas dan meningkatkan motivasi mereka untuk belajar.

d) Masa

Penggunaan masa yang betul dapat memastikan sukatan pelajaran dapat dihabiskan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Perancangan pengajaran yang bertepatan dengan objektif pengajaran dapat memastikan hasil yang berkualiti.

Seterusnya, kenyataan iaitu ‘saya yakin melalui pelaksanaan model pengajaran akan dapat menggalakkan proses sosialisasi dan kolaboratif dalam kalangan murid sekolah’ adalah kenyatan yang keenam. Kesemua responden iaitu sebanyak 100% memilih dengan mengatakan ya. Pengajaran merupakan aktiviti intelek. Ia melibatkan pemikiran, perasaan, dan penilaian. Pengajaran juga merupakan satu sistem aktiviti yang ditujukan kepada pelajar-murid dengan harapan akan membawa perubahan tingkah laku di kalangan mereka. Terdapat dua jenis pengajaran iaitu pengajaran terkini dan tradisional. Proses pengajaran sekarang adalah berpusatkan kepada murid bersesuaian dengan era globalisasi yang menuntut perubahan dalam setiap aspek termasuklah dalam bidang pendidikan. Teknologi yang digunakan haruslah selari dengan perubahan semasa. Oleh itu, dalam perancangan pengajaran, pendekatan, kaedah, teknik dan alat serta sumber yang digunakan haruslah bersesuaian dengan tahap kebolehan murid zaman sekarang bagi memastikan objektif dan matlamat pengajaran dapat dicapai dengan cemerlang. Ia bagi melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta dapat memberi sumbangan terhadap keharmonian dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Berbanding dengan pengajaran tradisional, ia lebih berpusatkan guru. Guru banyak memberikan input serta ilmu tanpa memberi ruang kepada muriduntuk berfikir dan melibatkan secara aktif. Komunikasi satu hala yang dilaksanakan oleh guru tidak bersesuaian memandangkan pengetahuan serta pengalaman muridtidak dapat dikembangkan dengan baik kerana murid tidak berpeluang untuk berfikir secara kreatif. Muridmerupakan pembina ilmu yang aktif. Oleh itu, penglibatan murid di dalam satu-satu pengajaran adalah penting bagi membantu penerapan nilai-nilai murni di dalam diri muriditu sendiri dan memastikan proses pengajaran berlangsung secara efektif. Pendapat ini disokong oleh Sharifah Alwiah Alsagoff (1983) yang menyatakan bahawa pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada guru yang dapat membawa murid kepada hasil pembelajaran terakhir yang diinginkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kenyataan yang ketujuh iaitu ‘melalui model pengajaran murid akan dilatih untuk berfikiran kritis dan mewujudkan improvisasi’, 100% mengatakan ya model pengajaran adalah salah satu elemen yang penting yang perlu diterapkan dalam perancangan pengajaran dan pembelajaran untuk murid. Kaedah ini adalah salah satu kaedah yang dikenalpasti boleh membantu meningkatkan kreativiti seseorang muriddalam penghasilan karya secara menyeluruh. Faktor asas kepada sumbangsaran ialah mengasingkan proses penghasilan idea daripada proses menilai. Aktiviti sumbangsaran adalah perlu difokuskan kepada kuantiti idea dan saranan yang disampaikan melalui interaksi sesama pelajar. Guru perlu bijak apabila menggunakan kaedah sumbangsaran ini, agar proses penjanaan idea serta perkembangannya dan juga proses penyelesaian masalah yang dikemukakan oleh muridtidak akan terbantut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kadang-kadang penyelesaian yang diberikan mungkin tidak relevan dan tidak logik. Proses menilai, perbincangan dan kritikan perlu dikemudiankan agar proses sumbangsaran ini dapat berjalan dengan lancar. Kecenderungan untuk menilai samada saranan tersebut sesuai ataupun tidak, ia sedikit sebanyak akan mengganggu keseluruhan proses tersebut.

Selain daripada menggunakan kaedah sumbangsaran, sekolah juga boleh dijadikan sebagai tempat untuk memperkembangkan kebolehan dan kreativiti pelajar. Penggunaan kaedah- kaedah ataupun pendekatan yang tertentu di samping membuat penyelesaian kepada persekitaran ataupun kedua-duanya sekali. Triffinger (1986) di dalam Md. Nasir Ibrahim & Iberahim Hassan(2003) telah mencadangkan satu model pembelajaran secara kreatif. Beliau telah mencadangkan proses bagi mencerna idea-idea baru yang lebih kreatif dipecahkan kepada tiga paras utama. Tiga paras tersebut adalah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(a) Paras 1

Mempelajari alat-alat asas untuk berfikir yang mana guru seharusnya mengakui kepentingan dalam proses mengajar muridmenguasai beberapa alat asas bagi melahirkan dan menganalisa idea-idea seperti perbincangan jenis sumbangsaran.

(b) Paras 2

Mempelajari dan melatih muridmenggunakan model-model penyelesaian masalah. Para muridbelajar dan berlatih menggunakan dan menerapkan kaedah penggunaan peralatan untuk berfikir cara yang kreatif dalam mencari penyelesaian yang lebih kompleks dan sistematik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(c) Paras 3

Menghadapi segala permasalahan dan cabaran yang sebenar iaitu pelajar-murid dicabar bagi menggunakan alat-alat asas serta kaedah menyelesaikan masalah tersebut.

Bukan itu sahaja, ‘melalui pelaksanaan model pengajaran proses pemindahan pengalaman sedia ada dan pembelajaran baru adalah lebih baik’. Kesemua responden mengakui 100% bahawa pengalaman sedia ada sangat membantu dalam mewujudkan pembelajaran baru yang mana lebih berkesan. Ini sangat penting terutama bagi set induksi. Untuk memulakan sesuatu pembelajaran yang baru guru yang berupaya mengaitkan pembelajaran baru itu dengan maklumat atau pengalaman sedia ada murid adalah sangat membantu. Hal ini kerana ia dapat memberikan gambaran kepada murid untuk berimaginasi apakah yang bakal mereka pelajari nanti. Perkara ini juga akan membuatkan kefahaman murid lebih cepat kerana mereka sudah dapat membayangkan apa yang mungkin mereka pelajari nanti. Sebagai contoh guru ingin mengajar cerpen yang berkisarkan kehidupan kampong, guru boleh memulakan set induksi dengan menayangkan video yang menunjukka perkampungan dan menyoal murid adakah mereka pernah sampai di kampong, apakah aktiviti yang sering mereka lakukan di kampung dan apakah pengalaman pahit manis yang mungkin pernah mereka alami. Setelah itu, pengajaran dan pembelajaran seterusnya lebih rancak dan menyeronokkan kerana mereka ingin mengetahui apakah yang berlaku di sebalik cerita cerpen tersebut, adakah ia sama seperti yang mereka fikirkan. Guru perlu membuat tanda Tanya kepada murid di set induksi supaya murid lebih seronok untuk meneka apakan kesudahan yang bakal berlaku.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan kesembilan iaitu ‘pembelajaran cerpen dan novel lebih mudah diterjemahkan melalui model pengajaran secara bersistematik’. Di sini juga semua responden mengatakan ya di mana mereka mengakui bahawa model pengajaran yang disusun secara bersistematik bermula dari ser induksi, langkah pengajaran dan penutup lebih membantu mereka dalam mengendalikan pengajaran dalam kelas. Apa sahaja yang berlaku dalam kehidupan yang bersistemaik lebih membawa kejayaan sebenarnya. Itu juga elemen yang perlu guru-guru letak semasa merancangan pengajaran dan pembelajaran. Jangan sesekali membiarkan murid mengalami kekeliruan yang mana akan membuatkan mereka cepat bosan kerana sudah mulai tidak faham dengan apa yang cuba guru sampaikan kepada mereka. Oleh itu, model pembelajaran Integratif telah disusun berdasarkan model-model sedia ada dengan lebih sistematik khusus bagi pengajaran cerpen dan novel. Guru-guru tidak perlu lagi khuatir dan risau murid sering keliru dengan jalan-jalan penceritaan dalam cerpen dan novel. Setiap bahagian dalam model pengajaran seperti set induksi, perkembangan dan juga penutup sudah disediakan elemen apakah yang sesuai digunakan. Guru-guru dapat mengaplikasikan apa sahaja aktiviti dengan berpandukan model pembelajaran integratif yang telah diubah suai ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi kenyataan yang kesepuluh ‘penggunaan model pengajaran dalam cerpen dan novel mampu mengelakkan kekeliruan watak yang sering dialami murid’. Seramai hampir 90% bersetuju dengan kenyataan ini, selebihnya hanya 10% yang tidak bersetuju dengan kenyataan ini. Hal ini kerana ia lebih teratur disusun satu per satu untuk mengelakkan murid mengalami kekeliruan watak dan juga perwatakan khususnya. Hal ini kerana terdapat banyak cerpen yang perlu dipelajari dan berdasarkan pemerhatian yang dibuat murid lebih cenderung menjawab salah bagi watak dan perwatakan. Adakalanya watak dalam novel dimasukkan ke bahagian cerpen dan itu menyebabkan mereka sudah mengalami kecelaruan cerita secara tidak langsung. Pendekatan yang guru perlu ambil adalah bagaimana memastikan murid terikat dengan cerita tersebut tanpa terpesong isi dan maklumat. Banyak model pembelajaran tetapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adakah itu betul-betul mampu untuk dikhususkan kepada pengajaran cerpen dan novel. Hal ini diwujudkan model pembelajaran integratif bagi membantu guru dan juga murid.

Seterusnya lagi ‘melalui sesuatu strategi dapat membantu murid mengingati jalan cerita dalam cerpen dan novel’. Kesemua responden membuat keputusan dengan mengakui ini adalah salah satu cara membantu murid mengingati sesuatu cerita tersebut. REACT mewakili kepada *relate, experience, apply, cooperate dan transfer.* Untuk menghasilkan sesuatu pembelajaran yang bermakna, guru digalakkan untuk membina pengajaran dalam konteks sosial, fizikal, budaya dan juga psikologi. Penggunaan strategi REACT digalakkan secara berkumpulan kerana perkongsian idea serta kerjasama akan diwujudkan. Pembelajaran juga akan lebih berkesan apabila murid mempelajari sesuatu secara teorinya dahulu, kemudian dipraktikkan ke dalam situasi dan diperkukuhkan merujuk kepada kefahaman mereka terhadap pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen pertama iaitu relate, sebagai langkah untuk memasuki kepada ruang isi pembelajaran mukadimah masih diperlukan. Guru harus bijak relate atau mengaitkan isi pembelajaran secara berperingkat dan sistematik. Perkara asas perlu dibimbing oleh guru ialah membawa murid untuk menghubung kaitkan pengetahuan baru yang akan dipelajari ini dengan pengalaman yang berada dekat dengan diri mereka secara umumnya. Pembelajaran akan bermula dengan menarik apabila murid menyedari ia adalah sesuatu yang turut berkaitan dengan pengalaman diri mereka. Keinginan untuk mengetahui dengan lebih lanjut akan berjaya diransang.

Kemudian elemen kedua iaitu experiencing iaitu mewujudkan pengalaman kepada murid. Penerokaan, penemuan dan mereka cipta antara pengalaman yang boleh dibina untuk murid. Pengalaman mampu untuk menguatkan daya ingatan murid. Hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kerana, murid diletakkan dalam situasi tersebut dan merasainya sendiri. Guru akan mewujudkan situasi berkaitan dengan bahan pembelajaran, dan untuk genre cerpen dan novel agak mudah untuk diaplikasikan kerana ia adalah genre yang berbentuk cerita. Guru akan meletakkan murid kepada situasi tersebut dan pengalaman akan dirasai sendiri murid.

Seterusnya masuk kepada elemen apply iaitu mngaplikasi. Setelah murid berjaya menghasilkan pengalaman baru, di sini murid akan mengaplikasi pengalaman tersebut kepada situasi yang berlainan pula. Jika dilihat konsep asas dalam karya genre cerpen dan novel adalah sama. Guru boleh mengarahkan murid melaksanakan aktiviti yang pengalaman pembelajaran mereka itu boleh digunakan dalam isi pembelajaran yang baharu. Jika berada di luar kelas, murid secara tidak langsung mengaplikasikan apa yang dipelajari di kelas iaitu aplikasikan pengetahuan kepada situasi lain. Sebagai contoh, murid melihat seorang tua melintas jalan, berdasarkan pengetahuan yang dipelajarinya sebagai anak muda seharusnya dia menolong tua itu melintas jalan. Secara automatiknya apa yang dipelajari akan murid tersebut aplikasikannya dengan melakukan apa yang dilakukan dalam kelas.

Untuk menjalankan elemen relate, experiencing dan apply ini, elemen cooperate sangat diperlukan. Model Integratif berfokuskan kepada pembelajaran yang berpusatkan murid. Bekerjasama elemen penting semasa pengajaran berlansung. Apabila murid berada dalam kelompok yang sama, mereka lebih mudah menerima sesuatu pengajaran itu. Perkongsian idea, maklum balas juga komunikasi antara murid dalam kelompok kumpulan akan dapat meningkatkan keyakinan diri. Kerjasama di antara ahli kumpulan akan melancarkan lagi sesi pengajaran dan juga mampu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menjimatkan masa guru. Guru pula akan berperanan sebagai fasilitator dan rujukan murid apabila diperlukan.

Elemen yang terakhir transfering iaitu memindahkan. Apa yang dipindahkan ialah maklumat yang diperolehi iaitu pengetahuan akan digunakan untuk membina pengetahuan yang lain. Pemindahan maklumat akan berlaku apabila murid telah melalui 4 proses di atas. Keupayaan murid akan meningkat dalam membina dan mereka cipta sesuatu yang baru. Pengalaman yang lama akan dapat dikuatkan lagi dengan pengalaman yang baru diperolehi murid.

Kenyataan yang kedua belas ‘satu model pengajaran yang mempunyai sambungan elemen yang sesuai mampu membantu pengajaran cerpen dan novel ini’. Kesemua para responden 100% sangat bersetuju bahawa mereka memerlukan sesuatu model yang mampu merangkumi keseluruhan elemen dalam pengajaran dan pembelajaran. Mengapa soalan ini ditanya adalah untuk melihat respon guru model pembelajaran bagaimana yang mereka perlukan bagi pengajaran cerpen dan novel ini sebenarnya. Ternyata guru-guru setuju bahawa elemen yang ada dalam sesuatu model pembelajaran perlu mempunyai kesinambungan yang baik agar murid-murid tidak sesat semasa pengajaran dan pembelajaran sedang berlangsung.

Kenyataan yang ketiga belas pula ialah ‘elemen sosialisasi sangat penting dalam sesuatu model pengajaran untuk mewujudkan kerjasama baik dalam kalangan murid’. 100% responden bersetuju bahawa elemen sosialisasi diperlukan bagi membantu guru dalam memguruskan sesi pengajaran dan pembelajaran secara berkumpulan dengan lebih baik dan berkesan. Dimesi sosial ini adalah berdasarkan kepada model pembelajaran sosial yang mana membantu murid menajamkan fikiran secara interaksi,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cara bekerjasama dan berfungsi sebagai ahli dalam kumpulan. Menerusi sosialisasi ini akan membolehkan murid berupaya untuk mengembangkan idea, berkongsi pendapat juga bertolak ansur sesama ahli. Pembelajaran secara berkumpulan akan mengukuhkan kemahiran berinteraksi murid yang pastinya membantu dalam perhubungan sesama manusia secara sosialnya. Perdebatan akan berlaku semasa murid bekerjasama dalam menyelesaikan masalah dan itu pastinya baik kerana akan membuatkan murid berfikir seterusnya meneroka apa yang diperkatakan dan diperdebatkan bagi memperolehi keputusan yang terbaik. Kemahiran sosialisasi seharusnya ada dalam diri setiap murid. Kemahiran ini akan dapat membantu mereka dalam jangka masa yang panjang. Dimensi sosialisasi ini mempunyai dua elemen iaitu kolaboratif dan juga inovasi. Sekiranya di bahagian perkembangan murid telah didedahkan dengan menjalani pembelajaran secara berkumpulan begitu juga di bahagian pengukuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kenyataan seterusnya ialah ‘saya yakin mengaplikasikan model pengajaran untuk pengajaran cerpen dan novel agar dapat memberikan satu improvisasi baru dalam matapelajaran Kesusasteraan Melayu dan Bahasa Melayu (KOMSAS)’. Kesemua responden 100% memilih mengatakan ya mereka amat memerlukan sesuatu model pengajaran yang sekaligus membantu mereka menyampaikan pengajaran dengan cara yang diperbaharui. Era globalisasi yang kian pesat ini amat memerlukan guru-guru untuk bervariasi dengan melakukan pelbagai improviasi dapat pengajaran dan pembelajaran mereka. Kini, Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu dianggap antara matapelajaran yang tidak penting terutama bagi golongan murid yang berbangsa Cina dan India. Oleh itu, sebagai guru bagaimana untuk mereka mengubah persepsi murid-murid bahawa Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu itu penting sebenarnya. Ia bukanlah sesuatu yang mudah buat para guru. Oleh itu dengan adanya model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran Integratif ini sedikit sebanyak dapat membantu guru untuk membawa improviasi yang sesuai dari semasa ke semasa dengan jayanya.

Kenyataan akhir sekali ialah ‘melalui penggunaan model pengajaran cerpen dan novel lebih menarik dan mudah difahami’. 100% bersetuju dengan kenyataan ini kerana cerpen dan novel adalah antara elemen yang menarik juga membantu murid untuk meningkatkan akademik mereka. Oleh itu, para responden yang terdiri daripada kalangan guru sangat memahami apa masalah yang sering dihadapi oleh murid di sekolah. Model Integratif telah dibina khusus bagi pengajaran cerpen serta novel. Hasil daripada gabungan dua teori iaitu teori pembelajaran kognitif (mental) dan teori pembelajaran sosial(sosialisasi), terhasilnya model Integratif ini. Kekangan yang dihadapi oleh murid dalam mempelajari genre cerpen dan novel membuatkan pengkaji meneliti apakah kesesuaian yang diperlukan untuk memudahkan guru dalam menterjemahkan sesuatu bahan pengajaran tersebut. Seperti yang diketahui terdapat 4 model pembelajaran yang sedia ada seperti model pemprosesan maklumat, model behavioral, model sosial dan juga model personal.

Prinsip-prinsip asas yang dikemukakan dalam kedua-dua teori ini telah membantu pengkaji meneliti dan mewujudkan model Intergratif. Untuk teori pembelajaran kognitif seperti yang diketahui iailah suatu perubahan mental yang melibatkan kepada psikologi. Kemudian teori pembelajaran sosial pula mempunyai pembelajaran secara peniruan dan pengamatan. Elemen- elemen yang berada dalam kedua-dua teori ini telah dimasukkan dan diadaptasikan kepada model Integratif ini. Intergratif yang bermaksud menghubungkaitkan atau menyatupadukan sesuatu supaya menjadi lebih kukuh telah dijadikan sebagai dasar pembinaan model ini. Oleh itu, penggabungan dimensi serta elemen yang ada di dalam dimensi telah menghasilkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sesuatu yang saling berhubung kait dan lebih kukuh berpandukan kepada maksud model Integratif itu sendiri.

4.7 Kesimpulan

Setelah melihatkan kepad respon para guru yang merupakan responden dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa guru-guru ini amat memerlukan pembaharuan bagi model pembelajaran yang khusus untuk cerpen dan novel. Guru-guru ini juga telah didedahkan dengan model pembelajaran sedari awal penglibatan mereka dalam bidang pendidikan ini. Mereka sendiri juga menganggap bahawa model pembelajaran penting. Perubahan masa dan pembangunan yang serba canggih membuatkan mereka perlu melaksanakan improvasi dalam bidan masing-masing terutama Bahasa Melayu (KOMSAS) dan Kesusasteraa Melayu yang mana semakin hari semakin dipinggirkan. Matapelajaran seperti sains dan matematik sangat diutamakan kerana dianggap itulah yang akan menentukan masa hadapan mereka kelak. Oleh itu, mulai sekarang tanggapan itu perlu segera dihapus dalam kalanga murid-murid agar mereka menyedari asas yang perlu diketahui oleh mereka yang mana perlu sentiasa seiring untuk mencapai kejayaan.

Model Integratif yang telah diubahsuai khusus bagi pengajaran cerpen dan novel pastinya dapat mengurangkan bebanan guru untuk menghasilkan suatu pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan paling penting mudah untuk diterjemah dan difahami dengan mudah. Zaman kini bukan lagi di zaman yang perlukan sesuatu yang dianggap ‘complicated’ tetapi kini adalah zaman di mana semuanya perlu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dimudahkan. Oleh itu, kini sudah diciptakan pelbagai mesin yang dapat memudahkan pekerjaan manusia. Dari sudut pendidikan guru adalah peranan utama dalam menentukan hala tuju pendidikan dan juga murid itu sendiri. Gurulah yang akan membimbing dan membantu murid untuk terus berjaya dan mencapai cita-cita. Kesimpulannya, model Integratif ini akan dapat membantu guru untuk memudahkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran cerpen dan novel.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Sejarah Awal Pendidikan di Tanah Melayu Corak pendidikan yang ada di waktu ini berbentuk bukan formal. Ia wujud dan berkembang bersama-sama pengembangan agama Islam di negari- negeri Semenanjung Tanah Melayu dan kepulauan Melayu pada abad ke 14. Pedagang Arab dan India yang beragama Islam datang ke kawasan Asia Tenggara. Di waktu itu wujudnya institusi pendidikan yang dinamakan ‘sekolah pondok’. Sekolah pondok ini dibangunkan dan dimajukan bersama secara gotong royong di kalangan masyarakat setempat. Pada abad ke 18 dan 19 di Terengganu, Kelantan dan Kedah yang paling banyak sekolah pondok. Ramainya tokoh-tokoh agama muncul menyebarkan agama Islam di Semenanjung Tanah Melayu. Sekolah pondok juga merebak di Semenanjung Tanah Melayu termasuk Singapura. Sehingga sebelum abad ke 20 masih tiada sistem dan organisasi pendidikan berbentuk formal. Kini, sistem pendidikan di Malaysia telah berkembang pesat dan semakin kukuh sejak beberapa dekad lalu. Dalam tempoh sepuluh tahun lalu, pertambahan enrolmen murid

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semakin ketara, peningkatan pengiktirafan global kian menyerlah dalam pelbagai aspek.

Pendidikan sangat berkait rapat dengan model pembelajaran, hasil daripada kajian ini dapat dinyatakan bahawa model pembelajaran merupakan elemen yang sangat penting dalam bidang pendidikan. Sesuatu pendekatan itu ada kekuatan dan kelemahannya. Ini adalah kerana sesuatu pendekatan atau kaedah itu mungkin sesuai dan berkesan bagi sesuatu objektif pelajaran dan suasana pembelajaran. Gaya pembelajaran bermaksud kecenderungan individu dalam cara menerima dan memproses maklumat yang merupakan satu faktor perbezaan individu. Gaya pembelajaran adalah indikator yang stabil tentang bagaimana muridmelihat, berinteraksi dan bertindak balas terhadap persekitaran pembelajaran. Umumnya, setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang tersendiri. Oleh itu, perlu kaedah pengajaran yang pelbagai sesuai dengan gaya pembelajaran pelajar. Seseorang guru harus mengetahui aspek reka bentuk pengajaran kerana tanpa perancangan yang lengkap dan sistematik, seseorang guru tidak dapat mencapai keberkesanan dalam pengajaran terutamanya dalam proses pemilihan dan pengaplikasian media pengajaran.

Semasa merancang aktiviti pengajaran dan pembelajaran guru mesti mengambil kira perkara seperti kebolehan dan keupayaan murid berbeza-beza. Sahsiah seseorang murid mempengaruhi gaya pembelajaran. Justeru, guru perlu mengenal pasti sahsiah murid bagi merancang kaedah dan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi mencapai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Guru mestilah membuat kepelbagaian kaedah pengajaran dan pembelajaran. Seterusnya mengambilkira kemudahan yang sedia ada dan juga masa yang diperuntukkan untuk mengajar. Terdapat dua pendekatan yang boleh digunakan oleh guru iaitu pendekatan berpusatkan guru dan pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpusatkan murid. Pendekatan berpusatkan guru menggunakan kaedah penerangan, penjelasan, bercerita, huraian, memberi nota, syarahan dan demonstrasi. Pendekatan berpusatkan murid pula boleh menggunakan kaedah bercerita, bacaan, latih tubi, pembelajaran akses kendiri, inkuiri penemuan, soal jawab, main peranan, demonstrasi, penyelesaian masalah, sumbang saran, projek, pembelajaran koperatif dan amali.

5.2 Kesimpulan Kajian

Berdasarkan kepada hasil kajian yang telah dibuat menerusi soal selidik yang telah diedarkan kepada para guru, jelas menunjukkan bahawa mereka memerlukan model pembelajaran Integratif ini kerana ia sangat membantu dalam pengajaran cerpen dan juga novel. Zaman arus globalisasi yang sememangnya semakin pesat ini sangat membuatkan guru-guru berusaha setiap hari untuk memikirkan apakah cara atau kaedah yang terbaik boleh digunakan untuk menyampaikan pembelajaran yang berkesan. Harus diakui bahawa setiap murid mempunyai pembelajaran yang berbeza dan itulah yang menjadi cabaran paling besar untuk guru menjayakan pengajaran dan pembelajaran dalam situasi murid yang pelbagai.

Model Pembelajaran Integratif yang dikemukakan pastinya dapat memenuhi keperluan guru-guru. Jika sebelum ini model pembelajaran membantu guru kini ia mampu menjadi medium utama guru bagi mengajar cerpen dan novel. Susunan yang sistematik yang merangkumi set induksi, perkembangan dan kesimpulan menjadikan ia lebih teratur dan memudahkan murid- murid menerima ilmu dengan cara masing-masing. Guru perlu sentiasa kreatif dengan pengajaran mereka pada setiap hari.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bukanlah mudah untuk memastikan murid tidak bosan. Oleh itu, Model Integratif ini mampu untuk mendorong guru-guru memilih aktiviti yang sesuai dengan perkembangan murid-murid di sekolah. Model Integratif ini sememangnya khusus buat pengajaran cerpen dan novel dan ia diubahsuai mengikut kepada keadaan semasa dan mengikut aras peredaran masa yang mana seperti kita sedia maklum murid-murid lebih pantas dan pastinya guru perlu lebih mendahului para murid agar pengajaran senantiasa menjadi menarik.

5.3 Cadangan

Setelah menjalan kajian ini, dapat dilihat terdapat beberapa perkara yang boleh diperbaiki pada masa akan datang dalam bidang pendidikan di negara kita. Tambahan pula Bahasa Melayu (KOMSAS) dan Kesusasteraan Melayu kian dipinggirkan oleh murid-murid kerana menganggap itu tidak menjamin masa hadapan mereka. Ternyata persepsi itu perlu diubah agar murid menyedari bahawa ini adalah perkara yang utama untuk mereka jayakan sebelum mata pelajaran yang lain.

5.3.1 Pembinaan Model Pembelajaran Mengikut Mata pelajaran

Melalui kajian ini, apa yang dilaksanakan adalah pengubahsuaian model pembelajaran sedia ada menjadi sebuah model pembelajaran yang disesuaikan dengan cara pengajaran cerpen dan novel. Terdapat sesetengah yang menganggap mengajar cerpen dan novel ini amatlah mudah. Ternyata tekaan itu salah sama sekali, terutama bagi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sekolah yang mempunya ramai murid yang berbangsa bukan Melayu. Bahkan murid Melayu sendiri kini ada yang masih tidak dapat membaca dengan lancar, apatah lagi mengetahui maksud bagi sesuatu perkataan tersebut. Tambahan pula, model- model pembelajaran yang ada sudah semakin lama dan terdapat di antaranya yang kurang relevan lagi dengan cara pembelajaran abad ke-21.

Oleh itu, lagi baik sekiranya setiap mata pelajaran itu mempunyai model pembelajaran tersendiri. Hal ini kerana para guru dapat menjadikan model pembelajaran itu sebagai tapak asas untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran berkesan. Sekarang ini pulak, sudah ada beberapa mata pelajaran baru yang diperkenalkan. Malah, kini pembelajaran sudah berasaskan Kemahiran Bersepadu Sekolah Rendah (KSSR) dan Kemahiran Bersepadu Sekolah Menengah (KSSM) yang mana telah membawa perbezaan kandungan pembelajaran berbanding dahulu. Oleh itu, seharusnya Model Pembelajaran juga menjadi relevan dengan situasi semasa kini. Apabila setiap mata pelajaran mempunyai model pembelajaran tersendiri akan lebih mudah buat para guru untuk merangka rancangan pengajaran harian yang baik.

Penghasilan model pembelajaran adalah berdasarkan kepada teori-teori yang dikemukakan. Teori yang menjadi asas kepada pembinaan model pembelajaran. Oleh itu, teori- teori ini masih boleh digunakan. Cumanya ia perlu menghasilkan model pembelajaran mengikut kepada mata pelajaran tersebut. Hal ini lebih mendekatkan guru dengan penggunaan model pembelajaran. Diharap pada kajian yang akan datang dapat dihasilkan pelbagai lagi model pembelajaran yang mengikut kepada mata pelajaran tersebut. Hal ini kerana, setiap mata pelajaran mempunyai elemen, etika yang perlu diikuti untuk memastikan mata pelajaran tersebut dapat disampaikan dengan cara yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

betul. Untuk mengelakkan guru tersalah cara penyampaian,model pembelajaran inilah yang akan menjadi penyelamat buat guru-guru di sekolah teutamanya.

5.3.2 Menyertakan aktiviti PAK21 dalam Model pembelajaran

Malaysia merupakan sebuah negara yang berkembang pesat seiring dengan ledakan globalisasi pada masa kini. Dalam menuju ke arah pendidikan bertaraf dunia, Malaysia perlu membawa suatu perubahan yang akan memberi kesan kepada dunia pendidikan. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah meneliti perkara-perkara yang perlu dilaksanakan dan berusaha untuk menjayakan usaha tersebut. Bersesuaian dengan matlamat dan zaman, KPM telah melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK21) bermula pada tahun 2014. Kemahiran Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) abad 21 merujuk kepada beberapa kompetensi teras, iaitu kolaboratif, celik digital, kemahiran berfikir dan penyelesaian masalah. Pembelajaran abad 21 sebagai suatu bentuk pembelajaran yang memerlukan muridmenguasai isi kandungan dan menghasilkan, mensintesis (penyatuan/penggabungan) dan menilai maklumat daripada pelbagai mata pelajaran dan sumber yang luas dengan memahami dan menghormati budaya yang berbeza. Murid diharap dapat mencipta, berkomunikasi, bekerjasama serta celik digital selain mempunyai tanggungjawab sivik.

Kini, PAK21 telah menjadi satu isu yang hangat dalam dunia pendidikan kerana ia dilihat mampu memenuhi keperluan pendidikan pada masa kini, di samping membawaperubahan baru dalam dunia pendidikan. PAK21 dikatakan sebagai proses pembelajaran yang berpusatkan kepada murid. Terdapat beberapa elemen yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diterapkan, iaitu komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis, kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika. Elemen-elemen ini juga disebut sebagai standard asas dalam PAK21. Jika dilihat model pembelajaran yang tersedia ada tiada elemen-elemen PAK21 ini, oleh itu ia mungkin bleh dikatakan masih berada di takuk yang lama. Pendekatan yang baru perlu diambil iaitu dengan menyatukan elemen atau aktiviti PAK21 ini dalam model pembelajaran supaya ia relevan dengan sistem pendidikan kita pada hari ini. Murid perlu disediakan dengan kemahiran menangani cabaran dunia pendidikan yang terdedah kepada pelbagai interpretasi dan kontroversi yang mencabar pemikiran individu. Semua mata pelajaran perlu menekankan ciri pengajaran dan pembelajaran abad 21 termasuklah mata pelajaran Bahasa Malaysia dan juga Kesusasteraan Melayu.

5.4 Penutup

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang telah dijalankan ini telah membuktikan bahawa model pembelajaran masih lagi menjadi elemen utama dalam sistem pendidikan kita. Menerusi soal selidik yang dilaksanakan, rata-rata guru masing menggunakan model pembelajaran. Tetapi apa yang menjadi kekangan adalah kebanyakan model pembelajaran ini adalah versi yang lama yang mana sesetengah daripadanya tidak relevan dengan cara pendidikan masa kini. Kebanyakan guru bersetuju dengan model pembelajaran Integratif yang diubahsuai bertepatan dengan pengajaran cerpen dan juga novel ini membantu mereka menyampaikan pelajaran dengan lebih baik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amalan pengajaran guru yang berkesan bermakna guru tersebut berupaya memperbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar (ABM), mendalami isi kandungan yang hendak diajar. Guru yang pandai mendidik akan memudahkan muridmemahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, manakala guru yang tidak pandai mendidik atau mengajar akan menyebabkan muridsukar untuk memahami sesuatu konsep atau sesuatu kemahiran, malah ia akan menyebabkan pengajaran guru akan membosankan, murid-murid tidak memberi tumpuan dalam pelajarannya atau pelajarmuridtidak mahu masuk ke kelas. Oleh itu amalan pengajaran-pembelajaran guru yang berkesan bermakna pengajaran guru tersebut di anggap baik jika guru tersebut berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran, menyediakan alat bantu mengajar (ABM), mendalami isi kandungan yang hendak di ajar.

Selain itu, guru juga perlu mengetahui akan kebolehan muridmenerima pelajaran, memberi motivasi kepada muridsupaya belajar bersungguhsungguh, dapat mengawal kelakuan pelajar, mengumpulkan muridmengikut kumpulan dan memberi penilaian atau ujian yang kerap kepada pelajar. Dengan kata lain pengajaran-pembelajaran yang berkesan merupakan kebolehan guru itu sendiri untuk mengajar dengan baik dan berkesan dan dapat memotivasikan muriduntuk terus belajar bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

RUJUKAN

A Halim Ali, Mana Sikana dan Mohd Rosli Saludin (2011). *Sastera Membina Peradaban Bangsa.* Kuala Lumpur : Persatuan Penulis BUDIMAN Malaysia.

Aang Imam (2015), *Pengertian, persamaan dan perbedaan cerpen dan novel*. Diperoleh pada 11 Februari 2015 daripada *http://www.kuliah.info/2015/05/perbedaan-cerpen-dan-novel.html*

Ahmad Subki Miskan dan Syed Ismail Syed Mustapa (2013). *Murid dan Alam Belajar*. Kuala Lumpur : Freemind Horizons Sdn. Bhd.

Ahmad Othman (1993/94). *Pendekatan dan Perkaedahan Pengajaran Kesusasteraan KBSM: Cabaran-Cabaran kepada Guru Kesusasteraan*. Pusat Pengajian Ilmu : Universiti Sains Malaysia.

Akhsanul In'am (2011). *Perkembangan dan Validasi Model Pengajaran dan Pembelajaran Matematik berasaskan Metakognitif.* Kajian Ilmiah Ijazah Dr Falsafah Pendidikan Matematik : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Azhar Haji Wahid (2012). *Kritikan Intelektualisme Sastera Melayu*. Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Azhar Hj Wahid (2011). *Globalisasi Sastera Siber*. Tanjong Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Azhar Hj Wahid dan Zawawi Jahya (2012). *Pendidikan Pembangunan Modal Insan*. Tanjong Malim, Perak : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Chew Fong Peng (2008). *Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara. Jilid III*. Selangor : Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

Hamzah Hamdani (2006). *Sastera Kebangsaan Isu dan Cabaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Herrianti (2014). *Model Pembelajaran Discovery Learning Kurikulum*. Diperoleh pada 24 November 2016, daripada *http://www.kompasiana.com/herriati/artikel-model pembelajaran_54f68adea333117d028b5082*

Ishak Ramly (2003). *Teknik Mengajar Sastera. Pahang* : PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). : Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. Koentjaraningrat (1977). *Metode-metode Penelitian Masyarakat.* Jakarta : PT Gramedia, h. 16.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kamarudin Hj.Husin (1988). Kaedah Pengajaran Kesusasteraan. Penerbit Fajar Bakti : Petaling Jaya.

Latifah Ariffin (2011). *Artikel Khabar Dunia : Filem Tarik Pelajar Kepada Sastera*. Diperoleh pada 24 November 2016 daripada *http://tentangsastera.weebly.com/artikel-sastera.html*

Mahaliza Binti Mansor (2013). *Pembinaan Model Pembelajaran Profesional Berasaskan Sekolah Di Sekolah Menengah Harian Di Malaysia*. Kajian Ilmiah Ijazah Dr Falsafah : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mariani Natalina, Imam Mahadi, Anisa Cardina Suzane (2013). *Penerapan Model Pembelajaran Inkuiri Terbimbing Untuk Meningkatkan Sikap Ilmiah dan Hasil Belajar Biologi Siswa Kelas XI IPA SMA Negeri 5 Pekan Baru Tahun Ajaran 2011/2012*. Indonesia : Universitas Riau.

Mok Soon Sang (2009). *Psikologi Pendidikan dan Pedagogi : Murid dan Alam Belajar*. Perak : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mok Soon Sang (2013). *Psikologi Pendidikan Untuk Pengajaran dan Pembelajaran*. Perak : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Mohd Fuad Sam, Marina Majid, Afrah Salwani Jusoh dan Mohd Zain Kasnon (2013). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor : Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.

Naffi Mat (2012). *Fenomena Pendidikan Bahasa-Sastera Melayu : Intergriti Peradaban Bangsa.* Selangor : Darul Risalah.

Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Sharifah Fakhriah Syed Ahmad (2015). *Murid dan Alam Belajar*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Othman Puteh (2000). *Pengajaran Sastera*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.Pusat Perkembangan Kurikulum (1992). *Falsafah Pendidikan Pendidikan Negara*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

Rosinda Situmorang (2014). *Penerapan Model Pembelajaran Kooperatif Type STAD Dengan Menggunakan LKS Untuk Meningkatkan Pemahaman Konsep Matematik Siswa Di Kelas VII SMP N Perut Sei Tuan*. Indonesia.

Rusman (2013). *Model-Model Pembelajaran.* Jakarta : Raja Grafinda Persada.

Suhaimi Bin Haji Muhammad (n.d). *Tahap Kesediaan Guru Terhadap Pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi Bagi Matapelajaran Pendidikan Islam*. Kajian Ilmiah Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Suluk Fitria Nur Rahman, Sudarno Herlambang dan Purwanto (n.d). *Model Pembelajaran Problem Based Instruction (PBI) Berbantukan Media Movie Untuk Meningkatkan Keaktifan dan Hasil Belajar Siswa*. Indonesia : Universitas Negeri Malang.

Suppiah Nachiappan, Kamarulzaman Kamaruddin, Abd Aziz Abd Shukor, Ramlah Jantan, Roslinda Mustapha dan Hazalizah Hamzah (2012). *Pembelajaran dan Perkembangan Pelajar*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.

Siti Hajar Abdul Aziz. (1996). *Penguasaan Kemahiran Membaca, Kaedah Dan Teknik Membaca.* Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd. Siti Hajar Abdul Aziz.. (1998). Pusat Sumber Sekolah

Thahir Bin Nurudin (2006). *Kefahaman Guru Tentang Konsep dan Strategi Pengajaran Komponen Kesusasteraan Melayu dalam Matapelajaran Bahasa Melayu*. Kajian Ilmiah Sarjana Muda. Tanjong Malim : Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Zulkarimen Nasution (2007). *Komunikasi Pembangunan (Pengenalan Teori dan Penerapannya)*. PT Raja Grafindo Persada : Jakarta.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

LAMPIRAN A

Soal Selidik Asal (skor Min 3.72- 3.98) – Tahap sederhana

LAMPIRAN A BORANG SOAL SELIDIK

BAHAGIAN A MAKLUMAT DIRI

Sila tandakan (/) dalam ruangan yang sesuai.

1. Sekolah Bandar( ) Luar Bandar( )
2. Jantina Lelaki ( ) Perempuan ( )
3. Pengalaman Mengajar Pendidikan Islam:
   a. 1 – 5 tahun ( )
   b. 6 – 10 tahun ( )
   c. 11 – 15 tahun ( )
   d. 16 – 20 tahun ( )
   e. 21 – 25 tahun ( )

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN B

Bahagian ini terdiri daripada aspek pendedahan guru mengenai Model Pengajaran Simulasi.

Sila tandakan (/) pada pilihan jawapan anda.

Pendedahan mengenai Model Pengajaran Simulasi	**Ya**	**Tidak**
1. Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran Simulasi semasa pra perkhidmatan di maktab atau di universiti.		
2. Saya pernah didedahkan mengenai Model Pengajaran Simulasi semasa dalam perkhidmatan.		
3. Latihan yang diterima mengenai Model Pengajaran Simulasi penting untuk meningkatkan pengetahuan guru terhadap ciri-ciri Model Pengajaran Simulasi.		
4. Latihan yang diterima memberi input yang mencukupi untuk guru melaksanakan Model Simulasi dalam pengajaran		
5. Latihan yang diterima membolehkan guru menggunakan aktiviti Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran.		
6. Saya mendapat pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi melalui bahan bacaan		
7. Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi melalui perbincangan dengan rakan.		
8. Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan mengikuti program dan kursus yang diadakan di peringkat sekolah.		
9.Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan melayari laman web mengenai Model Pengajaran Simulasi		
10. Saya mendapat pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi daripada maklumat dan bahan yang diperolehi daripada pusat sumber sekolah.		
11. Saya memperolehi pengetahuan mengenai Model Pengajaran Simulasi dengan mengikuti program pendidikan di televisyen mengenai Model Pengajaran Simulasi		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN C

Bahagian ini terdiri daripada aspek pengalaman guru Pendidikan Islam menggunakan Model Pengajaran Simulasi dalam proses pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Sila tandakan (/) dalam petak yang berkenaan mengikut respons yang dipilih seperti di bawah.

1. Tidak melakukan
2. Sekali sekala
3. Kadang-kadang melakukan
4. Selalu melakukan
5. Sentiasa melakukan

Saya memiliki pengalaman mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam dengan melakukan aktiviti berikut:

Bil.	**Pengalaman Mengajar Mata Pelajaran Pendidikan Islam Berasaskan Aktiviti Berikut :**	**1**	**2**	**3**	**4**	**5**
1.	Memberi penerangan kepada murid tentang tujuan dan objektif pengajaran melalui model simulasi					
2.	Memberi penerangan kepada murid cara-cara melakukan aktiviti					
3.	Memilih peristiwa yang sesuai berdasarkan tajuk untuk menjalankan aktiviti					
4.	Menyediakan bahan bantu mengajar sebelum memulakan aktiviti.					
5.	Memaklumkan kepada murid terlebih dahulu sebelum melakukan aktiviti.					
6.	Memaklumkan kepada murid tentang peranan dan tugas mereka dalam melaksanakan aktiviti					
7.	Melatih murid agar mereka faham apa yang akan					
	dilakukan berkaitan tajuk yang telah dipilih					
8.	Memberi latihan kepada murid bagaimana untuk membawa watak dalam aktiviti yang akan dijalankan.					
9.	Mengadakan beberapa sesi latihan agar murid dapat menghayati watak dalam aktiviti					
10.	Membimbing murid melakukan aktiviti sebelum pelaksanaan aktiviti sebenar					
11.	Memastikan semua murid akan terlibat dalam aktiviti yang dijalankan					
12.	Memilih murid sebagai peserta yang akan membawa watak dalam aktiviti					
13.	Membimbing murid untuk bekerja di dalam satu					

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	kumpulan					
14.	Membimbing murid untuk mengeluarkan idea,menunjukan bakat dan kreativiti mereka					
15.	Memberi dorongan kepada murid melakukan aktiviti sehingga mencapai matlamat					
16	Memberi peluang kepada murid melibatkan diri dalam aktiviti yang dijalankan					
17	Memberi dorongan kepada murid menggunakan pancaindera dan bahan bantu yang disediakan secara langsung					
18	Meminta murid mengaplikasikan aktiviti yang telah dipelajari kepada situasi yang baru					
19	Mengadakan perbincangan dengan murid selepas selesai aktiviti yang dijalankan					
20	Menghargai bakat dan kebolehan yang ditunjukkan oleh murid daripada aktiviti yang dijalankan					

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAHAGIAN D

Bahagian ini terdiri daripada aspek keupayaan guru Pendidikan Islam melaksanakan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.

Sila tandakan (/) pada pilihan jawapan anda.

Bil.	**Keupayaan Guru Dalam Melaksanakan Model Pengajaran Simulasi**	**YA**	**TIDAK**
1.	Saya memulakan pengajaran dengan set induksi.		
2.	Saya menyatakan dengan jelas kepada murid tujuan dan matlamat pengajaran berasaskan Model Simulasi		
3.	Saya merancang aktiviti yang berteraskan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran dan pembelajaran		
4.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar ”maujud” dalam pengajaran berasaskan Model Simulasi		
5.	Saya akan memperolehi bahan bantu mengajar dari pusat sumber sekolah		
	Saya akan meminta tolong guru / rakan dalam menyediakan bahan bantu mengajar.		
7.	Jika perlu,saya akan meminta bantuan daripada agensi luar untuk mendapatkan bahan bantu mengajar.		
8.	Jika perlu,saya juga akan mendapatkan kerjasama pihak Pusat Kegiatan Guru (PKG) Daerah dalam penyediaan bahan bantu mengajar.		
9.	Saya berupaya menyediakan bahan bantu mengajar dengan kos yang rendah		
10.	Saya yakin melalui pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi akan dapat menggalakan proses sosialisasi dan kolaborasi di kalangan murid sekolah		
11.	Melalui Model Pengajaran Simulasi murid akan dilatih untuk berfikiran kritis		
12.	Melalui Pelaksanaan Mosel Pengajaran Simulasi proses pemindahan pengalaman dan pembelajaran adalah lebih baik		
13.	Saya yakin keselamatan murid akan terjamin dengan pelaksanaan Model Pengajaran Simulasi		
14.	Saya berasa agak sukar untuk mengawal kelas semasa proses pengajaran.		
15.	Saya bimbang jika murid yang mengikuti model pengajaran ini akan mengganggu kelas lain.		
16.	Saya tidak pasti murid akan mampu untuk melaksanakan watak atau tugas yang telah diberikan kepada mereka.		
17.	Saya tidak yakin untuk melaksanakan Model Pengajaran Simulasi dalam pengajaran sebab saya tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi mengenai model ini.		

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi